

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL:	
Penghargaan Dan Terima Kasih Kepada Ahli Parlimen Bagi Kubang Pasu Dan Mengalu-Alukan Pelantikan Perdana Menteri Kelima	(Halaman 15)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003	(Halaman 50)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh,
P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)
- “ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- “ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh (Johor)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (Dilantik)
- “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
- “ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- “ Puan Lim Kee Moi (Johor)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)

- Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
- “ Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- “ Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
- “ Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
- “ Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Dato’ Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- “ Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- “ Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Udam @ George Adam Talek
- “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- ” Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Khamis, 6 November 2003

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada satu jam untuk selesaikan urusan ini, urusan pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan. Terdapat di hadapan kita 30 soalan, sepintas lalu dalam tinjauan saya, perkara-perkara yang perlu kepada jawapan ialah mengenai Proton, tol, CD, VCD haram, ASEAN, Perdana Menteri, Hospital, tentera, minat belia, polis, pakaian, penagih dadah, globalisasi dalam rangka kegagalan WTO, FOREX khusus menyentuh China, tentera, penglibatan kaum, FDI, trend, ISA - kes-kes spesifik, tenaga mahir, pekerja asing dan seterusnya.

Saya memulakan dengan kata-kata tersebut untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat pertimbangkanlah, biar pun dari segi menjawab mahupun mengemukakan soalan-soalan tambahan, supaya membolehkan Dewan yang mulia ini, diberitahu dalam semangat ketelusan kerajaan sebanyak mungkin perkara-perkara dan isu-isu di depan negara tercinta kita, terima kasih. Maka saya jemput Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

1. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah Proton akan dijual kepada syarikat kereta asing seperti mana Perodua kini dimiliki secara majoritinya oleh syarikat kenderaan Jepun Daihatsu apakah insentif dan kelebihan yang boleh dinikmati rakyat Malaysia menerusi penjualan Proton.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari bahawa proses globalisasi dan liberalisasi pasaran dunia akan memberi kesan kepada industri automotif negara. Dengan persaingan menjadi semakin sengit dan terbuka, semua pengeluar kereta perlu mengambil langkah-langkah strategik untuk terus kekal dalam pasaran. Pada masa ini penggabungan dan kerjasama strategik oleh pengeluar-pengeluar kereta-kereta dunia, sudah menjadi lumrah dan kadangkala tidak dapat dielakkan.

Dalam melaksanakan langkah-langkah untuk menghadapi cabaran-cabaran baru dan untuk meningkatkan daya saing, kemungkinan Proton mengadakan kerjasama strategik dengan pengeluar kereta-kereta asing, tidak harus diketepikan. Namun begitu, bentuk kerjasama strategik dan setakat mana penglibatan pihak asing dalam kerjasama tersebut akan hanya dapat ditentukan setelah segala aspek termasuk baik buruk implikasinya dipertimbangkan dengan mendalam oleh pihak Proton dan *stake holders* dalam jangka masa panjang. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang telah menjawab pertanyaan tadi daripada saya, soalan tambahan saya ialah apakah pihak Proton bercadang untuk memasarkan ataupun mengguna pakaian teknologi injin *Compro* yang telah di R&D dan dihasilkan oleh Proton dalam pengeluaran keretanya dalam waktu yang terdekat ini, memandangkan dengan kecanggihan teknologi yang telah dimiliki oleh Proton, sudah

sampai Proton menggunakan sendiri pengeluaran teknologinya dalam bidang industri, pembuatan kereta tempatan. Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapan senang, Proton akan menggunakan teknologi sendiri dan reka bentuk kereta sendiri untuk memasarkan pada masa yang terdekat. Terima kasih.

2. **Dato' Lau Yin Pin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha lebuh raya bertol mengurangkan bayaran tol pada masa luar kemuncak (*off peak hour*) sebagai suatu insentif untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tan Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Yang di-Pertua: Saya keberatan hendak tegur Yang Berhormat, kita telah sepakat supaya yang mepengerusikan Mesyuarat disebut hanya 'Tuan Yang di-Pertua' sebab silih berganti. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Walau bagaimanapun, Tan Sri Yang di-Pertua, saya menghormati.

Untuk makluman Dato' Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk mengurangkan bayaran tol pada masa luar kemuncak, iaitu dengan izin, *off peak hour* sebagai satu insentif untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar tol yang dikenakan adalah tertakluk kepada perjanjian konsesi untuk lebuh raya yang berkenaan. Sekiranya pihak kerajaan mengenakan kadar tol lebih rendah daripada kadar yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi, maka pihak kerajaan adalah dikehendaki membayar pampasan kepada syarikat konsesi yang terbabit.

Datuk Lau Yin Pin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan. Soalan tambahan saya ialah semasa dengan izin, *off-peak*, jalan itu tidak digunakan dengan sepenuhnya dan sebagaimana kita tahu kadar kemalangan jalan raya di Jalan Persekutuan adalah jauh lebih tinggi sekiranya dibandingkan lebuh raya yang bertol. Kerana apa, kita tak ambil kesempatan ini? Walaupun mungkin dari segi kos, kerajaan mungkin kena bayar kepada lebuh raya yang bertol tetapi dari segi kemalangan, ada manfaatnya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi menyatakan ada juga banyak kemalangan di Jalan Persekutuan jikalau kita bandingkan dengan jalan Lebuh Raya Utara Selatan. Lebuh Raya Utara Selatan ialah dua hala, mempunyai 4 lorong dan ada juga beberapa tempat 6 lorong, dan beberapa tempat 4 lorong dan 6 lorong.

Jadi, banyak kenderaan menggunakan lebuh raya itu dengan lebih selesa. Oleh kerana itu, kita menghadapi sedikit kemalangan sahaja di atas lebuh raya itu. Jikalau kita bandingkan dengan Jalan Persekutuan 1 dan Jalan Persekutuan 2, sehalua dua lorong sahaja. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk meluaskan jalan ini menjadi 4 lorong, di beberapa tempat rancangan itu sedang dijalankan.

Saya percaya dalam tempoh 10 tahun akan datang bukannya dalam 2 tahun atau 3 tahun, tetapi 10 tahun yang akan datang kita boleh juga menyelesaikan Jalan Persekutuan 1 menjadi 4 lorong seperti apa yang sedia ada pada Lebuh Raya Utara Selatan.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri, saya benarkan satu lagi soalan tambahan mengenai tol. Tidak ada? Terima kasih.

3. **Tuan R. Sinniah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah jumlah pengilang VCD dan CD haram yang telah diambil tindakan pada tahun 2003.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawalan pelesenan melalui Akta Cakera Optik 2000 adalah antara langkah yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membanteras kegiatan pengeluaran dan pendedaran CD dan VCD cetak rompak. Dengan penguatkuasaan Akta tersebut, pada 15 September 2000, hanya kilang yang dilesenkan sahaja boleh beroperasi. Di samping itu, kilang-kilang berkenaan juga perlu mempunyai lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 yang ditadbir oleh pihak MITI.

Seiring dengan kawalan dari aspek pelesenan itu, kementerian telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras kewujudan kilang-kilang haram. Bagi tempoh 1 Januari 2003 hingga 28 Oktober 2003, kementerian telah mengambil 7 tindakan kes terhadap kilang CD dan VCD haram melibatkan penyitaan 12 buah mesin dan peralatan serta salinan cetak rompak bernilai kira-kira RM22.47 juta.

Usaha untuk mengesan kilang-kilang CD dan VCD haram dijalankan secara berterusan dan kementerian telah menubuhkan Pasukan Risikan yang khusus bagi maksud tersebut. Selain daripada itu, kementerian juga menawarkan ganjaran wang kepada pemberi-pemberi maklumat berhubung kegiatan pengeluaran dan pendedaran CD dan VCD haram. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan cukup komprehensif. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Luar Negeri yang telah sendiri datang untuk menjawab soalan saya.

4. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pencapaian Malaysia di Persidangan Menteri ASEAN di Bali pada bulan Oktober 2003 dan penghormatan yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 boleh dianggap di antara yang paling berjaya sekali. Beberapa perjanjian dan deklarasi yang telah dipersetujui dan ditandatangani dengan negara-negara dialog menunjukkan kejayaan ASEAN dalam memupuk kerjasama dengan negara rakan dialog yang mempunyai kepentingan kepada kumpulan ASEAN.

Hasil utama Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 ialah Deklarasi ASEAN Concord II ataupun Bali Concord II, dengan izin yang telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN pada 7 Oktober 2003. Deklarasi ini yang berteraskan kepada tiga tiang utama bagi menghalatujukan ASEAN ke arah pengintegrasian yang lebih bermakna lagi iaitu:

- (i) ASEAN Security Community;
- (i) ASEAN Economic Community; dan
- (ii) ASEAN Socio-Cultural Community.

lanya merupakan satu dokumen yang akan mencorak hala tuju ASEAN khususnya ke arah mewujudkan satu komuniti ASEAN menjelang tahun 2020.

Penyertaan dua kuasa nuklear Asia iaitu Republik Rakyat China dan India dalam Triti Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) pada Sidang Kemuncak ini adalah satu perkembangan penting dan melambangkan bahawa TAC telah diterima sebagai alat diplomasi utama dalam menjamin keamanan dan kestabilan di rantau Asia Timur dan Asia Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dalam bidang ekonomi, ASEAN telah memeterai rangka kerja bagi menjayakan Kerjasama Ekonomi Komprehensif dengan Jepun

dan India yang melambangkan penerimaan ASEAN. Sebagai sebuah rantau yang mempunyai kestabilan dan Korea Selatan juga telah memaklumkan hasrat untuk memeterai Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi bagi mewujudkan Kawasan Bebas Cukai Asean–Republik Korea pada Sidang Kemuncak Asean–Republik Korea yang akan datang.

Kerjasama dalam jangka masa panjang ini akan membawa pewujudkan satu Kawasan Bebas Cukai Asia Timur ataupun dengan izin, *East Asia Free Trade Area* secara tidak langsung ini menunjukkan ilham bekas Perdana Menteri kita berkenaan pewujudan *East Asia Economic Community*, dengan izin telah diterima pakai walaupun namanya kadangkala tidak disebut sedemikian.

Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri juga telah mengadakan pertemuan semasa persidangan itu dengan Presiden Republik Indonesia, Perdana Menteri Myanmar, Presiden Republik Korea, Perdana Menteri Vietnam, Perdana Menteri Republik Rakyat China dan Setiausaha Agung ASEAN.

Dari perbincangan-perbincangan dua hala ianya berkisar di sekitar kerjasama dua hala dengan negara-negara berkaitan dan bagaimana hendak memperkukuhkan kesefahaman di antara ketua-ketua negara ASEAN dan ketua Kerajaan ASEAN.

Di akhir sesi Sidang Kemuncak Ke-9, Presiden Megawati Soekarnoputri bagi pihak semua Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Asean yang lain telah merakamkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir sebagai memperingati peranan dan sumbangannya yang tidak ternilai kepada ASEAN.

Ketua-ketua Negara/Kerajaan yang telah mengadakan perjumpaan dua hala dengan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir telah melahirkan penghargaan dan penghormatan mereka terhadap sumbangan dan beliau dianggap sebagai seorang negarawan yang ulung terutamanya dalam mempertahankan isu-isu kepentingan kepada negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian yang telah disebutkan di atas turut akan membawa kebaikan kepada negara. Secara keseluruhannya Malaysia berpuas hati dengan hasil Sidang Kemuncak ASEAN termasuk Sidang Kemuncak ASEAN + 3, ASEAN + Republik Rakyat China, ASEAN + Jepun, ASEAN + Republik Korea dan ASEAN + India. Malaysia juga telah menggunakan peluang yang sedia ada dengan jayanya bagi mengutarakan pandangan kita dan mempertahankan pendirian mengenai perkara yang mempunyai kaitan dengan soal ekonomi ataupun politik yang membawa manfaat kepada negara kita dan rantau kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun jawapan meliputi, menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri saya benarkan satu soalan tambahan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan perbincangan dua pihak di antara Malaysia dan Myanmar. Adakah di perbincangan itu isu Aung San Suu Kyi yang menjadi satu isu yang penting kepada ASEAN itu dibangkitkan. Kalau ia dibangkitkan adakah Malaysia berpuas hati dengan kedudukan setakat ini? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, isu berkenaan kedudukan Myanmar khususnya setelah Aung San Suu Kyi ditahan dan kemudiannya dilepaskan dengan tahanan di rumah adalah satu isu penting. Di masa yang sama, dalam perbincangan itu mereka membincangkan soal bagaimana revolusi di dalam proses pemerintahan secara demokrasi.

Perdana Menteri Myanmar yang baru telah menerangkan berkenaan peta jalan ke arah pendemokrasian dan bagi melahirkan sebuah negara Myanmar yang aman dan stabil. Oleh itu, soalnya kita memahami masalah yang mereka hadapi, dengan itu kita juga menyebutkan, iaitu Perdana Menteri kita pada ketika itu telah menyatakan pentingnya segala persoalan yang boleh membawa kegagalan ke arah *reconciliation* politik di Myanmar

harus ditangani dan kita mahu Myanmar mengambil tindakan secara domestik bagi menentukan tekanan daripada masyarakat antarabangsa tidak menjadi beban kepada mereka dan juga kepada ASEAN. Terima kasih.

5. **Tuan K.R.A. Naidu** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah objektif Pusat Khidmat Bersepadu atau '*One Stop Crisis Centre*' serta perkhidmatan yang disediakan di pusat-pusat tersebut di hospital-hospital besar seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, objektif Pusat Khidmat Bersepadu, '*One Stop Crisis Centre*', adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang membawa kepakaran dalaman dan agensi luar untuk memberi perkhidmatan kepada mangsa jenayah seksual, penderaan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak. Perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Perkhidmatan Bersepadu ialah seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan Perubatan;
- (ii) Perkhidmatan Kaunseling;
- (iii) Perkhidmatan *Medical Legal*, di mana laporan perubatan dan pengambilan *evidence* termasuk di dalam ini; dan
- (iv) Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat untuk mangsa jenayah seksual, penderaan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak.

Selain daripada di atas, Pusat Khidmat Bersepadu juga berfungsi mengadakan perlindungan sementara untuk mangsa penderaan.

6. **Tuan Ismail bin Kassim** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil dalam menawarkan insentif-insentif menarik bagi menggalakkan lebih ramai golongan belia negara menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan mempunyai pelbagai program dan perancangan bagi menarik minat golongan belia untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menganjurkan ekspo kerjaya ATM di beberapa bandar raya termasuk KLCC di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Arau, Perlis dan di Shah Alam Selangor;
- (ii) mengadakan pameran dan ceramah kerjaya di sekolah-sekolah;
- (iii) memperluaskan program pengambilan anggota Angkatan Tentera Malaysia dengan menyiarkan iklan-iklan pengambilan di dalam akhbar-akhbar;
- (iv) dari masa ke semasa kerajaan juga berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun, ganjaran dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada selaras dengan keadaan semasa dan perkembangan ekonomi negara;
- (v) pihak ATM juga bersedia untuk memberi ceramah di majlis perhimpunan kaum atau bangsa sekiranya dijemput.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penerangan yang diberikan tadi. Kita takut suatu masa dahulu Yang Berhormat, kita lihat seolah-olah dunia pekerjaan ini menjadi lambakan kerana tidak mendapat pekerjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kassim: Saya beri kenyataan dahulu, Tuan Yang di-Pertua dan kemudian saya akan terus kepada soalan. Kerana kita lihat suatu masa dahulu, dunia pendidikan telah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak dibenarkan memberi kenyataan. Soalan.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih, saya terus kepada soalan. Memandangkan kita lihat sekarang terdapat kebanyakan lepasan ijazah yang telah memilih kerjaya ini sebagai kerjaya sampingan kerana tidak mendapat kerja lain. Dalam usaha kita meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan ini, peranan Angkatan Tentera Malaysia adalah penting kepada negara, bangsa dan agama. Jadi, apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian supaya golongan belia dan lepasan ijazah ini benar-benar berminat dan pergi kepada profesion ini dengan minat yang mendalam dan bukan kerana hanya tidak mendapat pekerjaan lain. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat yang telah membangkitkan tentang apakah langkah-langkah yang akan diambil. Sebenarnya Kementerian Pertahanan amat prihatin agar kita dapat menggalakkan lebih ramai lagi generasi muda yang akan menyertai Angkatan Tentera Malaysia khususnya yang mempunyai pengalaman dan kelulusan. Oleh itu kementerian telah menggalakkan dengan satu pendekatan iaitu lepasan daripada universiti contohnya, bila mereka mempunyai ijazah kita akan menaikkan pangkat menjadi kapten, kalau dahulu hanya menjadi leftenan.

Hari ini kita galakkan supaya lebih ramai lagi tampil ke hadapan supaya kita mempunyai, dengan izin, *knowledge based*, *care force*, kita mempunyai pasukan yang mempunyai *knowledge*, pengalaman yang begitu luas, maka salah satu tarikan ialah untuk menggalakkan generasi yang mempunyai ijazah, bila mana mereka mempunyai ijazah, mereka masuk lepas itu terus naik kapten.

Di samping itu juga dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, mereka kita galakkan untuk melanjutkan, mendapatkan pengetahuan yang lebih lanjut. Contohnya kalau mereka mempunyai ijazah Sarjana Muda, mungkin kita galakkan untuk membiayai pengajian ke tahap yang lebih tinggi seperti *Master* atau *Ph.D.* Dengan langkah-langkah ini kita dapati bahawa sebahagian besar daripada generasi muda yang khususnya mempunyai kelulusan telah pun menyertai Angkatan Tentera Malaysia, contohnya dalam bidang perubatan.

Terdahulu daripada ini bidang perubatan adalah satu sektor yang agak banyak bergantung kepada perkhidmatan daripada luar, dan juga kekurangan bilangan yang menyertai. Alhamdulillah, pada saat ini sudah pun ada tanda-tanda yang menggalakkan.

7. **Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah PDRM akan melaksanakan pemakaian tudung atau kain serkup kepala, selain daripada topi yang sedia ada, untuk dijadikan sebahagian daripada uniform anggota-anggota polis wanita, yang mana pemakaian tersebut di antaranya akan turut menampakkan keseragaman dan kekemasan serta keanggunan anggota-anggota polis wanita.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, anggota polis wanita tidak dibenarkan memakai tudung kerana peraturan pemakaian tudung tidak terdapat dalam peraturan pakaian seragam bagi anggota polis di bawah Fasal Peraturan Ketua Polis Negara. Walau bagaimanapun, anggota polis wanita dibenarkan memakai tudung ketika bertugas di Mahkamah Syariah dan di dalam Majlis Agama Islam.

Kementerian akan mengkaji semua peraturan ini bagi membolehkan pemakaian tudung bagi polis wanita dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam peraturan yang sedia ada. Terima kasih.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat kes yang melibatkan pakaian pangkat seragam polis ditiru, dipakai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan tertentu seperti penipuan dan lain-lain lagi.

Soalan tambahan saya apakah langkah-langkah kawalan supaya pakaian pangkat tersebut dikawal dari segi penjualan dan penempahan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Peraturan sebenarnya sudah ada bagi rakyat negara ini tidak boleh menggunakan pakaian-pakaian yang telah ditetapkan kepada anggota-anggota pertahanan negara dan Polis di Raja Malaysia, termasuk pangkat dan sebagainya.

Ada satu kejadian yang berlaku baru-baru ini, pihak kerajaan telah mengambil tindakan kepada seorang yang menyalahgunakan kemudahan ini. Kita berharap bahawa kejadian yang telah berlaku itu akan menjadi contoh dan ingatan kepada rakyat, tidak semua orang boleh pakai pakaian polis, pakai pakaian askar, pakai pangkat dan mengeluarkan perintah. Undang-undang akan mengikutinya dan diambil kepada mereka yang telah menyalahgunakan persediaan yang ada dalam perkara ini.

8. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah yang telah dikenal pasti di seluruh negara bagi tahun 2001 hingga 2003.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, bilangan penagih dadah yang telah dikenal pasti di seluruh negara bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
2001	31,556
2002	31,393
2003 Januari – Ogos	22,512

Saya percaya bahawa terdapat penurunan tetapi dalam masa yang sama tindakan yang diambil oleh kerajaan dan kerjasama yang telah dibuat oleh rakyat keseluruhannya juga membantu. Kita berharap bahawa penurunan angka ini akan menjadi satu kenyataan berterusan kerana kita juga melalui NGO dan Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Pendidikan, melalui pendekatan kepada ilmu dan keinsafan ini diterapkan pada anak-anak di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah termasuk di peringkat universiti dan kepada kakitangan awam di tempat-tempat kerja dan rakyat keseluruhannya telah diberi maklum dan telah dididik dengan kursus dan ilmu yang ada supaya mereka menjauhkan diri daripada dadah, dalam masa yang sama membantu kerajaan mencegah pada masa yang akan datang.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah tindakan bersepadu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah dapat dibawa ke peringkat kampung kerana saya mendapati masalah gejala dadah ini menular begitu tinggi sekali di peringkat kampung-kampung.

Keduanya, saya juga ingin tahu sejauh manakah sekarang ini langkah-langkah untuk mencegah kemasukan dadah ke dalam negara kita daripada negara jiran dapat dibendung termasuklah juga kemasukan syabu di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini merupakan soalan kesedaran dan kesetiaan. Saya sangat berterima kasih bagi pihak kerajaan. Sebenarnya kerajaan telah menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh dan Kabinet sendiri telah memutuskan bahawa pada tahun ini satu pendekatan perang dadah habis-habisan dan ini bukan merupakan satu slogan tetapi terus dengan praktikal dan operasi yang telah

dijalankan. Banyak rampasan yang telah dibuat secara terbuka ataupun di tempat-tempat yang telah mengendalikannya pengeluaran ini.

Pihak Kastam dan pihak Kementerian Dalam Negeri bukan sahaja membuat operasi melalui manual ataupun kerja tetapi dengan menggunakan alat-alat yang lebih canggih bagi mengesan pengaliran dadah masuk dalam negara kita. Hasil daripada pengaliran ini dan kerjasama serantau melalui setia kawan ASEAN ini, apa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Thai sehingga hari ini, lebih daripada 3,000 orang pengedar-pengedar yang telah ditembak mati. Dengan itu pengaliran dadah masuk ke dalam negara kita melalui Thailand telah berkurangan. Oleh sebab pengurangan kemasukan ini menjadikan harga dadah meningkat.

Dalam masa yang sama PDRM dan pasukan pencegah daripada Kementerian Dalam Negeri keseluruhannya membuat operasi dan melakukan rampasan yang begitu besar. Tetapi tawaran harganya makin meningkat dan menjadikan pengusaha-pengusaha pengedaran dadah ini akan mendapat keuntungan yang lebih besar. Kita seperti mana kata bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, walaupun ada undang-undang di dalam negara kita tetapi sangat susah untuk dilaksanakan sekiranya sensitiviti rakyat tentang kedurjanaan dan penghancuran yang melibatkan dadah ini tidak disedari dan tidak digerakkan bersama.

Oleh sebab itu, saranan perang dadah habis-habisan, kita hendak melibatkan seluruh rakyat mesti menyertainya tanpa mengira kaum, tanpa kira keturunan, tanpa mengira status dan politik di dalam tanah air kita. Kalau 24 juta rakyat menolak dadah, negara ini boleh bebas seperti yang dikehendaki pada tahun 2015, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian kemasukan syabu ke Sabah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kemasukan syabu, kemasukan 'amphetamine types stimulants', kemasukan ganja dan pelbagai lagi adalah melalui operasi-operasi yang telah saya katakan tadi di bahagian sempadan iaitu apabila kita pihak kastam menggunakan *scanning machine* yang boleh menyekat tetapi sudah tentulah betapa pandainya malaikat mengawal, syaitan dan iblis terus mencari jalan yang lebih selamat. Begitu juga seperti penyeludupan di Sarawak. Kalau dia tidak boleh melalui jalan gajah, dia akan melalui jalan tikus dan kadang-kadang jalan tikus menjadi jalan gajah. Dalam pengedaran dadah ini, dia ada mengedar bukan sahaja melalui lori, dalam tangan, dalam beg tetapi dia juga mengedar melalui dalam 'buntut' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkataan yang 'sah' tidak perlu minta izin, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

9. **Che Puan Sri Kelana DiRaja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah dasar yang akan dilaksanakan kerajaan terhadap globalisasi memandangkan kegagalan WTO dan juga negara-negara Barat mencapai kata sepakat di dalam hala tuju pembangunan ekonomi dunia setelah hampir sedekad berusaha ke arah itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, proses globalisasi telah membawa bersama-samanya peluang dan cabaran kepada negara. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka yang mempunyai dasar perdagangan dan pelaburan yang liberal. Dasar ini telah menyumbangkan kepada pencapaian tahap pembangunan negara yang pesat di mana Malaysia merupakan negara pengekspor yang ke 18 terbesar di dunia pada tahun 2002. Malaysia akan terus aktif dalam WTO untuk menentukan sistem perdagangan pelbagai hala yang lebih adil dan saksama. Untuk mencapai objektif ini, Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan negara-negara membangun yang lain dan lain-lain anggota WTO.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada WTO, Malaysia juga akan aktif di peringkat 'plurilateral' seperti di peringkat ASEAN untuk memajukan kepentingan Malaysia dalam pembangunan ekonomi serantau seperti melalui rundingan kerjasama ekonomi ASEAN dengan Jepun, China dan India. Selain itu, Malaysia juga mengambil pendekatan untuk mengadakan kerjasama ekonomi komprehensif secara dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan juga melalui forum-forum antarabangsa yang lain seperti kumpulan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam memastikan proses globalisasi dan dasar yang mempengaruhi dua hala tuju ekonomi dunia adalah adil dan saksama.

10. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pihak kementerian menyedari wujudnya transaksi modal secara besar-besaran dari Malaysia ke negara China hasil daripada penilaian semula mata wang Yuan. Apakah pihak kementerian menyedari wujudnya kes-kes membawa masuk modal daripada Malaysia ke negara China dan apakah pendirian pihak Bank Negara terhadap urus niaga tersebut di mana walaupun ianya seperti satu pelaburan tetapi hakikatnya ianya lebih menjurus ke arah satu tabung spekulasi pasaran.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Bank Negara Malaysia, pengaliran keluar modal ke negara China menerusi sistem perbankan sepanjang tempoh 9 bulan pertama tahun 2003 adalah sebanyak RM216 juta. Sebahagian besar 88% daripada pengaliran modal ke negara China ini adalah untuk membiayai aktiviti ekonomi dengan membuat pelaburan ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang berkaitan.

Kadar pertukaran mata wang Yuan didapati stabil. Ia hanya berubah dalam lingkungan yang kecil iaitu di antara 8.276 sampai 8.278 Yuan kepada satu dolar Amerika. Rekod Bank Negara Malaysia menunjukkan portfolio dan deposit hanya merupakan sebahagian kecil 2.6% daripada jumlah pengeluaran modal ke negara China. Jumlah nilai bagi portfolio dan deposit pada Januari sampai bulan Jun 2003, adalah kurang daripada nilai yang didapati dalam jangka masa yang sama pada tahun 2002. Maklumat ini jelas menunjukkan bahawa pengeluaran modal ke negara China bukan untuk tujuan spekulasi pasaran. Sekian.

11. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pertahanan menyatakan penglibatan kaum-kaum lain selain daripada kaum Melayu dalam bidang ketenteraan, iaitu Tentera Darat, Udara dan Laut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tugas untuk mempertahankan kedaulatan negara dan kepentingan strategiknya daripada ancaman adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat Malaysia. Perkara ini Angkatan Tentera Malaysia sememangnya menggalakkan penyertaan menyeluruh dari rakyat Malaysia. Sungguhpun demikian peratusan penyertaan bukan Melayu masih di tahap yang kurang menggalakkan. Rekod dan maklumat menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan kekuatan Angkatan Tentera Malaysia, nisbah kekuatan pegawai berbangsa Cina adalah 3%, India 3.4%, Sikh 0.77%, Iban 0.96% dan lain-lain bangsa 1.23%.

Sementara nisbah kekuatan lain-lain pangkat berbangsa Cina adalah 0.26%, India 1.84%, Sikh 0.07%, Iban 0.73% dan lain-lain bangsa 6.48%. Berbagai-bagai bentuk publisiti dan pendekatan menyeluruh telah dan sedang dilaksanakan bagi menggalakkan lebih penyertaan daripada bukan Melayu di dalam Angkatan Tentera Malaysia kerana peluang untuk mempertahankan negara sentiasa terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi satu jawapan yang begitu teliti dan terperinci. Soalan tambahan saya, adakah pihak Kementerian membuat kajian apakah sebab-sebabnya mereka (kaum bukan Melayu) tidak berminat untuk menyertai perkhidmatan ini? Terima kasih.

Dato' Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kementerian telah membuat beberapa kajian dan peninjauan tentang bagaimana keadaan ini berlaku, sebahagian daripada pendekatan yang kita telah ambil yang kita mengambil *random* pendidikan dan kita dapati bahawa beberapa faktor menjadi tarikan kepada pihak-pihak ini yang tidak ingin menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Sebahagian daripada itu ialah faktor dari segi insentif yang terdapat daripada luar contohnya dari segi oleh sebab pertumbuhan ekonomi yang begitu baik dan mereka lebih gemar untuk menyertai berbagai-bagai perkhidmatan yang lain kemungkinan di peringkat swasta dan faktor-faktor yang lain kemungkinan dari segi permasalahan contohnya keadaan yang tidak mendorong mereka untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang amat berat dan kadang-kadang permasalahan pemakanan pun menjadi satu faktor. Maka dengan itu Kementerian telah mengambil beberapa langkah contohnya untuk menarik kaum-kaum India, kita pun menitik-beratkan supaya dari segi masalah makan daging kemungkinan masalah, kita sediakan makan capati contohnya untuk seakan-akan ada kesesuaian, keselesaan untuk mereka menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Begitu juga faktor dari segi dorongan dari segi gaji dan elaun, pihak Kementerian telah pun mengemukakan beberapa elaun ke peringkat *central agency* dengan izin. Sehingga ini ada 41 elaun yang kita boleh kemukakan kepada *central agency* dan mudah-mudahan ini akan mendapat perhatian daripada pihak *central agency* khususnya Perbendaharaan dan ini akan sedikit sebanyak dapat memberi galakkan kepada mereka untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

12. **Dato' Haji Mohamad Taha Ariffin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah trend Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan apakah strategi yang sudah diperkemas untuk memastikan (FDI) di Malaysia dapat diperkukuhkan dan dipertingkatkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan langsung asing (FDI) dengan izin di peringkat global telah menunjukkan *trend* yang menurun berikutan pertumbuhan ekonomi negara-negara penyumbang utama FDI yang tidak begitu menggalakkan. Menurut *World Investment Report 2003* dengan izin, pengaliran masuk FDI global turun sebanyak 21% kepada USD651.2 bilion pada tahun 2002, berbanding dengan USD823.3 bilion pada tahun 2001. Negara-negara Asia juga turut mengalami penurunan pengaliran masuk FDI sebanyak 11% daripada USD106.7 bilion pada tahun 2001 kepada USD94.9 bilion dalam tahun 2002.

Trend menurun FDI juga dialami oleh Malaysia. Pada tahun 2000 FDI yang diluluskan dalam projek perkilangan berjumlah sebanyak RM19.8 bilion. Jumlah ini turun sebanyak 5% kepada 18.8 bilion pada tahun 2001. Jumlah ini seterusnya turun sebanyak 38% kepada RM11.6 bilion pada tahun 2002. Bagi tempoh Januari hingga September 2003, FDI yang diluluskan dalam projek perkilangan berjumlah sebanyak RM9.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan Malaysia terus berjaya menarik pelaburan asing serta menggalakkan syarikat-syarikat yang sedia ada, mengembangkan operasi Mereka di Malaysia, kerajaan telah mengambil beberapa langkah khususnya seperti berikut.

- (i) Meliberalisasi sepenuhnya dasar ekuiti sektor perkilangan. Di bawah dasar ini, pemegangan ekuiti asing 100% dibenarkan bagi semua pelaburan baru termasuk pelaburan dalam projek-projek pembesaran dan pelbagaian oleh syarikat sedia ada.
- (ii) Meliberalisasi dasar pengambilan pegawai expatriate. Di bawah dasar ini:
 - Kelulusan automatik diberi sehingga 10 jawatan *expatriate* termasuk 5 jawatan utama bagi syarikat-syarikat pengilang dengan modal bayar asing sekurang-kurangnya USD2 juta.

- Kelulusan automatik diberi sehingga 5 jawatan *expatriate* termasuk sekurang-kurangnya satu jawatan utama bagi syarikat pengilang dengan modal pembayaran asing melebihi USD200,000 tetapi kurang daripada USD2 juta.
 - Pegawai *expatriate* dibenarkan bekerja untuk tempoh maksimum 10 tahun bagi jawatan eksekutif dan 5 tahun bagi jawatan bukan eksekutif.
- (iii) Meliberalisasi garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing, FIC dengan izin dalam sektor bukan perkilangan.
- (iv) Menaikkan paras *threshold* pengecualian kelulusan FIC daripada RM5 juta kepada RM10 juta dan mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat.

Akhirnya di samping langkah-langkah tersebut kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memperkenalkan insentif-insentif baru serta memperkenalkan insentif-insentif dan memperbaiki insentif-insentif yang sedia ada. Umpamanya dalam Bajet 2004 insentif pelaburan bagi koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah ditambah baik dengan menaikkan kadar pengecualian cukai daripada 85% kepada 100% bagi galakan tarif perintis dan dari 80% kepada 100% bagi menggalakkan elaun cukai pelaburan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup tepat dan komprehensif jawapan mengenai trend dan strategi FDI.

13. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa 13 tahanan ISA masih terus ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Adakah terdapat sebarang bukti yang menunjukkan 13 tahanan ini patut terus ditahan dan untuk tempoh berapa lama lagikah mereka akan menjadi mangsa tahanan ISA.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, penahanan yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah melalui proses siasatan dan penilaian daripada sudut ancaman yang telah dan akan dilakukan terhadap keselamatan negara. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk membebaskan 13 tahanan ISA tersebut memandangkan terdapat di kalangan mereka yang belum benar-benar insaf. Dan masih memerlukan proses pemulihan yang lebih lanjut bagi memastikan mereka tidak mengulangi kesalahan yang telah mengancam keselamatan negara kita. Dalam pada itu semua kes yang disabit di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan didengar oleh sebuah badan bebas dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Artikel 151(2) Perlembagaan Persekutuan yang dikenali sebagai Lembaga Penasihat.

Menurut Seksyen 15 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 semakan 1972, anggota Lembaga Penasihat disifatkan sebagai anggota perkhidmatan awam dan mempunyai perlindungan dan keistimewaan yang sama sebagai mana yang diberikan oleh undang-undang kepada seorang hakim dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Dalam proses Sidang Lembaga Penasihat inilah, syor Lembaga Penasihat akan diambil kira dalam pembebasan orang-orang tahanan atau sebaliknya. Kerajaan tidak boleh membebaskan dengan sewenang-wenangnya orang tahanan tanpa melalui proses undang-undang yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah bukti-bukti kesalahan mereka dan bilakah mereka akan dihadapkan kepada Sidang Lembaga Penasihat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukti-bukti kesalahan mereka adalah satu yang tidak dapat diterangkan kepada umum kerana akta ini tidak membenarkan semua orang

mengetahui tapi sedikit sebanyak telah saya terangkan bahawa tindak tanduk dan persediaan mereka membawa keancaman dan ketidakstabilan keselamatan dalam negara ini. Bilakah kes mereka ini akan dibawa kepada Lembaga Penasihat? Itu terpulang kepada Lembaga Penasihat untuk memutuskannya.

14. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah rancangan kementerian yang terkini bagi melatih tenaga mahir setanding dengan negara maju.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi melatih tenaga mahir yang kompeten, Kementerian Sumber Manusia telah membina sembilan lagi Pusat Latihan Perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi menampung kekurangan tenaga mahir di sektor perindustrian. Sehingga kini terdapat 20 buah institut latihan di seluruh negara yang sedang beroperasi dan dengan terbinanya sembilan buah lagi, semuanya berjumlah 29 buah. Kementerian menganggarkan seramai 17,000 tenaga mahir dan separuh mahir akan dapat dikeluarkan setiap tahun dari pelbagai bidang latihan.

Kursus-kursus baru juga diperkenalkan selari dengan perkembangan perindustrian terkini yang mana amat memerlukan tenaga kerja mahir dalam bidang-bidang tersebut. Di antara bidang-bidang baru yang diperkenalkan adalah Teknologi Maklumat (*Interactive Multimedia*), Teknologi Maklumat (*Software Development*), Teknologi Maklumat (Sistem Integriti dan Sekuriti), Teknologi Maklumat (Sistem dan *Network*), *Instrumentation*, *Advanced Digital Control*, *Micro-Electronic*, *Advanced Material Technology (Ceramic)* dan juga *Advanced Material Technology (Composite)*. Tenaga pengajar di institut kemahiran ini dipertingkatkan kemahiran mereka dari masa ke semasa melalui latihan semula tenaga pengajar.

Sehingga kini beberapa program telah dijalankan, di antaranya:-

- (i) program pembangunan kurikulum dengan kerjasama *Deutsche Gesellschaft Fur Technische Zusammenarbeit (GTZ)*. Susah sedikit. Bahasa Jerman. Program ini menawarkan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan kepada pensyarah-pensyarah ILB, JTM dan KSM berdasarkan keperluan teknologi terkini yang disesuaikan dengan sistem pendidikan di Malaysia;
- (ii) program *Seaswitch Registered Master Welding Instructor* dan juga *Non-destructive testing* dengan kerjasama *The Welding Institute (TWI)*, Cambridge, United Kingdom. Program akan meningkatkan lagi dan mentauliahkan *certification scheme* - dengan izin - *for welding and instruction personnel*, *Seaswitch* kepada tenaga pengajar yang terpilih; dan
- (iii) program peningkatan akademik yang mana membuka peluang kepada tenaga pengajar melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi pada Master dan juga Ph.D. Dari masa ke semasa *in-house training* - dengan izin - juga diadakan di samping latihan dalam industri sama ada di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, panjang sedikit. Kementerian ini melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) juga terlibat dalam usaha membangunkan standard kemahiran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau panjang tapi tepat tidak apa. Yang susahanya panjang, tidak tepat.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *Course* yang setanding dengan standard *competency* di negara maju. Melalui usaha ini, program latihan kemahiran yang dikendalikan oleh pusat-pusat bertauliah MLVK akan dapat dipertingkatkan lagi, kemahiran pekerja setanding dengan negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui satu lagi agensi iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang melaksanakan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) bagi menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja secara berterusan. Program latihan semula dan peningkatan kemahiran di kalangan pekerja di sektor swasta melalui skim ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada majikan, melatih semula dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Selain daripada itu, bidang-bidang lain yang difokuskan ialah seperti *e-learning*, Latihan Berbantu Komputer (*Computer-Based Training*), keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan dan motivasi, bidang kemahiran kualiti dan teknikal bagi meningkatkan tenaga mahir tempatan setanding dengan negara maju. Sehingga kini sebanyak 3.8 juta tempat latihan telah diluluskan bagi melatih semula pekerja dengan bantuan kewangan sebanyak RM1.5 bilion. Terima kasih.

15. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) mengapakah kerajaan meluluskan begitu ramai (difahamkan 1.5 juta orang) pekerja asing untuk bekerja di negara ini; dan
- (b) adakah kerajaan mengambil sikap lebih berwaspada terhadap ancaman keselamatan pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, bilangan pekerja asing yang sah bekerja di Malaysia setakat 1 September 2003 adalah seramai 1,282,591 orang. Kerajaan meluluskan pekerja asing untuk bekerja di negara ini kerana sebab berikut:-

- (i) bilangan pekerja tempatan tidak mencukupi untuk menampung permintaan tenaga kerja yang meningkat;
- (ii) pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja untuk bekerja di sektor-sektor pekerjaan tertentu iaitu dalam kategori bahaya, sukar dan kotor; dan
- (iii) kadar upah dalam sektor-sektor tertentu yang rendah tidak menarik minat pekerja tempatan.

Oleh sebab itu bagi memastikan kegiatan ekonomi di negara ini dapat terus berjalan baik khidmat pekerja asing pada masa ini amat diperlukan oleh negara. Kerajaan sedar bahawa bilangan pekerja asing yang ramai ini akan membawa bersama-sama ancaman keselamatan kepada negara. Oleh itu tindakan bermastautin sentiasa diambil pemantauan. Maksudnya tindakan pemantauan kepada mereka sentiasa diambil dari semasa ke semasa bagi memastikan pekerja-pekerja asing yang berada dalam negara kita tidak memberikan ancaman kepada keselamatan negara ini. Pekerja asing yang melanggar undang-undang negara kita akan ditamatkan permit kerja dan dihantar pulang ke negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Lim Kee Moi.

Puan Lim Kee Moi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang saya hendak tanya iaitu apakah impak pekerja asing yang kerja di sini menyebabkan masalah sosial dan ekonomi pada negara kita?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kalau dipetik daripada soalan ini, impak terhadap sosial adalah amat luas. Satu, dari segi ekonomi, gaji yang mereka dapat sudah tentulah tidak keseluruhannya dibelanjakan di sini. Ia akan dibawa balik ke negara mereka dan ini merupakan pengaliran wang dari negara kita keluar ke negara asing dalam bentuk yang lebih banyak. Seperti saya katakan tadi RM1 juta lebih, kalau satu bulan RM1 sahaja seorang bermakna RM1 juta lebih yang dihantar keluar. Tapi hasil daripada tenaga yang mereka telah berikan kepada penerbitan kepada negara ini, membawa satu keuntungan yang lebih kepada negara kita dalam masa yang sama.

Kita sangat berterima kasih kepada pekerja-pekerja asing. Jadi, dalam soal lain seperti budaya sosial yang menggugat keadaan keselamatan dan budaya sosial yang menggugat keadaan rumah tangga, budaya sosial yang menggugat tentang keselamatan, rompak dan yang lain-lain, itu adalah menjadi tanggungjawab kita dan kita ada mempunyai anggota-anggota keselamatan yang sentiasa menjalankan tugas dan kita mempunyai undang-undang bagi menentukan mereka tidak boleh bermaharajalela.

Pada hari ini, seperti yang pernah saya jawab dalam Dewan Rakyat, terdapat juga orang-orang daripada luar, sama ada mereka menjadi pekerja secara sah ataupun pendatang tanpa izin, yang menjadi perompak dan penyamun. Mereka akan dapat lihat bahawa keganasan mereka ini akan diakhiri dengan satu tembakan pembunuhan. Ini, kita tidak ada pilihan, tetapi itu adalah keadaan yang terakhir. Oleh sebab itu, pekerja-pekerja asing ada dalam negara kita. Pendatang-pendatang asing ada dalam negara kita, mesti tahu bahawa kita ada mempunyai *privilege* untuk mengambil tindakan kepada mereka dan *privilege* yang kita gunakan juga kepada rakyat negara kita yang melanggar peraturan dan undang-undang dalam negara seperti yang saya jawab mengenai ISA tadi. Terima kasih.

16. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah pemantauan dibuat di peringkat awal berhubung dengan aktiviti penambakan laut oleh Singapura yang mengambil pasir dari perairan Malaysia dan apakah tindakan terhadap pemegang-pemegang permit konsesi pasir laut Malaysia berhubung dengan perkara tersebut.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Julai 2002, pasir dasar laut negara ini boleh dieksport ke luar negara iaitu mengikut dasar yang ada pada ketika itu. Selepas tarikh tersebut, kerajaan telah menetapkan bahawa pasir dasar laut tidak lagi boleh dieksport ke luar negara dan hanya boleh digunakan untuk tujuan penambakan di dalam negara sahaja. Sejak tarikh tersebut juga, tindakan pemantauan oleh agensi-agensi penguat kuasa telah dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan tidak ada pasir dasar laut negara dibawa ataupun diseludup ke luar negara.

Berkaitan dengan perkara ini, beberapa siri 'Ops Tambak' diadakan dari semasa ke semasa yang diketuai oleh Bahagian Keselamatan Negara. Setakat ini, tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan pemegang-pemegang lesen konsesi pasir dasar laut di negara ini menyeludup pasir ke luar negara terutamanya bagi aktiviti penambakan laut oleh Singapura. Mana-mana pemegang lesen yang didapati menyeludup pasir ke Singapura, tindakan sewajarnya akan diambil ke atas mereka, termasuklah membatalkan lesen melombong pasir dasar laut kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

17. **Dato' Dr S. Vijayaratnam** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah bangsa seorang pemohon yang ingin memasuki ke pusat pengajian tinggi tempatan masih diperlu diisikan di dalam borang permohonan dengan mengambil kira dasar kerajaan mengikut meritokrasi penuh untuk perkara tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, kod bangsa seorang pemohon yang ingin memasuki pusat pengajian tinggi tempatan khususnya IPTA, masih perlu diisi di dalam borang permohonan untuk keperluan dan urusan pentadbiran sesebuah universiti. Selain itu, ia juga diperlukan bagi memenuhi keperluan setiap statistik agensi-agensi dalam kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai]

USUL

**PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA
YANG BERTAMBAH HORMAT TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD,
AHLI PARLIMEN BAGI KUBANG PASU
&
MENGALU-ALUKAN DAN MENYANJUNG TINGGI PERLANTIKAN
YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, AHLI
PARLIMEN KEPALA BATAS SEBAGAI PERDANA MENTERI KELIMA**

11.06 pagi.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya bangun membawa usul khas di dalam persidangan Dewan ini, mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 26(3) yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini,

menerima hakikat dan merestui keputusan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah berkhidmat dengan amat cemerlang sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat dengan penuh dedikasi, tegas, cekap, berkesan, cemerlang dan bijaksana untuk mengundurkan diri dan mewariskan tampuk kepimpinan negara kepada Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen bagi Kepala Batas, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi;

merakamkan pengiktirafan dan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu terhadap segala jasa, bakti, perjuangan, pengorbanan dan cetusan pemikiran serta sumbangan kepada agama, bangsa dan negara selama lebih 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia, amatlah besar dan tidak ternilai terutamanya menerusi pelbagai dasar, strategi dan program yang pragmatik demi perpaduan dan kesejahteraan bangsa serta kemakmuran negara;

menyedari dan menyanjung tinggi akan kesungguhan dan keprihatinan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu yang telah membawa Malaysia dari sebuah negara yang berteraskan pertanian kepada sebuah negara perindustrian yang disegani di dunia termasuk berjaya menangkis serangan penyangak mata wang antarabangsa dan membawa keluar negara kita daripada krisis kewangan dan juga mengiktiraf bahawa Wawasan 2020 yang diilhamkan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu sebagai inspirasi ke arah memajukan negara secara komprehensif untuk mencapai taraf negara maju;

mengalu-alukan dan menyanjung tinggi pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Ahli Parlimen bagi Kepala Batas sebagai pengganti Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, Tun Dr Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru;

menyedari dan menyokong penuh bahawasanya pelantikan ini akan membawa kepada kesinambungan dasar dalam proses pembangunan negara, khususnya dalam bidang-bidang ekonomi, pendidikan serta sosial bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang berdaya saing dan jati diri serta meyakini bahawasanya hala tuju negara yang telah digariskan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kelima mampu membawa Malaysia ke arah yang lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang;

maka, Dewan Negara yang bersidang pada hari ini 6 November 2003 bersamaan 11 Ramadhan 1424 Hijrah, mengambil ketetapan untuk;

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih serta pengiktirafan kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia, atas sumbangan yang begitu bermakna kepada agama, bangsa dan negara; dan

meyakini kewibawaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Ahli Parlimen bagi Kepala Batas sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru, yang akan meneruskan kesinambungan, kecemerlangan negara.

berikrar akan kerja bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang baru dalam mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan kesejahteraan tahah air serta meneruskan segala dasar, strategi dan program yang telah diperkenalkan dan diperjuangkan oleh Yang Amat Berbahagia Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad."

Tuan Yang di-Pertua, selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah berjaya mewujudkan pembangunan yang seimbang. Antara kemajuan pembangunan material yang begitu membanggakan dengan pembangunan rohani yang seiring di samping mengekalkan nilai-nilai murni kekeluargaan, moral dan pembangunan sosial dan yang paling penting, mewujudkan keharmonian kaum.

Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu bukan sahaja sebagai seorang Perdana Menteri yang bijak dan pintar, malahan, beliau juga merupakan seorang pakar ekonomi yang telah berjaya menggarapkan pembangunan minda rakyat. Kejayaannya dalam merangka dan melaksanakan pembangunan dengan pencapaian yang begitu mengagumkan, terutamanya dalam merawat ekonomi negara pulih daripada kemelut ekonomi yang melanda serantau sehingga pencapaian ekonomi kita dianggap keajaiban sehingga digelar sebagai negara 'ekonomi harimau'.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah khazanah negara yang sangat bernilai dan arkitek Malaysia moden yang telah merencanakan satu pandangan berfokus dan penetapan rangka kerja mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya berteraskan industri menjelang tahun 2020 mengikut acuan Malaysia sendiri dan kemajuan yang dimaksudkan merangkumi semua bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan yang berasaskan kepada pembangunan negara secara total sebagai tunjang ke arah pencapaian yang seimbang.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad juga adalah seorang pemikir atau *visionary* dengan izin, yang mencetuskan banyak idea baru yang diterapkan secara sistematik untuk membangunkan Malaysia sehingga ke tahap hari ini. Ini termasuklah pembinaan mercu-mercu tanda seperti Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Menara Kuala Lumpur yang dikagumi masyarakat antarabangsa dan dicemburui dunia luar. Perdana Menteri Malaysia keempat ini juga adalah merupakan seorang strategis, reformis, pejuang, nasionalis tulen, penyelamat pemimpin berwawasan yang berorientasikan kecemerlangan yang telah meninggalkan landasan yang kukuh dengan menjelmakan kemajuan fizikal dan melonjakkan revolusi akhlah serta kemajuan keyakinan diri rakyat Malaysia sehingga mencapai tahap pembangunan, pengurusan dan kebebasan yang begitu signifikan dan menjadikan model negara Islam dan negara membangun selain begitu disegani serta dicemburui negara-negara lain.

Dasar luarnya begitu realistik dengan berbaik-baik dengan semua negara dan memakmurkan jiran tetapi berani menegur segala kepincangan, kelemahan dan ketidakadilan oder antarabangsa yang dicurahkan oleh kuasa besar, *input theory* dan

pandangan yang beliau kemukakan ternyata mendahului kontemporari yang akhirnya diakui berkesan dan mujarab.

Negara kita telah diwarnai dengan banyak kejayaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu yang mencerminkan keyakinan rakyat negara ini termasuk pencapaian fizikal seperti lebuh raya bertaraf dunia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya, Koridor Raya Multimedia, industri automobil dan juga penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti Persidangan Ketua-ketua Negara OIC, CHOGM, NAM, Langkawi International Dialogue dan penganjuran acara-acara sukan bertaraf dunia seperti Sukan Komanwel 1968, *Grand Prix* motosikal dunia, perlumbaan kereta Formula 1, *Le Tour de Langkawi*, perlumbaan *Formula 1 Power Boat* dunia serta Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) dan sebagainya.

Beliau juga telah melonjakkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang diakui oleh ramai sarjana dan tokoh Islam antarabangsa serta menambahkan bilangan profesional dan teknokrat Melayu serta telah merangka strategi yang mampu menjamin *survival* bangsa Melayu di samping menyaksikan transformasi ekonomi berasaskan pertanian kepada perdagangan dan kini teknologi informasi dan telekomunikasi.

Selama dua dekad ini, begitu banyak lakaran kejayaan yang dicapai oleh negara kita dan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu telah meninggalkan satu warisan yang kuat kepada rakyat Malaysia yang akan terus membawa obor perjuangan, keberanian, keyakinan dan pemikirannya yang akan meresapi jiwa rakyat negara ini, yang akan meneruskan kecemerlangan dan meneruskan perjuangan yang belum selesai dan menjadikan Malaysia negara maju dan menerajui tamadun.

Pemimpin berwawasan ini telah memimpin negara ke arah pemodenan dan kemajuan yang banyak membawa dasar-dasar yang merintis ke arah negara maju serta mengambil kira aspirasi rakyat dan mengimbangi tuntutan-tuntutan masyarakat yang berbilang kaum dan juga peningkatan kualiti sosial dengan mengguna pakai pendekatan yang menolak ekstremisme agama dan chauvinisme kaum. Dalam pada itu beliau juga merupakan aliran Islam yang bersifat *tolerance*, *accommodative* dan progresif di samping mengiktiraf peranan wanita sebagai penyumbang kepada pembangunan negara.

Sesungguhnya Dewan yang mulia ini amat-amat menghargai segala jasa dan sumbangan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah berkhidmat selama lebih 22 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat yang telah membawa Malaysia ke satu tahap yang begitu membanggakan.

Dewan ini juga mendoakan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan Allah S.W.T dan berada dalam keadaan sihat lagi sejahtera serta dilimpahi segala kebahagiaan. Semoga Allah S.W.T memberkati khidmat bakti dan jasa beliau dan semoga Allah menganugerahkan ganjaran di dunia dan di akhirat insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merencanakan suatu peralihan kuasa tampuk kepimpinan tertinggi negara dalam satu keadaan aman dan tenteram. Malahan ini merupakan satu peralihan kuasa terbaik yang pernah berlaku di kalangan negara-negara membangun mahupun saya rasa di dunia. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan kuasa dan jawatan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Ahli Parlimen bagi Kepala Batas ketika beliau dan negara berada di puncak kejayaan. Malahan segala-galanya berada dalam keadaan yang memuaskan termasuklah ekonomi yang kukuh dan politik yang stabil.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru pada 31 Oktober yang lalu berasal dari keturunan ulama terkenal di Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang yang merupakan tokoh kepada ajaran dan nilai Islam dan pernah mendapat pendidikan agama di sekolah agama yang diasaskan oleh keluarganya seterusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melanjutkan pengajiannya ke peringkat ijazah dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Malaya.

Mula berkhidmat dalam kerajaan di Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum diserapkan ke jawatan Ketua Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara. Sewaktu negara mengalami tempoh kritikal pada tahun 1969, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan Ketua Penolong Setiausaha Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN. Berkat kecermerlangan dan dedikasi beliau, kemudian dilantik sebagai Pengarah Belia di Kementerian Belia dan Sukan dari tahun 1971 hingga 1974 serta pernah menjadi Timbalan Ketua Setiausaha di kementerian yang sama.

Pembabitan beliau dalam arena politik bermula selepas ayahandanya meninggal dunia yang pada ketika itu merupakan anggota Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau mula menjadi Ahli Parlimen semenjak tahun 1978 atas Kerusi Parlimen Kepala Batas. Bertitik tolak dari situ, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mula mengorak langkah di dalam politik. Mula menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1980, pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1983 dan kemudian dinaikkan pangkat menjadi Menteri Pendidikan sebelum bertukar ke Kementerian Pertahanan. Pernah terkeluar sementara selama tiga tahun 1987 hingga 1990 daripada Kabinet kerana aliran politik ketika itu namun kecekalan membuka lembaran baru apabila diberi kepercayaan semula menyertai Kabinet.

Kemudian selama tujuh tahun memegang portfolio Menteri Luar Negeri dan membalas kepercayaan Perdana Menteri ketika itu dengan perkhidmatan cemerlang mengharungi isu-isu kritikal di peringkat antarabangsa. Beliau juga pernah memangku tugas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sewaktu Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bercuti, selain memegang portfolio Menteri Dalam Negeri sewaktu berkhidmat sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan latar belakang dan pengalaman yang ada pada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Dewan ini penuh berkeyakinan bahawa beliau mampu memimpin negara ke arah yang dinamik, lebih gemilang, lebih cemerlang dan lebih terbilang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang yang penuh amanah, rajin dan berwibawa dalam menjalankan tugas. Pemilihan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi adalah tepat dan merupakan tokoh yang paling sesuai untuk menerajui negara dan meneruskan agenda kecermerlangan yang telah disusun oleh Perdana Menteri terdahulu.

Selain berpengalaman luas dalam politik dan pentadbiran negara, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi juga mempunyai latar belakang agama yang kukuh. Bapanya adalah bekas mufti pertama Pulau Pinang dan datuknya Abdullah Fahim adalah ulama terkenal yang telah banyak menaburkan jasa dalam mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Kesan didikan agama yang sempurna, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi tampil dengan perwatakan yang lembut tetapi tegas, sederhana, bersih dan sentiasa menerima teguran dan kritikan. Sesungguhnya latar belakang agama menjadi pelengkap kepada perwatakan beliau sebagai seorang pemimpin yang diyakini dan disegani serta sesungguhnya mempunyai kekuatan dan kemampuan yang selayaknya untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Dewan ini menyokong penuh dan meyakini hala tuju negara yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap di Dewan Rakyat tempoh hari yang memberi tumpuan kepada pembangunan mental, fizikal dan *spiritual* yang bertemakan mewarisi kejayaan membina masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sewaktu menjadi Menteri Pendidikan sebelum ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi keutamaan dalam memastikan pendidikan menjadi alat untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, agama dan budaya, termasuk mewajibkan pendidikan kewarganegaraan dimasukkan di dalam sistem pendidikan negara yang bertujuan mengurangkan polarisasi kaum dan menekankan kepada usaha mengisi kemerdekaan.

Ketika itu juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewujudkan kurikulum baru sekolah menengah KBSM yang bermatlamat mengeluarkan lebih ramai tenaga mahir

dalam bidang sains dan teknologi. Ini selari dengan hala tuju yang telah digariskan di Dewan Rakyat pada Isnin lalu yang menekankan kepada pembangunan manusia dan memastikan pendidikan berkualiti sebagai agenda penting dalam usaha membangunkan warisan warga Malaysia yang memiliki jati diri dan daya tahan untuk menghadapi persaingan dunia seajagat.

Sesungguhnya Dewan ini akan menyokong segala usaha dan rancangan yang akan dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mentadbir dan menguruskan kerajaan demi mencapai matlamat memacu kecemerlangan negara. Dewan ini juga akan terus memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima dengan harapan kemajuan negara dapat dilonjakkan ke atas ke satu tahap yang lebih membanggakan dan melihat perpaduan yang lebih utuh.

Dewan ini mendoakan agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi diberikan petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan oleh Mu ya Allah, supaya dapat beliau melaksanakan tugas dan tanggungjawab memimpin negara dengan penuh amanah dan ketakwaannya agar mampu membina negara yang lebih maju, makmur dan diredai oleh Mu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

11.25 pagi.

Datuk Nor Azah binti Awini: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, supaya Dewan yang mulia ini merakamkan pengiktirafan dan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, Tun Dr Mahathir bin Mohamad.

Saya mohon juga untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya Dewan yang mulia ini mengalu-alukan dan menyanjung tinggi pelantikan Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Kepala Batas, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, kerana telah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima dengan sokongan semua lapisan masyarakat di negara kita.

Kami, Ahli-ahli Dewan Negara, berikrar memberikan sokongan padu dan kerjasama yang sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah memulakan persaraannya pada 31 Oktober 2003 yang lalu setelah berkhidmat kepada negara dan rakyat selama 22 tahun 3 bulan 15 hari sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Kita masih merasa hiba dengan persaraan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan perasaan ini dirasai oleh segenap masyarakat berbilang kaum di negara kita terutama rakyat dalam lingkungan kurang lebih 30 tahun. Selama hidup mereka, mereka hanya mengenali Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri hingga ke tahap di mana Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir adalah sinonim dengan Perdana Menteri. Jasa dan bakti Tun Dr. Mahathir kepada negara adalah begitu besar. Dengan wujudnya Wawasan 2020 yang dilahirkan oleh beliau, beliau telah dengan jayanya mencetuskan semangat arah tuju dan keyakinan dalam jiwa rakyat Malaysia.

Alhamdulillah, jasa dan bakti beliau masih hidup melalui ucapan-ucapan, tulisan-tulisan dan pemikiran beliau yang telah dijilidkan dalam beberapa buku dan novel yang mana kita boleh rujuk selama-lamanya. Akhbar semalam umpamanya muka pertama *New Straits Times* mengatakan bahawa buku-buku tentang Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir merupakan *bestseller* - dengan izin - di toko-toko buku.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa kejayaan Malaysia hari ini di semua bidang sama ada bidang ekonomi, pendidikan, sains, politik, teknologi, industri ataupun semua bidang-bidang yang lain kesemuanya berhubung kait dengan dasar-dasar dan panduan

yang diberikan oleh bekas Perdana Menteri kita. Dalam kesemua bidang ini beliau menunjukkan daya pemikiran yang luar biasa. Ini juga diperkasakan dengan kemampuan, kecergasan, keberanian dan ketokohan beliau. Di arena antarabangsa pula, Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir tidak pernah tunduk kepada tekanan dari luar untuk menyuarakan pandangan dan pendirian Malaysia berhubung dengan isu-isu antarabangsa.

Banyak negara membangun di dunia ketiga ditindas oleh kuasa-kuasa besar dunia terutama kuasa barat. Walaupun Malaysia adalah negara yang kecil tetapi dengan peranan Tun Dr. Mahathir membela nasib negara-negara tersebut, negara kita Malaysia hari ini bukan kecil malahan telah menjadi negara yang besar dari segi persepsi dan ini telah membuatkan kita rakyat Malaysia merasa bangga dikenali sebagai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mahathir digelar juga sebagai bapa pemodenan Malaysia telah mengubah wajah Malaysia dari sebuah negara pertanian yang miskin kepada sebuah negara perindustrian yang moden, yang berdaya saing dan berdaya tahan dengan negara-negara maju. Ini terbukti dengan status negara kita yang telah mencapai tahap perdagangan yang ke 17 terbesar di dunia. Dari segi projek-projek besar yang telah dilaksanakan di negara kita, ini telah juga diilhamkan oleh beliau. Di antara lain termasuk KLIA, KLCC, Putrajaya *Multimedia Super Corridor* dan pelbagai lagi yang tidak dapat disebut pada pagi ini.

Walau bagaimanapun, beliau telah mengimbangkan juga fokus beliau kepada pembangunan ekonomi masyarakat, beliau juga melancarkan Skim Satu Kampung Satu Produk, dan saya sendiri telah diberi peluang keemasan mewujudkan dalam melaksanakan projek pertama di bawah skim ini, juga satu-satunya ilham Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir.

Beliau telah menunjukkan sifat kemasyarakatan beliau apabila beliau sendiri mengenal pasti projek sulaman di Kubang Pasu, di mana beliau sendiri meluangkan masa dan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang kecil, seperti *design*, seperti skim warna, teknik menyulam, walaupun masa beliau sangatlah bernilai.

Matlamat Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir adalah untuk mempertingkatkan pendapatan rakyat luar bandar sama ada petani, nelayan dan sebagainya untuk mendapatkan pendapatan kedua agar taraf hidup mereka dapat dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir terhadap segala jasa, bakti, perjuangan, pengorbanan dan cetusan pemikiran serta sumbangan kepada agama, bangsa dan negara selama lebih 22 tahun menjadi Perdana Menteri kita.

Jasa beliau tidak dapat dinilai terutama menerusi pelbagai dasar, strategi, dan program yang pragmatik demi perpaduan dan kesejahteraan bangsa serta kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, jasa-jasa beliau akan terus dikenang dan rakyat Malaysia harus mencontohi semangat perjuangan beliau. Kita amat bertuah dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir kerana telah melantik seorang pengganti seorang tokoh pemimpin yang sama berwibawa dan handal, iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Kita percaya bahawa rakyat Malaysia akan terus menikmati pembangunan dan keamanan di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita yang baru. Seperti yang beliau telah nyatakan pada hari selepas Yang Berhormat Perdana Menteri dilantik, sebagai Perdana Menteri iaitu, "*Janganlah bekerja untuk saya, tetapi bekerjalah dengan saya*", dan kami rakyat Malaysia amnya dan Ahli-ahli Dewan Negara khasnya akan bekerja dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam meneruskan perjuangan bekas Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri yang kelima.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kelab Senator Malaysia, kami menyeru kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri agar Ahli-ahli Dewan Negara tidak dipinggirkan.

Umpamanya, bagi ahli-ahli kami yang bersara selepas berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara selama satu penggal, wang pencen yang diterima hanya RM849 sebulan dan ini sangat menyedihkan, kerana angka ini hanya melepasi garis kemiskinan, dengan izin, *just above poverty line*.

Kita sedia maklum bahawa seseorang Ahli Dewan Negara yang telah bersara masih lagi berkhidmat dan dihormati sebagai pemimpin masyarakat, dan dengan jumlah pencen yang disebutkan tadi amatlah sukar untuk mereka menjalankan tugas tersebut.

Kami juga menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk mengambil perhatian dengan keadaan ini dan mungkin salah satu caranya ialah untuk memanjangkan tempoh satu penggal itu untuk melebihi tiga tahun.

Dari segi peruntukan pembangunan khas pula kepada Ahli-ahli Dewan Negara atau Development Fund, dengan izin, yang sekarang ini berjumlah RM100,000 satu penggal, kami telah mengutarakan cadangan beberapa kali agar amaun ini diubah menjadi RM100,000 untuk setahun agar mencapai kekesanan dari segi membangunkan masyarakat.

Kami juga sangat berharap agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan perhatian kepada isu ini terutama dengan perkembangan masa di mana nilai mata wang kita berbanding jauh dengan masa yang lepas. Malahan beberapa majlis tempatan diberikan peruntukan lebih tinggi daripada setiap peruntukan yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, bahawa sekiranya Yang di-Pertua Dewan Rakyat dianugerahkan gelaran Tun, maka kami Ahli-ahli Dewan Negara ingin merayu agar Yang di-Pertua Dewan Negara haruslah diberikan pengiktirafan yang sama, kalau tidak lebih kerana Dewan Negara merupakan *The Upper House of the Parliament of Malaysia*. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada peranan di dalam ucapan.

Datuk Nor Azah binti Awin: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Ini semuanya adalah dari hati dan jiwa Ahli-ahli Dewan Negara. Semuanya dengan saya? [Tepuk] Terima kasih. Kami rasa telah tiba masanya agar Dewan Negara diberikan martabat yang harus diberikan.

Kami juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang telah meluluskan permohonan kami untuk diberikan satu bangunan di Jalan Ledang yang sekarang dinamakan Rumah Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli Dewan Negara sekali lagi memberikan ikrar bahawa kami akan memberikan sokongan padu dan kerjasama kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ratnam.

11.36 pagi.

Tuan M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya telah diberi peluang untuk menyokong Usul dan membahas atas ketetapan yang akan diambil di Dewan yang mulia ini, pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan penuh hibalah, Ahli-ahli Dewan yang terhormat dan juga rakyat Malaysia telah menerima persaraan tetap bekas Perdana Menteri

kita Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Ahli Parlimen Kubang Pasu pada 31 Oktober 2003.

Lebih daripada dua dekad beliau telah menerajui Kerajaan Malaysia dan boleh dikatakan tempoh masa itu sebagai era keemasan bagi negara ini. Pendapat sedemikian bukanlah keterlaluan kerana di bawah pucuk pimpinan beliaulah segala jenis pemodenan dari segi pentadbiran dan pembangunan telah berlaku di negara ini. Justeru itu, adalah lebih tepat untuk menggelarkan beliau Bapa Pemodenan Malaysia. Tepuklah sedikit. *[Tepuk][Ketawa]*

Satu sifat terpuji beliau ialah, beliau sentiasa mempunyai visi dan misi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tepuk untuk Tun Mahathir atau tepuk untuk Yang Berhormat?

Tuan M. Ratnam: Untuk Tun Mahathirlah. *[Ketawa]*

Satu sifat terpuji beliau ialah beliau sentiasa mempunyai visi dan misi yang sentiasa futuristik dan optimistik. Pendapat-pendapat pesimistik terhadap mana-mana idea beliau sentiasa dapat dipatahkan dengan hujah-hujahnya yang bernas.

Rakyat Malaysia harus berasa syukur dan bangga kerana telah mempunyai seorang Perdana Menteri yang begitu karismatik dan berhemah tinggi, di samping sifat ini beliau juga seorang yang berani mempertahankan pendapat dan pendirian beliau, ada kalanya keberanian menyuarakan sesuatu secara tegas dan berani telah dibidas secara negatif oleh pemimpin-pemimpin dunia yang lain.

Keberanian mempertahankan pendapat beliau telah dapat kita lihat pada tahun 1997 apabila negara ini dilanda krisis ekonomi, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya menangani krisis ekonomi negara yang telah wujud akibat kedurjanaan penganasan kewangan antarabangsa menerusi strategi ekonomi kewangan dan pengurusan yang unik, efektif dan diiktiraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pandangan jauh beliau, boleh kita lihat dengan teliti ialah Wawasan 2020 secara dalam. Beliau merupakan arkitek Wawasan 2020. Doktrin Perdana ini merupakan satu doktrin yang menggariskan perjuangan membina negara Malaysia yang terus berdaulat dan merdeka serta lebih bersatu padu, sejahtera, aman, makmur, maju cemerlang, bermaruah dan berwibawa di era globalisasi dan *neo-colonialisme*.

Kalau kejayaan-kejayaan yang dibawa oleh beliau ini belum meyakinkan sesiapa atas kecemerlangan kepimpinan beliau, maka eloklah mereka lihat satu lagi idea beliau yang jelas menggambarkan kehebatan beliau. Penubuhan Koridor Raya Multimedia adalah ilham beliau. Kini banyak negara maju memuji Malaysia kerana memandang jauh ke hadapan dalam proses pembangunan negara.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyedari bahawa untuk menikmati kadar pembangunan ekonomi yang pesat pada masa-masa akan datang, satu anjakan paradigma harus berlaku dalam cara pembangunan ekonomi kita. Dalam Abad Ke-21, kebanyakan negara akan mempunyai k-ekonomi dan oleh itu rakyat Malaysia mesti sediakan diri untuk transformasi ini. Dalam erti kata lain, beliau telah memberi penekanan yang tinggi untuk bidang ICT.

Ciri-ciri futuristik seperti inilah telah mendesak negara kita dari kebanyakan negara lain di Asia. Segala pujian untuk kejayaan ini harus ditujukan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tidak keterlaluan juga kalau beliau dianggap sebagai pemimpin dunia. Tidak kira di forum mana pun, ucapan beliau diberi perhatian oleh pemimpin-pemimpin dan juga wartawan. Kita pernah menyaksikan kehebatan ucapan beliau atas satu-satu isu apabila beliau berucap di Persidangan Asean, APEC, NAM, OIC dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kecemerlangan kepimpinan beliau selama 22 tahun 3 bulan 15 hari sebagai Perdana Menteri Malaysia. Ingin juga saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan

syabas dan tahniah kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia bagi pihak *Malaysian Indian Congress* (MIC), parti komponen Barisan Nasional yang mewakili masyarakat India di negara ini.

Sifat toleransi, adil dan tidak ingin menganiayai parti-parti komponen dalam BNlah yang telah membawa kepada kestabilan politik dan perpaduan antara kaum. Bukanlah mudah untuk mentadbir sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, namun Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menunjukkan kepada dunia bahawa sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam dapat hidup dengan baik dengan yang bukan Islam.

Di sini, parti MIC juga ingin mengalu-alukan Perdana Menteri baru, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Ahli Parlimen bagi Kepala Batas dan ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima. MIC berharap tradisi kecemerlangan yang telah ditonjol oleh bekas Perdana Menteri akan diwarisi oleh Perdana Menteri yang baru dan negara Malaysia dapat menempa banyak lagi kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminjam slogan yang telah diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri - '*Malaysia Boleh*' untuk menegaskan bahawa rakyat Malaysia memang boleh. Tidak ada keraguan Perdana Menteri yang kelima Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan meneruskan tradisi kecemerlangan ini. "*Tun Dr. Mahathir Mohamad Boleh!*" "*Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Boleh!*" "*Malaysia Boleh!*". Dengan kata-kata ini saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi.

11.44 pagi.

Puan Lim Kee Moi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak MCA menyokong usul yang dibentangkan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Saya bagi pihak MCA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia terhadap segala jasa bakti, perjuangan, pengorbanan dan sumbangan kepada rakyat Malaysia dan negara selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Sumbangan Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak ternilai. Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya membawa kemajuan negara kita dari sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian dan perkhidmatan. Melalui Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad kita berjaya menghasilkan kereta nasional yang menguasai 80% pasaran automobil tempatan.

Hari ini Malaysia merupakan negara perdagangan yang ke-17 terbesar di dunia dan pengeksport utama barangan elektronik. Melalui Tun Dr. Mahathir Mohamad, kita ada rangkaian infrastruktur yang moden dan efisien seperti PLUS dan Projek Lebuh Raya Timur Barat. Kita ada sistem transit aliran ringan, monorel dan kereta komuter elektrik. Kita ada KLIA yang bertaraf dunia dan merupakan lapangan terbang yang termoden di rantau ini.

Kita ada Pelabuhan Klang dan PTP yang bertaraf *World Container Port*. Kita ada Koridor Raya Multimedia, ini membawa kita ke e-ekonomi melalui ICT. Kita ada Link Kedua, Menara Telekomunikasi KL dan Menara Berkembar Petronas. Yang lebih canggih lagi kita ada Pusat Pentadbiran Putrajaya yang indah dan teratur yang menjadi bandar raya contoh kepada negara-negara lain.

Kita ada Petronas, syarikat petroleum antarabangsa, kita ada 18 institusi pengajian tinggi awam. Pencapaian tersebut adalah kerana kepimpinan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad yang gigih. Yang Berhormat Tun boleh digelar sebagai Bapa Pembangunan dan Pemodenan Malaysia.

Kita bukan sahaja berjaya dalam ekonomi akan tetapi kita bangga kerana rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dapat hidup bersama-sama secara aman dan sentosa. Semangat muhibah selalu berada di sisi kita. Kita hormat-menghormati agama, kebudayaan masing-masing. Ini adalah kejayaan yang tercapai oleh Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad sebab Yang Berhormat berjaya membawa

keamanan dan kestabilan kepada negara kita melalui Dasar Ekonomi Baru yang mana rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat menikmati kek ekonomi dengan adil.

Kita juga dapat saksikan negara jiran kita yang kurang aman dan menghadapi rusuhan *racial* yang disebabkan ketidakseimbangan pembahagian kek ekonomi. Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menyedari kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Beliau telah menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik dan ICT.

Kebolehan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad berbahasa Inggeris membolehkan beliau menjadi jurucakap dunia ketiga. Beliau mengharumkan nama Malaysia dalam persidangan United Nations sebab beliau fasih bertutur bahasa Inggeris dan menyuarakan hasrat-hasrat dunia ketiga.

Seperti mana yang kita sedia maklum, 22 tahun dahulu, orang asing kurang kenal dengan Malaysia akan tetapi sekarang apabila disebutkan negara Malaysia di negara-negara luar, mereka tahu di mana terletakinya Malaysia dan mereka akan sebut '*Malaysia Boleh!*'.

Di India, Mahathir bermakna '*Great Warrior*', di negara China, Mahathir '*Ting How*' bermakna '*Superb*'. Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad kita rasa amat bangga dengan pencapaian Yang Berhormat. Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad kita terhutang budi kepada mu.

Ada pantun Melayu berbunyi seperti berikut:

Pisang emas dibawa belayar,

Masak sebiji di atas peti;

Hutang emas boleh dibayar;

Hutang budi dibawa mati.

Kita doakan agar Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad panjang umur dan bersara dengan penuh makna.

Kami bagi pihak MCA sangat mengalu-alukan dan sanjung tinggi pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Kami menyokong penuh bahawa pelantikan ini akan membawa kepada kesinambungan dasar dalam proses pembangunan negara khususnya dalam bidang ekonomi, pendidikan serta sosial bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang berdaya saing. Kami berikrar menyokong sepenuhnya kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan memberi kerjasama yang erat kepada Yang Amat Berhormat.

Kami berdoa agar Yang Amat Berhormat panjang umur dan memimpin kita ke era baru. Dengan ini saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin.

11.52 pagi.

Dato' Mohamad Taha Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul yang dibawa oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi yang telah dibentangkan oleh beliau tadi. Saya daripada Parti PBB dan rakan-rakan saya ingin menyatakan betapa sedih dan hibanya apabila didapati Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri telah bersara pada minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pagi Jumaat yang lalu adalah hari yang amat sedih. Dalam kapal terbang daripada Kuala Lumpur ini ke Kuching dan di KLIA, saya nampak rata-rata ada yang menangis, malah orang dewasa pun menggugurkan air mata mereka kerana perasaan hiba yang amat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau orang Inggeris ada Winston Churchill, orang Amerika ada George Washington dan Abraham Lincoln, orang India ada Mahatma Gandhi, di South Afrika ada Mandela, kita mendapati bahawa Tun Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah setanding dengan personaliti-personaliti yang saya sebut tadi.... [Tepuk]

Beliau seorang negarawan berkelas dunia. Petikan daripada William Shakespeare. Oleh kerana saya menulis ini pukul 5 pagi tadi, jadi saya tidak sempat hendak cari *reference*, dengan izin, “*Some men are born great, some achieve greatness and some men have greatness trust on them*”. Saya percaya ini daripada Macbeth.

Yang Berbahagia Tun boleh kita klasifikasikan sebagai *some of the men who achieve greatness*, oleh kerana keberanian, oleh kerana kecekalan dan oleh kerana sikap kerja kuat yang patut dijadikan sebagai *example* ataupun sebagai pendorong kepada anak-anak muda di Malaysia ini. Beliau disifatkan sebagai, *the greatest Malay in the last 500 years and the other one will be Tun Perak*, dengan izin. Bagi saya, kalau hendak disenaraikan pencapaian atau *achievement* Yang Berhormat Tun, boleh jadi mengambil berjam-jam, lagipun banyak yang telah disebut dan disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan ini ataupun di Dewan Rakyat.

Setakat ini bagi saya ingin memetik satu *quotation* mengenai Sir Christopher Wren, iaitu seorang arkitek Inggeris. Apabila orang bertanya, apakah pencapaian Sir Christopher Wren, yang telah membina ataupun membuat pelan untuk Saint Paul's Cathedral yang kita tahu di London. Jawapannya tidak usah di mana-mana, lihat di sekeliling mu, itulah *achievement* Sir Chirtopher Wren.

Bagi Yang Amat Berbahagia Tun, seluruh Malaysia ini, daripada KLIA sampailah kepada MSC, sampailah kepada macam-macam lagi kalau hendak disebut, mungkin satu jam tidak cukup....

Tuan Yang di-Pertua: Sampailah ke rumah panjang, kesan kehadiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:.

Dato Mohamad Taha Ariffin: Sampailah ke rumah panjang. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, satu daripada usaha beliau yang pertama kali dibuat ialah untuk menyeragamkan waktu Malaysia. Dahulu Sabah dan Sarawak setengah jam lebih dahulu daripada Semenanjung dan satu daripada tindakan beliau ataupun keputusan beliau ialah untuk menyeragamkan waktu dan ini dapat memberi perasaan nasionalisme yang amat kuat kerana berbezaan waktu itu, setengah jam di situ, setengah jam di sini, jadi bagi saya itulah satu tindakan yang paling bermakna untuk menyemarakkan lagi perasaan nasionalisme di kalangan kita orang Malaysia.

Visionary leadership. Kalau kita seorang pengaji atau penuntut dalam bidang *leadership*, *visionary leadership* yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun dalam membuatkan satu *vision*, Wawasan 2020 adalah luar biasa. Setahu saya, tidak ada sebuah negara pun di dalam dunia ini yang ada mempunyai *vision* seperti ini tetapi sekarang ini, *vision* ini sudah menjadi contoh kepada pelbagai negara-negara lain seperti Republik Maldives dan lain-lain.

Satu lagi, kepimpinan beliau ialah kepimpinan yang berani. Tadi saudara saya telah menyebut tentang bagaimana, oleh kerana keberaniannya maka beliau dapat mengatasi dengan rakan-rakannya krisis ekonomi yang melanda Asia dalam tahun 1997/1998.

Orang Melayu kata, “*Berani kerana benar, takut kerana salah*”...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh bagi saya laluan sebentar untuk membuat pengumuman, selepas itu Yang Berhormat boleh menyambung ucapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersandarkan Peraturan Mesyuarat 6(3) saya memohon Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar membantu saya untuk terus mempengerusikan Mesyuarat. Silakan Yang Berhormat.

[Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato Mohamad Taha Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbahasan saya.

Pepatah Melayu ada berbunyi begini, "*Berani kerana benar, takut kerana salah.*" Oleh sebab keberanian Yang Amat Berbahagia Tun, maka negara Malaysia dapat diselamatkan daripada menjadi mangsa kepada *The Asian economic crisis* pada tahun 1987. Hanya beliau seorang sahaja yang berani melanggar kaedah-kaedah, apa yang dikatakan formula IMF, dan sekarang kita tahu bahawa dengan ketegasan dan keberanian beliau maka kita tidaklah menjadi pengemis seperti beberapa negara di Asia ini.

Kita masih ingat Tuan Yang di-Pertua, di mana Joseph Stiglitz, seorang pemenang Nobel Prize telah memuji Malaysia. Sungguhpun pakar ekonomi ini pernah bertugas di IMF, tetapi beliau akhirnya bersetuju bahawa langkah Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir adalah satu langkah yang bijak.

Dalam Wawasan 2020, ingin saya petikkan dalam bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak sempat menterjemahkannya pagi tadi. Ucapan ini, pada saya, menjadi inti pati kepada perjuangan atau komitmen Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Ucapan ini dibuat beliau di Copenhagen, Denmark pada 11 Mac 1995, di *United Nations World Summit For Social Development*. *Quotationnya* berbunyi begini:-

"We are determined to develop the nation, (that is Malaysia), in our own mould along all dimensions – economically, socially, politically, spiritually, psychologically and culturally. The vision is for a Malaysian society that is democratic, tolerant and caring, economically just and equitable, progressive and prosperous and in full possession of an economy that is competitive, dynamic, robust and resilient".

Bagi saya *quotation* yang singkat ini dapat menjadikan inti pati, visi (*vision*) seorang pemimpin dunia yang amat kita kagumi.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir faham aspirasi rakyat biasa, daripada nelayan, petani kepada tokoh-tokoh korporat. Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir faham aspirasi orang Sarawak kerana beliau selalu melawat ke Sarawak. Seperti kata Tuan Yang di-Pertua tadi, ke rumah-rumah panjang pun beliau selalu melawat. Jadi bagi kita, tidak ada kata yang cukup untuk kita menzahirkan rasa terima kasih, penghargaan dan hutang budi kita kepada Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Semoga beliau akan bersara dan mendapat waktu untuk berehat dan seterusnya menyambung sumbangannya kepada Malaysia.

Kita juga, Tuan Yang di-Pertua, menyanjungi tekad Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, seorang yang berpengalaman begitu luas. Telah disebutkan tadi oleh saudara saya bahawa beliau adalah bekas seorang pegawai kanan kerajaan dan sebagai bekas pegawai kanan kerajaan beliau tentu tahu masalah-masalah ataupun aspirasi yang dirasakan oleh pegawai-pegawai ataupun bekas pegawai seperti saya. Beliau telah banyak mencurahkan tenaganya dalam pelbagai kementerian, daripada Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, Wilayah Persekutuan dan dalam MAGERAN. Jadi dengan pengalaman yang begitu luas dan sifat-sifat kesabaran serta sifat ketokohan beliau yang tersendiri sebagai bekas Menteri Luar Negeri dalam diplomasi dan sebagainya, maka kita percaya bahawa pelantikan beliau sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru akan membawa kejayaan kepada negara kita.

Untuk mengakhirinya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga seperti Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi tadi, beliau telah mengutarakan sebuah pantun. Jadi saya rasa, elok juga saya beri satu pantun:-

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Walaupun hancur badan-badan kita dikandung tanah,
Jasa-jasa Tun Mahathir tetap dikenang juga.*

Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

12.05 pagi.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan sokongan saya terhadap apa yang telah diutarakan oleh rakan-rakan saya yang lain termasuk juga oleh Menteri yang membawa cadangan ini. Kita semua tahu jasa-jasa Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah pun diucapkan di Dewan Rakyat dan kini di Dewan Negara, jadi saya merasakan apa yang telah dibentangkan itu dicatat sebagai satu sejarah bangsa Malaysia. Tidak perlu saya membentangkan lebih banyak apa yang telah dikatakan. Cukup untuk saya menyentuh beberapa ketika yang *poignant*, yang menyayat hati, yang menusuk kekal di dalam kalbu.

Umpamanya setelah Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri - seperti yang dikatakan oleh sahabat saya dari Sarawak tadi - dia telah menyatukan masa untuk seluruh Malaysia. Beliau juga bagi saya secara peribadi membuat satu pengorbanan yang besar iaitu mengembangkan UMNO ke Sabah. Mudah-mudahan satu ketika nanti, wawasan beliau untuk mengembangkan UMNO ke seluruh Malaysia akan berjaya kerana di Sarawak pun UMNO telah diterima untuk masuk ke Sarawak dan hanya menunggu masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah saya terlihat atau terbaca di mana-mana sekalipun seorang pemimpin yang setelah negaranya dijajah, rakyatnya diseksa, ada yang ditampar, ada yang dipotong kepala dan sebagainya, di zaman Peperangan Dunia Yang Kedua, tetapi apabila beliau menjadi Perdana Menteri, dia mengesyorkan kepada kita supaya belajar daripada bangsa ini kerana bangsa ini telah maju. Pemimpin serupa ini tidak ada hasrat untuk membalas dendam tetapi mempelajari apa yang baik untuk rakyat Malaysia. Bagi saya, Tun Dr. Mahathir adalah seorang peneroka, seorang penjelajah, seorang *explorer* yang hidup di masa hadapan.

Mana ada di dunia ini memberitahu kepada kita bersedia tahun 2100 nanti Malaysia ada 70 juta penduduknya. Beliau telah memberi maklumat kepada kita supaya kita bersedia. Cuba bayangkan apabila Malaysia mempunyai penduduk 70 juta penduduk, berapa banyak sekolah? Berapa banyak tanah harus kita bangunkan? Macam mana jalan raya? Macam mana bandar? Macam mana menyediakan makanan untuk rakyat kita? Sekarang beliau menyediakan kita untuk berfikir menghadapi masa yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mahathir adalah seorang guru kepada kita semua. Beliau membuka minda kita dan pada ketika ini saya percaya tidak ada rakyat Malaysia yang tidak berbangga, baik di dalam Malaysia atau di luar negara, mengatakan "Saya seorang anak Malaysia!". Ini semua kerana Tun Dr. Mahathir.

Saya percaya sebagai anak seorang guru dan di sini juga ramai bekas guru dan pensyarah, bahawa apabila kita mendidik anak kita, kita akan lebih berbangga kalau anak didik kita lebih berjaya daripada kita. Di sinilah saya percaya kepada pelantikan Perdana Menteri kita yang baru, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi atau "Pak Lah". Bersedialah Pak Lah, tunjukkan bahawa pada zaman Pak Lah nanti pencapaian Malaysia ini akan lebih daripada apa yang kita diajar oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir! Saya percaya Pak Lah boleh! Bukan sahaja Pak Lah boleh tetapi beliau ini bagi saya juga seorang yang sabar dalam menghadapi cabaran, seorang yang tenang dalam menghadapi dugaan, seorang yang tidak putus-putus berikhtiar untuk melaksanakan sesuatu bagi mencapai sesuatu.

Pah Lah Perdana Menteri kita yang baru ini sentiasa berikhtiar, apabila kita bersamanya kita merasa tenang kerana apa pun suasana bila kita berhadapan dengan Pak Lah, di hujung ucapan beliau selalu menasihati kita ingat kepada Allah dan menyebut beberapa nasihat beberapa Hadis untuk menenangkan suasana. Saya percaya Pak Lah boleh dan percayalah kita di Malaysia ini akan memberi segala sokongan kepada beliau dan beliau akan menjadi satu murid yang melebihi pencapaian yang ada pada gurunya. Saya percaya Pak Lah boleh!

Tidak perlulah saya bercakap lebih panjang lebar kerana saya percaya apa yang telah dicakapkan dan apa yang telah diucapkan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara,

akhbar-akhbar di seluruh Malaysia adalah satu sejarah, adalah satu pengakuan pencapaian Dr. Mahathir. Apabila Pak Lah sekarang menjadi Perdana Menteri, mudah-mudahan segala krisis, segala pertelingkahan kita difikirkan semula. Pembangkang, saya pernah dengar Perdana Menteri dahulu menjemput supaya mereka marilah bersama-sama membangun negara ini. Malahan kalau boleh mari masuk Barisan Nasional, syarat-syarat boleh dirunding tidak perlu kita bergaduh, bertengkar sebab apabila orang PAS menuduh UMNO atau UMNO menuduh PAS umpamanya, berapa ramai orang PAS resign dari PAS masuk UMNO atau berapa ramai orang UMNO resign dari UMNO masuk PAS? Tidak ada yang mendatangkan apa-apa faedah tetapi semuanya saya percaya boleh dirunding seperti zaman Tun Abdul Razak.

Jadi dengan itu saya fikir cukup untuk saya, saya mengalu-alukan pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan saya percaya segala doa dan restu dan segala harapan rakyat seluruh Malaysia ini dan segala kerjasama akan kita berikan kepada beliau untuk memastikan wawasan Perdana Menteri kita yang lalu, wawasan rakyat Malaysia ini dapat dilaksanakan oleh Perdana Menteri kita yang baru ini, sekian terima kasih dan saya menyokong usul untuk memberikan ucapan yang telah diucapkan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Yang Berhormat Ustaz Hassan bin Shukri.

12.13 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Bismillahir Rahmaanir Rahim. [Sambil menyebut sepotong ayat dalam bahasa Arab] Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk memberikan sedikit ucapan bagi membahaskan usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi menyatakan pengiktirafan kepada jasa-jasa yang telah disumbangkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad selama lebih daripada 22 tahun menjadi Perdana Menteri yang keempat bagi negara Malaysia ini.

Sebagai seorang manusia tentunya kita tidak boleh menafikan sesuatu yang baik dan saya di sini mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negara daripada negeri Kelantan dan Terengganu dan juga mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS), saya dengan sesungguhnya menyatakan pengiktirafan kepada apa yang telah dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri selama lebih kurang 22 tahun.

Walau bagaimanapun, sebagai sifatnya seorang manusia tentunya kita diharuskan memberikan pujian-pujian dan saya rasa banyak pujian yang telah diberikan terutama sekali oleh Yang Berhormat pembentang usul ini dan demikian juga sahabat-sahabat Ahli Dewan yang telah memberikan ucapan dan juga pandangan-pandangan atau pendapat-pendapat mereka mengenai usaha-usaha, kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Tetapi walau bagaimanapun, kita harus ingat Nabi kita Muhammad SAW pun sebagai seorang yang maksum ianya pernah ditegur oleh Allah SWT ketika barangkali baginda terlalai sedikit untuk melayani seorang buta sehingga Allah menegur secara *direct* kepada baginda SAW dalam suatu ayat yang sering kita baca '*Abasawatawwalla*'.

Ini adalah suatu contoh saya rasa yang baik dan saya tidaklah berhajat untuk memberikan teguran-teguran ataupun untuk menyatakan pandangan-pandangan yang saya rasa menghilangkan langsung apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Cuma apa yang saya ingin sebutkan selain daripada pujian-pujian dan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh sahabat-sahabat saya, memanglah beliau seorang yang berani menyatakan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat beliau bukan sahaja di negara kita ini malah beliau telah memberikan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat di hadapan pemimpin-pemimpin negara luar untuk menyatakan sikap dan pendirian beliau sendiri dan pendirian negara kita.

Walau bagaimanapun, saya katakan tadi sebagainya seorang manusia mungkin ada juga pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang beliau berikan itu ada yang menyentuh hati setengah kalangan rakyat dan ini perlulah diambil perhatian oleh kita

semua yang mungkin akan datang ini akan menjadi pemimpin-pemimpin negara pada masa yang akan datang. Kita tidak tahu barangkali Tuan Yang di-Pertua kita boleh jadi Perdana Menteri pada masa yang akan datang kita belum tahu lagi.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, di antara tadi telah disebutkan oleh Ketua Kelab Senator dahulu, pernah saya bangkit dalam Dewan ini kerana ianya dibangkitkan semula, saya inginlah juga memberikan pandangan misalnya kami daripada Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu, selama kami menjadi ahli Dewan ini kami tidak pernah menerima peruntukan yang saya dengar kalau betullah, mungkin tidak betul tetapi mudah-mudahan betul. Setiap Ahli Dewan Negara ini setiap tiga tahun ada menerima peruntukan sebanyak RM100,000 seorang. Tetapi kami tidak pernah terima, boleh jadi memang tidak ada ataupun semua tidak dapat. Itu saya tidak tahulah. Semua yang ada ini tidak dapat tetapi saya dengar cerita-cerita di luar sana, dapat. Bagi setiap orang RM100,000 untuk tempoh tiga tahun.

Barangkali ini kita boleh juga sebut pada pagi yang mulia ini ataupun pada tengah hari yang mulia ini, mudah-mudahan kepada kepimpinan yang baru negara kita ini akan membuat pertimbangan-pertimbangan yang sebaik-baiknya supaya berlaku adil, ini saya hendak sebut perkataan adil kerana Yang Amat Berhormat wakil Kepala Batas yang dilantik menjadi Perdana Menteri, kalau tidak silap pendengaran saya ketika beliau memberikan ucapan di Dewan Rakyat, beliau ada membaca sepotong ayat yang berbunyi 'Auzubillahi minasyaiton nirajim', walaupun beliau tidak membaca ayat itu tetapi saya memahamkan dari maksud yang beliau sebutkan itu ialah ayat.... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Inilah di antara ayat yang maksudnya beliau ucapkan di dalam Dewan yang mulia ini, kalau tidak silap pendengaran sayalah. Beliau menyatakan bahawa sesungguhnya pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri adalah suatu amanah. Bukan sahaja amanah daripada rakyat, tetapi juga amanah daripada Allah S.W.T. Apabila ianya merupakan sebagai suatu amanah, adalah menjadi harapan bukan sahaja saya, saya kira menjadi harapan kepada seluruh rakyat negara ini tidak kira dari bangsa mana pun keturunan mereka dan mereka menganut apa juga agama, tentulah mereka mengharapkan bahawa amanah yang besar ini mestilah dilaksanakan atau ditunjukkan bukti dengan sebaik-baiknya.

Saya menyokong pandangan sahabat saya tadi Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin. Beliau menyentuh pasal pencen ya, saya bukan pasal pencen. Pasal tadilah, makna saya mohon mudah-mudahan dalam pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru ini supaya tidak ada diskriminasi terutama sekali bagi Ahli-ahli Dewan Negara ini, suatu Dewan yang tertinggi selepas Agong, Dewan Negara inilah. Tidak ada Dewan yang paling tinggi. Saya rasa Dewan Rakyat turun bawah pada kita, tetapi biarlah, jangan kita menunjukkan sifat diskriminasi ini sampai kepada Ahli Dewan. Di sini pun kita tunjukkan juga belang yang seperti itu. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang tidak baik dan tidak adil. Kalau ini berlaku juga selepas ini, saya kira ini adalah suatu pelanggaran terhadap amanah supaya berlaku adil.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ada yang minta laluan. Sila.

Dato' Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tidak tanya lagi pada Tuan Hassan bin Shukri kerana dilantik sebagai Timbalan Presiden PAS. Jadi pada hari ini bila saya melihat Yang Berhormat Tuan Hassan mempertikaikan bahawa permohonan untuk peruntukan RM100,000 satu penggal tidak diberi kepada empat orang, mesti ada sebab. Kita ada 60 orang, empat orang tidak diberi mesti ada sebab. Jadi pada hari ini Yang Berhormat elauun dapat tidak semua? RM5,400 dapat tidak? Jadi saya yakin dan percaya bahawa kerajaan berlaku adil kerana diberi elauun tuntutan, elauun telefon dan pelbagai lagi sebagai Ahli Dewan Negara, tetapi kerajaan, saya yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir ketika dahulu pun, dia adalah seorang yang baik. Apabila empat orang diarahkan sebagai orang di seberang laut, tidak dalam sekapal, maka adalah adilnya maka peruntukan ini tidak diberi kepada empat orang. Jadi saya rasa terimalah penjelasan saya itu.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Nanti. Saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bincangkan Usul sokongan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat

Menteri tadi mengenai Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dan pelantikan Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Jadi isu di sini bukanlah isu elaun. Jadi kita jangan besarkan perkara-perkara itu sebab barangkali pembawa Usul pun tidak boleh hendak jawab.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak sebut langsung pasal elaun. Jadi Yang Berhormat ini yang bangkitkan pasal elaun. Saya bersetuju kalau ada peraturan, semua Ahli Dewan ini tidak datang tidak bayar elaun, tidak apa saya sedia. Dahulu pun saya sudah menyatakan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Teruskan dengan ucapan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Dibangkitkan pasal elaun, jadi saya tidak bangkitkan pasal itu. Saya hendak menggambarkan bahawa sesungguhnya di antara keadilan yang perlu dilaksanakan tidak membezakan di antara rakyat dengan rakyat. Jadi yang lebih tinggi kedudukan konon-kononnya di antara rakyat ialah Ahli-ahli Dewan Negara ini. Itu yang saya pohonkan untuk memberikan rangsangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini. Sebab saya akan sekali gus nanti ucap terima kasih, penghargaan sekali gus, kedua-duanya sekali sebelum saya menyebutkan perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi kalau kita hendak menyebutkan satu persatu jasa seseorang dalam perkhidmatannya di mana pun di dalam dunia tentulah kita tidak akan dapat menyebutkan satu persatu. Tetapi barang diingat juga ketika kita menyebut-nyebut jasa-jasa misalnya mantan Perdana Menteri yang keempat. Kita harus ingat bahawa asas-asas pembinaan negara kita ini ia diasaskan kepada orang-orang yang terdahulu. Alhamdulillah saya mempunyai sedikit pengalaman menghadapi Peristiwa 13 Mei. Ini adalah suatu perkara yang paling berat, tetapi pada waktu itu saya juga ingin menyatakan kepada Dewan ini terutama barangkali orang yang muda-muda, orang yang tidak tahu. Pada waktu itu kita berhadapan dengan suasana yang sangat gawat. Tetapi saya telah bersama-sama pada waktu itu dengan Yang Berhormat Datuk Asri, telah dipanggil berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak untuk membincangkan bagaimana suatu cara supaya keamanan dan keselamatan negara kita ini dapat dibangunkan.

Itulah yang hasilnya dibentuk MAGERAN, yang disertai juga oleh PAS waktu itu dan akhirnya membawa kepada Kerajaan Campuran dan penyertaan PAS dalam Barisan Nasional - ini menyahut cabaran daripada Sabah. PAS Tuan Yang di-Pertua, kita terbuka. Kita adalah sebuah parti yang terbuka. Saya selalu menyebutkan kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri di luar Dewan, dari segi perbincangan, perundingan dengan parti-parti di Malaysia ini, saya bukan tidak tahu, saya rasa saya adalah seorang yang paling banyak berunding dengan macam-macam parti. Dengan Parti 46, Barisan Nasional, yang baru ini pun, banyaklah.

Jadi dengan sebab itu kita rasa kita terbuka. Jadi saya mengharapkan Perdana Menteri kita yang baru ini pun juga adalah seorang Perdana Menteri, yang bagi saya bukan sahaja seorang Perdana Menteri malah beliau pernah berkenalan dengan saya sejak daripada dalam GPMS lagi pada tahun 1950-an di Maktab Bahasa di Gelugor pada waktu itu. Waktu ada pertemuan GPMS dan juga persatuan-persatuan yang menghimpunkan orang Islam ataupun orang-orang Melayu. Beliau hadir dan saya pun hadir sama-sama pada waktu itu. Jadi dengan sebab itulah saya mengharapkan supaya Perdana Menteri yang baru ini ataupun yang dilantik baru ini, akan berpegang teguh kepada amanah yang telah beliau suarakan sendiri di Dewan Rakyat, bahawa sesungguhnya pelantikan beliau itu adalah suatu amanah dan kita mengharapkan supaya Allah S.A.W memberikan kekuatan kepada beliau untuk meneruskan amanah yang telah diberikan pertama sekali oleh rakyat melalui pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Yang keduanya saya juga mengharapkan supaya beliau dapat mempertahankan, memelihara, menjaga, mengawal suasana demokrasi berpilihan raya di negara kita ini dengan baik, supaya tidak akan berlaku sebarang ketegangan sama ada ketegangan-ketegangan itu disebabkan oleh undang-undang. Maknanya ada undang-undang, kadang-kadang sampai membuat cegahan-cegahan yang tidak membolehkan rakyat untuk

bergerak ataupun pihak-pihak yang mengambil bahagian dalam pilihan raya, tidak dapat menyuarakan pandangan-pandangan mereka. Oleh yang demikian itu kita mengharapkan supaya beliau akan dapat menjaga dan mengawal negara kita ini supaya terus menjalankan amalan demokrasi berpilihan raya.

Yang ketiganya saya juga mengharapkan dalam tempoh pemerintahan yang beliau akan ketuai ini, kita melihat bahawa sesungguhnya, mudah-mudahan keupayaan dan kemampuan beliau ini akan memberikan sumbangan yang sebaik-baiknya bagi mendekatkan pandangan dan juga pemikiran rakyat negara kita ini, supaya mereka melihat bahawa sesungguhnya agama Islam yang menjadi agama kepada Persekutuan itu akan dilihat lebih jelas, dan akan dihormati serta tidak akan ada orang yang cuba menggugat kepentingan ataupun pandangan-pandangan agama Islam yang menjadi agama Persekutuan itu.

Kita mengharapkan oleh kerana beliau adalah salah seorang daripada anak ulama - tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat, yang membentangkan usul ini - adalah salah seorang anak ulama yang terkenal di utara, Haji Ahmad Badawi. Haji Ahmad Badawi ini adalah seorang ulama dan mempunyai sebuah madrasah yang sangat masyhur sejak dahulu iaitu Madrasah Dairatul Ma'arif Al-Wataniah. Beliau ini pernah sebenarnya, untuk pengetahuan Dewan, pernah menjadi pengasas PAS yang pertama. Beliau menjadi ahli jawatankuasa PAS yang pertama, malah beliau telah dipertanggungjawabkan sebagai mengetuai gerakan Pemuda PAS sebelum ada Dewan Pemuda PAS

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, pejabat PAS ini didaftarkan di Madrasah Dairatul Ma'arif Al-Wataniah itu, pendaftaran asalnya. Jadi, ini pun saya hendak mengingatkan kerana ada sesetengah sahabat menulis di dalam akhbar-akhbar, kononnya PAS ditubuhkan oleh penjajah. Saya nanti bimbang terkait dengan ayah Perdana Menteri kita yang kita sangat hormai pada hari ini. Jadi, kenalah cermat dan kita nasihatkanlah penulis-penulis yang kadang-kadang terbabas pandangan mereka ini, supaya tidak akan lagi berbuat demikian pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya pun tidak mahu ambil peluang yang panjang kerana sahabat-sahabat kita yang lain akan memberikan pandangan masing-masing ataupun membahaskan usul ini. Yang pertama, saya bersetuju bahawa kita memberikan pengiktirafan.....

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Dah hendak akhir dah, ada lagi soalan?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Huh, ada pula lagi?

Datuk Haji Karim Ghani: Ya, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya laluan. Ada sedikit yang tercuik di dalam ingatan saya, bahawa Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri mengatakan zaman kita menghadapi masalah yang besar, ugutan, beliau dan Datuk Asri dipanggil oleh Tun Razak untuk berunding. Pada ketika itu, saya pun sudah cukup dewasa. Tetapi, saya tidak tahu benda itu. Tidak ada ribut di akhbar-akhbar, tidak ada 'gebam-gedebum' di sana sini. Apabila selesai, baru diumumkan dan aman. Tetapi, pada masa ini banyak masalah yang saya lihat sebelum berlaku, sana mencabar, sini 'gedebam-gedebum', akhirnya tidak ada jadi apa-apa. Apa pandangan ustaz tentang ini?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sebenarnya, saya ingat Yang Berhormat sudah tahu dan pernah saya bercakap-cakap dengan Yang Berhormat. Sebab itulah, saya katakan bahawa itu style masing-masing. Style kepimpinan masing-masing. Almarhum Tun Abdul Razak, banyak perbincangan yang kita buat. Dia tidak buat sebarang kenyataan akhbar. Itu saya tidak tahu. Itu pendirian dan style dia, cara dia. Ada banyak perkara kalau saya hendak bentang di dalam Dewan ini. Mungkin setengahnya terkejut tetapi, cukuplah saya menyebutkan bahawa cara Tun Razak. Apabila dia membuat perbincangan-perbincangan, dia memang tidak akan membuat sebarang kenyataan akhbar, sehinggalah sampai suatu keputusan muktamad dibuat, barulah beliau mengumumkan keputusan.

MAGERAN misalnya, setelah ditentukan orang-orang, dari kami berapa orang, barulah beliau kemukakan. Begitu juga pembentukan kerajaan campuran, saya masih ingat. Setelah dipersetujui 13 syarat, barulah beliau umumkan. Saya tidak tahu, itu style beliau, cara beliau menghadapi perbincangan-perbincangan dan perundingan-perundingan. Itulah, di antara seseorang dengan seseorang itu ada perbezaan.

Jadi, dengan sebab itu, barangkali yang datang kemudian ini, dia lebih suka hendak umumkan, buat kenyataan di dalam surat khabar supaya surat khabar pun umumkan. Dia sukalah surat khabar sensasi, surat khabar laku. Ini persoalan-persoalan yang saya ingin beritahu Dewan ini, mudah-mudahan pada masa yang akan datang, ada perkara-perkara yang perlu kita bincangkan dan tidak perlu diumumkan. Ada perkara-perkara yang mungkin kita bincangkan lima, enam kali, barulah kita umumkan, kita beritahu kepada masyarakat. Ini, suatu cara bagaimana kita hendak membangunkan negara kita ini untuk membentuk sebuah negara yang menjamin keamanan dan keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon untuk merakamkan pengiktirafan, pertama peribadi saya sendiri dan kami wakil Ahli-ahli Dewan Negara dari Terengganu dan juga Kelantan serta mewakili PAS, kita menyatakan bahawa sesungguhnya kita memberikan pengiktirafan ke atas jasa, bakti yang telah disumbangkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun lebih dengan suatu peringatan, bahawa sesungguhnya di sana juga terdapat ada perkara-perkara yang mungkin menyayat hati rakyat, yang perlu diambil perhatian berat oleh pemimpin negara yang baru.

Yang keduanya, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kepala Batas yang telah dilantik menjadi Perdana Menteri yang kelima bagi Malaysia, dengan suatu harapan bahawa, beliau akan menunaikan segala amanah yang telah diamanahkan kepada beliau, bukan sahaja oleh rakyat tetapi juga sebagai seorang pemimpin, ianya adalah menerima amanah daripada Allah S.W.T. Kepada kedua-dua pemimpin ini, kita memohon semoga Allah S.W.T. akan sentiasa memberikan petunjuk dan hidayahnya. Mudah-mudahan, mereka akan terus memberikan sumbangan yang murni kepada pembangunan negara kita ini dalam semua bidang, termasuklah bidang ekonomi, pendidikan dan juga sosial.

Dengan ini, saya mohon terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Aaamin. Dijemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub.

12.37 tgh.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Bismillahir Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi merakamkan pengiktirafan dan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad terhadap jasa, bakti dan pengorbanannya kepada bangsa dan negara pada masa beliau menjadi Perdana Menteri selama lebih daripada 22 tahun.

Saya sebenarnya telah mengenali Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah, semasa kami belajar di Singapura, pada awal tahun 50-an. Beliau di King Edward Seventh College of Medicine dan saya di Raffles College. Kedua-dua kolej itu telah digabungkan menjadi University of Malaya semasa kami belajar di sana. Oleh kerana kami mempunyai kelulusan yang berlainan, kerjaya kami juga berbeza. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi seorang doktor, bertugas di Kedah dan saya menjadi seorang pegawai di Malayan Civil Service bertugas di Kuala Lumpur. Kami berjumpa semula bila Tun Dr. Mahathir menjadi seorang politician dan dilantik menjadi Menteri Pendidikan dan kemudian Timbalan Perdana Menteri dan saya berkhidmat di Kementerian Kewangan, dan kemudian di Jabatan Perdana Menteri sebagai Ketua Setiausaha Negara. Saya telah bersara enam bulan sebelum Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri iaitu 22 tahun dahulu. Jadi, umur kami adalah sama

iaitu 78 tahun. Biarpun begitu, beliau kelihatan lebih muda dan mempunyai daya pemikiran yang luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, segala sanjungan dan pujian yang dicurahkan oleh rakyat negara ini dan juga orang-orang luar negara kita terhadap pencapaian jasa dan bakti Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada negara dan dunia sejagat umumnya adalah satu kenyataan atau hakikat yang sebenar dan tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun.

Persidangan NAM dan Persidangan OIC yang telah berlangsung dengan jayanya di Kuala Lumpur dan Putrajaya baru-baru ini adalah suatu inisiatif Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kedua-dua persidangan itu telah memilih Malaysia menjadi Pengerusi selama tiga tahun untuk memandu pertubuhan-pertubuhan itu untuk mencapai objektifnya.

Saya rasa kesanggupan Malaysia menerima pemilihan itu adalah satu komitmen yang sangat besar terutama pada masa kepimpinan negara kita baru berubah dan kita perlu melaksanakan tanggungjawab yang rumit ini supaya kewibawaan dan imej negara kita tidak terjejas. Pelaksanaannya perlu disusun dengan rapi. Sebuah sekretariat yang berkesan perlu ditubuhkan dan diisi oleh pakar-pakar dan juga pegawai-pegawai yang berkebolehan. Oleh kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai visi yang cerah mengenai hala tuju pertubuhan-pertubuhan itu, saya cadangkan beliau dilantik sebagai Penasihat kepada Sekretariat yang disyorkan itu supaya tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Malaysia itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil pegawai-pegawai kerajaan termasuklah polis yang telah bersara, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah memberi pertimbangan yang sewajarnya segala permohonan pesara untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk membolehkan mereka hidup dengan lebih sempurna pada masa mereka tua. Ini berupa kenaikan pencen dan imbuhan ihsan dan bantuan-bantuan yang diberi dari satu masa ke satu masa.

Saya ucapkan selamat bersara kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, moga-moga mereka dipanjangkan umur, sihat walafiat supaya dapat menikmati masa tua mereka dan kalau boleh terus memberi sumbangan yang berguna kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia. Saya juga mengenali Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa beliau bersama saya menjadi seorang pegawai pentadbir selama 14 tahun iaitu dari tahun 1964 hingga ke tahun 1978 dan selepas itu menjadi Menteri di pelbagai kementerian sehingga sekarang. Saya yakin berdasarkan prestasinya yang cemerlang, beliau akan dapat memimpin negara kita menuju ke arah masa hadapan Malaysia yang gemilang.

Sekian, saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Dato' Dr. S. Vijayaratham.

12.44 tgh.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi dan saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi di atas cadangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, kita berada di titik sejarah yang istimewa di mana Perdana Menteri kita selama 22 tahun yang lepas, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan jawatannya pada hari Jumaat minggu lepas. Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sepatah dua kata sebagai suatu penghargaan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad di atas pencapaian beliau yang begitu luar biasa dan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang telah mengalami perkembangan ekonomi yang pesat di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di mana *Gross Domestic Product (GDP)* pada masa ini hampir USD4,000 meningkat berkali-kali ganda.

Kebijaksanaan dan kebolehan beliau dalam Dasar Ekonomi tidak boleh dinafikan khususnya apabila negara kita dilanda dengan kemelesetan ekonomi di tengah dekad 80-an dan juga pada tahun 1998 semasa Krisis Asia. Perkembangan ekonomi yang pesat ini telah meningkatkan taraf kehidupan atau pun *standard of living*, dengan izin. Semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa, agama dan usia.

Beliau juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menarik Pelabur Langsung Asing, (*Foreign Direct Investment*), dengan izin, ke negara kita. Hasil daripada itu, syarikat-syarikat multinasional (MMC) seperti Intel, Motorola, Matsushita, Shell dan lain-lain telah menubuhkan kilang dan pejabat mereka di sini. Daripada itu beribu-ribu pekerjaan telah diciptakan dan yang mendapat faedah ini ialah rakyat kita.

Sebagai seorang arkitek ekonomi yang berwawasan, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah nampak keperluan untuk menyediakan infrastruktur yang baik bagi memudahkan dan juga merangsang kegiatan ekonomi. Di bawah kepimpinan beliau, kita telah menyaksikan persiapan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan banyak lagi lebu-lebu raya di seluruh negara. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Linkedua Singapura, West Port, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Jambatan Besar Pulau Pinang sekadar menyebut beberapa contoh prasarana bertaraf dunia.

Beliau adalah seorang pemimpin dengan penglihatan jangka masa panjang. Dengan peningkatan buruh di Malaysia, beliau memahami bahawa negara kita mesti meningkatkan nilai pembuatan atau *'move up the value chain'*, dengan izin, untuk bersaing dengan negara lain. Beliau mula menekankan betapa pentingnya k-ekonomi ataupun *knowledge economy*, dengan izin, kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Keputusan beliau untuk membentuk Koridor Raya Multimedia (MSC) telah memberi keyakinan dan kesungguhan kepada rakyat Malaysia untuk menyahtu cabaran Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadikan *knowledge economy*, Dasar Ekonomi negara kita menjelang abad ke-21.

Multimedia Super Corridor telah mula menunaikan potensi dan keputusan syarikat antarabangsa seperti HSBC, DHL, Fujitsu dan BMW menubuhkan pejabat Rantau Asia Pasifik ataupun Asia Tenggara di Cyberjaya. Penubuhan syarikat lain seperti Invent Q Jaya tentu akan memberi dorongan kepada pembangunan industri ICT di negara kita. Jasa Tun Dr. Mahathir Mohamad akan dikenangi oleh rakyat generasi muda kerana kesungguhan beliau untuk menekankan k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan parti saya, Parti Gerakan sangat menghargai usaha Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad di atas pembentukan satu masyarakat bangsa Malaysia. Beliau telah mengingatkan kita supaya jangan bersikap tidak menghargai keperluan untuk melaksanakan tugas mencipta sebuah masyarakat yang liberal dan bertoleransi. Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah berjaya membuatkan masyarakat kita yang pelbagai bangsa dan budaya menerima kemajmukan sebagai kekuatan bukan kelemahan. Parti Gerakan menyokong sepenuhnya Dasar Wawasan 2020 yang berusaha dengan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya kesemua sembilan cabaran wawasan tersebut itu dapat dicapai, yang khas dihargai ialah pandangan Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir bukan sahaja berbilang kaum tanpa mengira kaum ataupun *non racial* dengan izin. Ada perbezaannya. Siapa yang layak diberi peluang tanpa mengira kaum atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah mengukuhkan tempat Malaysia di perhubungan antarabangsa. Tidak boleh dinafikan bahawa pemimpin-pemimpin negara lain terutamanya pemimpin negara-negara membangun ataupun *developing nations* dengan izin, menganggap Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang penuh bijaksana, yang berani untuk memaparkan pandangan walaupun tidak diberi sambutan baik oleh negara-negara tertentu di Barat.

Sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau NAM, dan pengerusi Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC, Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah tampil ke depan secara tegas untuk melindungi kepentingan negara-negara membangun dan dunia Islam. Formula perkongsian pintar, sama-sama menang atau *win-win situation* dengan izin, juga telah mengukuhkan hubungan bilateral banyak negara serta banyak memanfaatkan banyak Kerjasama Selatan-selatan, *South-*

south Corporation dengan izin. Saya yakin bahawa banyak fikiran dan pandangan beliau akan tetap relevan dan penting dalam mencorakkan dan membimbing dasar hubungan serantau dan antarabangsa selepas beliau meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada hal-hal politik. Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah memimpin Kerajaan Barisan Nasional dalam lima pilihan raya umum dan Barisan Nasional telah dapat menguasai lebih daripada 2/3 kerusi di Dewan Rakyat. Barisan Nasional dapat kejayaan yang cemerlang dalam Pilihanraya Umum 1995 dan sokongan berulang juga pada Pilihanraya Umum 1999, walaupun ada turun sedikit. Sedikit sahaja!

Saya yakin bahawa warganegara Malaysia akan menunjukkan penghargaan mereka terhadap kepimpinan Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir dengan memberikan undi dan sokongan penuh kepada calon-calon Barisan Nasional di pilihan raya yang akan datang. Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir juga telah menunjukkan kebijaksanaan dan kearifan beliau dengan mengadakan satu peralihan kuasa yang dijalankan dengan licin.

Keputusan Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir untuk memilih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Ahli Parlimen bagi Kepala Batas sebagai penggantinya juga mendapat satu sambutan yang hebat daripada rakyat. Sungguhpun mereka merasa sedih kerana pengunduran Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, mereka mempunyai penuh keyakinan dalam kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi seorang pemimpin yang mempunyai pengalaman yang banyak dan dihormati, disanjung oleh orang ramai.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, kepentingan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk mencegah penyakit rasuah di negara kita adalah satu tanda, satu *signal* dengan izin, yang baik dan harus dipuji dan harap akan dikuatkuasakan dengan tegas dan serta-merta. Saya ingin mengambil kesempatan ini menjamin bahawa Parti Gerakan Rakyat Malaysia akan terus bekerjasama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi membangunkan negara, masyarakat dan juga Barisan Nasional.

Peralihan kuasa yang licin ini dan pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang baru telah disambut dengan baik oleh pelabur dan kenaikan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur di bulan ini adalah bukti keyakinan pelabur tempatan dan domestik terhadap kepimpinan Barisan Nasional di negara kita ini.

Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, kita akan sentiasa kenangi jasa dan kepimpinannya selama 22 tahun ini. Saya mengucapkan terima kasih sepenuhnya ke atas pencapaian Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan memanfaatkan teladan dan kepimpinan Yang Berbahagia Tun. Kepimpinan Yang Berbahagia Tun Dr. telah membawa kepada kita semua. Syabas saya ucapkan kepada pahlawan negara kita Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Dengan kata-kata itu, saya ingin menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Datuk Syed Ali.

12.57 tgh.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama merakamkan ucapan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang juga Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu. Saya memulakan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua dengan serangkap pantun.

*Tun Mahathir nama terbilang,
22 tahun gigih berjuang,
Engkau berehat sebagai pejuang,
Nama mu akan terus dikenang.*

Tuan Yang di-Pertua, selama 22 tahun Tun Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau telah meletakkan nama Malaysia gah di mata dunia, gah di hati rakyat. Sekiranya ingin dibaris jasa dan sumbangan beliau kepada negara bangsa dan agama rasanya tidak tertulis dan terucap akan jasa dan pengorbanan tersebut.

Sebut sahaja di bidang mana, ekonomi, pendidikan, teknologi tinggi, pertanian, pembangunan ummah, malah di peringkat antarabangsa dan apa sahaja terselit jasa dan bakti beliau di situ. 22 tahun bukan masa yang singkat, bukan sedikit pengorbanan dan air mata beliau gugur demi mencapai cita-cita bangsa dan negara.. .

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, kita sambung sebelah petang.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sebelum saya menangguhkan mesyuarat ini, saya ingin membuat sedikit pengumuman. Kita cuba memberi peluang seramai mana yang boleh untuk membahaskan usul ini tetapi saya mencadangkan supaya kita dapat menamatkan perbahasan ini pada jam 3.15 petang. Ketika itu, saya hendak menjemput pembawa usul untuk menggulungnya. Kerana kita ada dua lagi kertas untuk kita selesaikan sebelah petang nanti. Jadi, saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat semua kalau boleh kita beri peluang seramai mana yang boleh, kita akan beri. Terima kasih.

Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Datuk Syed Ali menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hari ini setiap daripada kita sedang dan akan terus merasai nikmat faedah hasil daripada perjuangan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad selama 22 tahun dan saya rasa parti pembangkang pun, Tuan Yang di-Pertua, merasai kenikmatan yang telah diperjuangkan bersama-sama selama 22 tahun dan beliau juga telah berusaha membawa nama negara kita ke mercu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada rangkap ayat yang paling sesuai dan tepat untuk merakamkan tanda terima kasih kepada Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Bahasa indah terasa kaku untuk digariskan akan jasa dan pengorbanan beliau selama 22 tahun untuk negara. Hari ini orang yang penuh berjasa telah meninggalkan kita, bersara dan berehat setelah 22 tahun bergelumang dengan keringat, malah ada kalanya air matanya untuk membina bangsanya yang merdeka. Kita yang ditinggalkan mesti meneruskan perjuangan yang belum selesai ini. Kita yakin dan kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pengganti beliau, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi, sebagai Perdana Menteri yang akan meneruskan rancangan dan wawasan bekas Perdana Menteri terdahulu.

Corak kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi bukan sahaja diiktiraf oleh rakyat Malaysia, malah dunia pun telah memperakunya. Kita ucapkan tahniah kepada beliau dan kita berdoa semoga beliau dapat meneruskan kesinambungan yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

selama 22 tahun ini dan kita akan memberi sepenuh sokongan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada beliau supaya beliau dapat menjalankan tanggungjawab beliau dengan baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan terima kasih kita kepada seseorang, bukan sahaja dengan air mata atau ungkapan, malah bagi menyatakan rasa terima kasih kita kepada seseorang yang cukup berjasa, ada pelbagai cara yang termampu dilakukan oleh kita iaitu, yang pertama, menjaga dan memelihara asas yang telah ditinggalkan. Kedua, memelihara perpaduan kaum kerana berbilang kaum yang ada di negara Malaysia. Dan yang ketiga, tidak merosakkan apa yang telah dibina untuk negara. Tuan Yang di-Pertua, dan ada yang lebih penting, sekiranya kita terus mahu menyayangi beliau dan berterima kasih kepadanya, hendaklah menjaga negara ini dengan baik. Kita kena pastikan bahawa kemerdekaan ini terus merdeka, Malaysia terus mampu berkembang sebagai sebuah negara maju.

Namun semangat dan cetusan perjuangan yang telah ditinggalkan oleh beliau harus menjadi inti pati perjuangan kita bagi terus membina negara merdeka ini. Tanda terima kasih tidak mungkin kita mampu membayar dengan wang ringgit, apatah lagi untuk membayar dengan keringat dan tugu tanda kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, mengingatkan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir tidak lengkap sekiranya kita terlupa kepada pengorbanan seorang isteri yang bernama Tun Dr. Hasmah. Hari ini, Tun Dr. Hasmah, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana selama 22 tahun telah meminjamkan suami tercinta untuk kita, untuk agama, bangsa dan negara. Tanpa pengorbanan dan pengertian ini, tidak mungkin Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir selesa dan bersemangat untuk terus memimpin negara. Terima kasih sekali lagi untukmu, Tun Dr. Siti Hasmah. Atas nama menghargai dan menyatakan rasa terima kasih yang tidak terhingga, tidak salahlah sekiranya saya mohon mencadangkan agar salah satu tugu kebanggaan yang terbina hasil cetusan dan perjuangan beliau diabadikan atas namanya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak keterlaluan sekiranya saya ingin mencadangkan supaya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dinamakan Lapangan Terbang Mahathir Hasmah atau dengan izin, Mahathir Hasmah International Airport (MHIA). Tidak keterlaluan cadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita mampu meninjau bila mana rakyat Indonesia mampu mengabadikan nama lapangan terbang Jakarta sebagai Lapangan Terbang Sukarno Harta, bekas pemimpin negaranya.

Sekiranya cadangan ini diterima oleh kerajaan, saya rasa sekurang-kurangnya ianya akan menjadi petanda, tanda ingatan negara kepada beliau dan untuk seluruh rakyat negara ini. Adalah lebih baik kita menghargai jasa seseorang itu selamanya, semasa ia masih ada bersama kita, sekurang-kurangnya insan tersebut dapat melihat dan merasai tanda terima kasih negara kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Aku bukan seorang penyair,

Bukan ahli bahasa yang mahir,

Juga bukan orang terakhir

Yang mengkagumimu Mahathir.

Aku bukan seorang penyair,

Namun kelahiranmu Mahathir

Adalah takdir.

Kau adalah Melayu terakhir,

Mencorak bangsa yang dahulunya fakir,

Kini kami mampu berfikir

Untukmu Mahathir.

Aku bukan seorang penyair,

Namun sentiasa berfikir,

Terima kasih Tun Dr. Mahathir.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengungkapkan serangkap pantun, orang utara di perbahasan saya kali ini:

Jasa Tun Dr. Mahathir "Pandang ke Timur"

Supaya idea kita tidak berkecamuk

Negara juga akan jadi makmur.

Marilah kita rakyat semua berdoa

Agar Tun yang dikasihi walafiat dan panjang umur.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jaya Partiban. Kita ada masa lagi.

2.40 ptg.

Puan Jaya Partiban: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya

Tuan Yang di-Pertua: Saya agak Yang Berhormat hendak bangun tadi, tetapi Yang Berhormat tidak bangun. Dijemput.

Datuk M. Kayveas: [Mengangguk]

Puan Jaya Partiban: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sungguhpun begitu banyak boleh dicatatkan untuk mengenangkan jasa dan sumbangan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sumbangan kepada negara dan rakyat semua kaum menjadikan beliau kebanggaan seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ketika dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau menimbulkan sedikit kebimbangan di kalangan bukan Melayu termasuk saya dan juga ahli-ahli parti MIC. Beliau dikenali pada ketika itu sebagai ultra Melayu tetapi sekarang Tun Dr. Mahathir Mohamad telah pun membuktikan beliau memperjuangkan hak sama rata. Sikap ini telah menjadikan beliau negarawan dan insan moden.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan boleh dicapai melalui dua cara. Dengan membawa perubahan sikap rakyat iaitu cara kapitalisme atau dengan membawa perubahan struktur yang cukup, yang dapat membantu membawa perubahan sikap untuk maju iaitu cara sosialisme.

Saya berasa Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menunjukkan keberaniannya, kecekapannya untuk mengamalkan secara efektif kedua-dua cara pendekatan yang saya sebutkan tadi. Cara kapitalisme dan juga cara sosialisme. Apakah beliau berjaya? Beliau banyak membawa perubahan struktur secara besar-besaran. Tetapi, saya rasa kurang berjaya dalam membawa perubahan sikap dan juga perubahan minda rakyat cukup untuk maju.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri pernah bersetuju dengan hakikat ini. Apabila kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Russia sudah pun menghantar kapal angkasa. Pada ketika itu kita tidak mempunyai apa-apa. Sekarang negara kita telah mencapai kemajuan yang membanggakan. Kita telah pun bersedia untuk ke angkasa. Tiada siapa pun termasuk parti-parti pembangkang dapat menafikan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal di seluruh dunia, serta menjadi contoh kepada negara-negara membangun dan juga negara-negara Islam. Sikapnya yang tegas telah membawa kestabilan politik dan ekonomi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jasa Tun Dr. Mahathir Mohamad akan sentiasa dikenang oleh masyarakat India amnya dan MIC khususnya. Beliau begitu sensitif terhadap kelemahan masyarakat India dalam bidang ekonomi. Rancangan Malaysia Kelapan yang memberi fokus terhadap isu ini dan menyatakan usaha akan dipergiatkan ke arah pencapaian ekuiti masyarakat India kepada 3%.

Ia memberi motivasi dan harapan baru kepada kaum India. Hasilnya ekuiti masyarakat India mengalami kadar pertumbuhan sebanyak 7.6% pada tahun 2002. Usaha beliau mencerminkan komposisi etnik bukan sahaja di bidang ekonomi bahkan dalam bidang pekerjaan, kebudayaan serta berbagai latihan sentiasa terkenang. Masyarakat India mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pemimpin yang kita sanjung tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa, Tun Dr. Mahathir Mohamad terkenal dengan keberanian dan ketegasannya mengemukakan pandangannya tentang apa juga isu. Malah saya rasa pepatah *Confucius* begitu tepat mencerminkan watak pemimpin berwibawa ini dengan izin, "*To know what is right and not to do it, is the worst cowardice.*" Kerajaan Barisan Nasional di bawah Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang penyayang, bersatu padu dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pemimpin hanya dapat meneruskan perjuangannya mencapai hasratnya menjadikan visionya kenyataan dan menyumbangkan masa dan tenaga sepenuhnya untuk negara jika rumah tangganya aman. Dalam hal ini kita patut merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah yang mengorbankan kepentingan diri sendiri dan dengan izin, always she's beside her man. Sokongan, fahaman, kerjasama serta sumbangan Tun Dr. Siti Hasmah membanggakan rakyat amnya dan kaum wanita khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, penulis Leo Rosten pernah berkata dengan izin, "*First rate man hire first rate man, second rate man hire third rate man.*" *First rich man* iaitu Tun Mahathir telah mewariskan *first rich man*, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi terus memimpin Malaysia ke arah pencapaian yang lebih cemerlang.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kelima dengan pengalaman yang begitu luas, latar belakang agama yang teguh, sifatnya yang bertimbang rasa, kualiti kepimpinan yang tinggi serta keprihatinan terhadap masalah dihadapi rakyat tanpa mengira kaum, sudah tentu membolehkan beliau menjadi pemimpin yang disanjung tinggi.

Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, masyarakat India yakin mencapai ekuiti 3% seperti terkandung dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Besarlah harapan kami langkah-langkah sesuai akan dapat ditetapkan, dilaksanakan supaya kami juga dapat menikmati kemajuan dalam semua bidang pada kadar yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangga menjadi seorang rakyat Malaysia kerana walaupun rakyat terdiri daripada berbilang kaum, suasana aman damai dan keharmonian kaum yang kita nikmati, kadang-kadang tidak dapat di negara-negara yang majoriti penduduknya terdiri dari satu kaum sahaja.

Di Malaysia, kita saling hormat-menghormati agama, kebudayaan, adat resam dan sebagainya. Walaupun terdapat perbezaan dari segi agama, kebudayaan dan adat resam. Walaupun Islam adalah agama rasmi, kami dari penganut agama lain tidak mengalami sebarang diskriminasi, dengan foundation seperti ini sudah tentu Malaysia akan maju dan terus maju.

Rakyat yang tidak mahu ekstremisme dalam apa juga bentuk, tidak mahu sebarang diskriminasi tetapi ingin hidup aman damai, bersatu padu menikmati taraf hidup yang tinggi sudah tentu memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

MIC akan terus memainkan peranan penting untuk menentukan sokongan padu ini akan berterusan khususnya dari masyarakat India supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memberi fokus penuh terhadap usaha dan tanggungjawab untuk memajukan negara dan memimpin negara ini ke tahap yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk M. Kayveas, wakil tunggal.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kerana diberi kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan menyatakan pendirian menyokong sepenuhnya kepimpinan Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Kepala Batas dan saya bagi pihak PPP menyokong usul Jabatan Perdana Menteri.

Masa berlalu meninggalkan kita begitu cepat sekali, 22 tahun adalah tempoh yang begitu singkat bagi rakyat berada bersama Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu. Malaysia merakamkan rasa tidak puas untuk bersama beliau dan beliau datang bagaikan pelangi petang memberi cahaya dan kemudian menghilang.

Tidaklah perlu untuk saya menamakan satu persatu mercu tanda yang gemilang hasil sentuhan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, tidak seperti sentuhan *the Midas touch*, yang akhirnya menyusahkan *King Midas*. Sentuhan Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad tidak membawa tragedi, cukup kami katakan Malaysia jadi begini gemilang hari ini kerana sentuhan Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu. Dengan izin, *everything turns to gold*, dan rakyat semua kaum sekali lagi, saya nyatakan semua kaum dapat berkongsi merasai hasil kejayaan dasar dan pembangunan yang diilhamkan dan digerakkan oleh beliau selama 22 tahun.

Jika, 22 tahun dahulu keluarga beliau yang tersayang melepaskan beliau untuk memimpin kita semua, kini akan tiba masanya kita terpaksa rela mengembalikan beliau ke pangkuan keluarga yang sedang menunggu. Dengan izin, PPP joins Malaysian in thanking Yang Berhormat bagi Kubang Pasu *so much, under his great leadership that Malaysia has a wide vision, direction and self belief*. Kami rakyat Malaysia khususnya warga Barisan Nasional mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat bagi Kubang Pasu kerana telah menyediakan kepada kami kejayaan, pembangunan yang gemilang, kemakmuran dan perpaduan yang berterusan dan sekali gus mengangkat maruah dan kemuliaan bangsa dan negara di mata dunia.

Yang Berhormat bagi Kubang Pasu telah berjaya mengangkat matlamat bangsa dan negara ke tahap yang dikagumi oleh dunia. Daripada bangsa yang tidak yakin kepada kebolehan sendiri sehingga berjaya menjadi bangsa yang berdaya maju dan dinamik dalam semua bidang. Tidak dapat dinafikan kejayaan tersebut adalah hasil keberanian Yang Berhormat bagi Kubang Pasu melawan arus peraturan global seperti terbukti ketika negara berdepan dengan krisis mata wang.

Negara kita terselamat daripada cengkaman IMF dan Bank Dunia apabila idea beliau diguna pakai dan maruah kita tidak terjejas, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Pasu *did it in his own way and it has been proven, there was nothing wrong with his own way. The world has accepted his way, Malaysian survives through his own way and Malaysian thanks him for it. He was right by not copying the ways of others, for there is a Zulu proverb, it says, "Copying everybody else all the time, the monkey one day cut his throat."*

Negara kita masih maju dan berdaulat tanpa bantuan IMF.

Tuan Yang di-Pertua: Peribahasa Zulukah?

Datuk M. Kayveas: Zulu, peribahasa Zulu.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana Yang Berhormat dapat peribahasa Zulu?

Datuk M. Kayveas: Ini baca sedikit, dapatlah. *[Ketawa]* Dengan kebijaksanaan Yang Berhormat bagi Kubang Pasu, kita terselamat daripada tersesat dalam mengejar kemajuan, dengan izin, sekali lagi, *"The trouble with being in the right ways is that even if you win the race, you are still right."* Kita harus bersyukur tidak menjadi kuasa besar dunia.

Sebagai sahabat PPP, beliau amat memahami kami, tidak ada ungkapan perpisahan untuk Yang Berhormat bagi Kubang Pasu yang lebih bermakna daripada kami

selain doa, kami harap Yang Berhormat bagi Kubang Pasu sentiasa dirahmati Tuhan, kurniakan kesihatan yang terbaik dan dipanjangkan umur agar dapat hidup bahagia bersama keluarga.

Dan, dengan izin, *it would not be complete*, kalau saya pada kesempatan ini, saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta penghargaan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Pasu yang telah berjaya mempengerusikan Sidang Kemuncak ke-X OIC baru-baru ini. Kita amat berbangga dengan pencapaian ini, lebih-lebih lagi buat pertama kalinya sejak ditubuhkan pada tahun 1969, Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya telah berjaya menyaksikan jumlah terbesar pemimpin Islam seramai 33 orang terdiri daripada Raja, Presiden dan juga Perdana Menteri daripada 57 negara anggota yang telah hadir.

Kejayaan mempengerusikan sidang tersebut sekali lagi membuktikan kewibawaan Yang Berhormat bagi Kubang Pasu sebagai pemimpin negara bertaraf dunia. Kita mempunyai sebab untuk terus berbangga kerana pencapaian cemerlang Yang Berhormat bagi Kubang Pasu adalah juga merupakan pencapaian cemerlang rakyat dan negara tercinta.

Di sini saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat bagi Kepala Batas sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Sebagai penerus kecemerlangan negara, saya menyertai seluruh rakyat menaruh keyakinan kepada kemampuan Yang Amat Berhormat bagi Kepala Batas untuk membawa Malaysia ke tahap kemajuan dan kesejahteraan yang lebih terbilang. Kita yakin dengan nilai jati diri beliau yang sabar, komited, penyayang, tegas dan berpegang teguh kepada prinsip, beliau akan berjaya mengharungi masa depan yang lebih mencabar dan seterusnya membawa rakyat serta negara ke mercu kejayaan Wawasan 2020.

Kita juga menaruh keyakinan kepada kemampuan serta cara dinamik beliau bagi menjayakan tanggungjawab memainkan peranan yang konstruktif dalam arena antarabangsa. Saya berdoa semoga Yang Amat Berhormat bagi Kepala Batas akan berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab beliau dengan cemerlang. Di sini kami daripada PPP berjanji akan memelihara segala legasi yang telah dicipta oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu dan kami berjanji akan meneruskan perjuangan yang belum selesai bersama-sama Yang Amat Berhormat bagi Kepala Batas, Perdana Menteri Malaysia yang menjayakan wawasan negara tercinta.

Saya juga ingin akhiri dengan satu pantun:

Mee kari, kue teaw ,apam balik'

Kegemaran Cina, Melayu dan India;

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dipanggil Pak Lah pun OK'

Hero baru bangsa dan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan.

2.58 ptg.

Puan Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri saya laluan sebentar. Bolehkah berdiri? Siapa tadi yang berdiri, supaya saya dapat kira siapa yang hendak bercakap. [*Beberapa Ahli Yang Berhormat berdiri*] Terima kasih.

Puan Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan usul terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya khidmat Yang Berhormat Tun masih diperlukan, namun begitu saya mewakili Pergerakan Wanita UMNO begitu memahami hasrat dan niat murni Yang Amat Berbahagia Tun untuk berundur. Keputusan persaraan

Yang Amat Berbahagia Tun kami hormati dan terima dengan hati yang terbuka walaupun berat untuk melepaskannya. Sesungguhnya tiada siapa dapat menjangka dan menduga pengunduran Yang Amat Berbahagia Tun pada ketika kepimpinan dan populariti Yang Amat Berbahagia Tun begitu terserlah dan masih memuncak.

Keputusan ini dibuat ketika negara, kerajaan dan parti sedang kuat dan bukannya ketika kerajaan serta parti lemah dan tidak bermaya. Tindakan ini memperlihatkan keperibadian agung seorang negarawan ulung yang amat tebal rasa tanggungjawab terhadap kepimpinannya. Sememangnya pengunduran Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir dilakukan dengan teratur, berhemah dan terhormat. Dalam masa lebih sedikit dari dua dekad, Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah membawa perubahan yang amat ketara kepada negara Malaysia.

Pelbagai pembangunan yang berjaya dilakukan, idea-idea yang diaturkan, pendirian tegas dan kepimpinan yang cemerlang oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir di samping usaha yang tidak mengenal penat lelah telah menzahirkan perubahan tersebut berlaku dan akhirnya berjaya meletakkan Malaysia ke peta dunia. Sesungguhnya, Malaysia hari ini sudah menjadi sebuah negara berbilang kaum yang aman, makmur, komprehensif, maju, moden berdaya saing dan progresif. Ini semua adalah antara legasi yang ditinggalkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir kepada rakyat Malaysia.

Selama 22 tahun mentadbir Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir turut bertanggungjawab menentukan arah haluan dasar luar Malaysia yang pragmatik dan dinamik sehingga dikagumi di arena antarabangsa dan disegani Barat. Kemampuan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir menebus maruah Islam yang tercela akibat sikap radikal pihak tertentu meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh dan dihormati bukan sahaja di kalangan negara Islam malah negara bukan Islam. Begitu besar jasa yang telah disumbangkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir terhadap kegemilangan dan kecemerlangan negara selama ini.

Di kesempatan ini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan kami sentiasa mendoakan kesejahteraan yang berpanjangan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah serta keluarga. Tidak ada ungkapan yang dapat menggambarkan ra... [Menahan sebak] Tiada ungkapan yang dapat menggambarkan rasa penghargaan rakyat Malaysia melainkan dengan azam dan kesungguhan yang tinggi untuk memastikan Parti UMNO dan negara Malaysia terus maju dan rakyatnya hidup bersatu padu dan bangsanya terus dihormati dan terus bermaruah.

Sesungguhnya peletakan jawatan beliau bukan dibuat serta-merta, sebaliknya dalam suatu tempoh peralihan yang ditetapkan iaitu selama 16 bulan. Keputusan ini adalah sangat rasional dan ia menampakkan susun atur dan penyerahan tugas yang sangat pragmatik. Kini rakyat dan Kerajaan Malaysia bersedia untuk menerima peletakan jawatan beliau dan menerima peralihan kuasa daripada Tun Dr. Mahathir bin Mohamad kepada Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Pada ketika ini sokongan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi juga tidak berbelah bagi dan kepimpinan beliau akan disokong sepenuhnya oleh rakyat dan kerajaan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Tidak ada ungkapan yang dapat menggambarkan rasa penghargaan rakyat Malaysia melainkan dengan azam dan kesungguhan yang tinggi untuk memastikan Malaysia terus maju dengan rakyatnya bersatu padu, bangsanya terus dihormati serta bermaruah. Ini kerana selama 22 tahun kepimpinan beliau, pembangunan negara menjadi agenda penting terutama sekali untuk bangsa Malaysia mengatasi kepincangannya. Agenda ini juga penting untuk menjamin *survival* Malaysia, kedaulatan politik dengan sendirinya tidak dapat menanggung kehidupan rakyat dan rakyat yang miskin lambat laun akan menimbulkan masalah yang rumit. Justeru itu Tun Dr. Mahathir telah merencana kemajuan negara dengan Wawasan 2020 menjadi paksi utama negara. Hari ini kita semua dapat merasai apa yang telah dibangunkan oleh beliau.

Sudah lebih satu abad keadaan ekonomi dan rakyat Malaysia bergantung sepenuhnya kepada perlombongan dan perladangan. Sektor ini telah tidak mungkin

berkekalan. Keadaan ini sudah semestinya diperbaiki, lalu Tun Dr. Mahathir telah memperkukuh negara dengan menerokai sektor perindustrian iaitu satu jalan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih moden. Di antara lain, perindustrian dapat menambah secara drastik peluang pekerjaan untuk rakyat. Misalnya ruang yang diperlukan oleh kilang jauh lebih kecil dari keluasan sebuah ladang tetapi ia dapat menampung bilangan pekerja yang jauh lebih besar.

Perindustrian juga menjadi lebih dinamik kerana ia membabitkan sains dan teknologi. Taraf pengetahuan rakyat dapat dipertingkatkan bila mereka terdedah kepada sains dan teknologi. Ikhtisas ke arah ini, maka Tun Dr. Mahathir telah menggariskan sembilan cabaran yang perlu dipatuhi dalam mencapai wawasan negara. Hari ini negara berhadapan dengan arus globalisasi yang menjadikan bidang teknologi maklumat sebagai pangkalan bagi segala apa yang dikatakan dunia tanpa sempadan.

Tun Dr. Mahathir telah mengambil langkah yang agak drastik kerana beliau beranggapan proses globalisasi akan mewujudkan keadaan yang tidak mudah dikawal jika sekiranya orang Malaysia sendiri khususnya orang Melayu belum bersedia untuk menghadapi IT dan k-ekonomi. Ini adalah sebahagian daripada proses globalisasi. Malaysia akan merasai proses ini dengan lebih nyata bila AFTA dilaksanakan. Namun begitu, dengan asas kukuh yang ditinggalkan oleh beliau, saya yakin dan pasti, kepimpinan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan dapat memacu pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara.

Tun Dr. Mahathir adalah strategis yang dipuji ramai kerana beliau mempunyai wawasan yang berani dan tidak ramai pula yang sedar bahawa beliau juga seorang pragmatis tetapi pragmatisme sebenarnya bukan dalam bentuk kompromi kekal, ia lebih merupakan strategi yang kadangkala perlu untuk menunggu waktu yang lebih sesuai bagi melaksanakan agendanya. Beliau pernah dilabel sebagai ultra tetapi itu dalam konteks yang agak negatif. Kini yang lebih jelas ialah beliau seorang yang ultra moden.

Beliau telah menerajui negara ini dengan jayanya dan sebagai rakyat Malaysia kita telah bersama-sama dengannya mengharungi segala peristiwa suka dan duka sepanjang tempoh itu. Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan pelbagai perubahan dan pembangunan sehingga nama Malaysia tersohor di seluruh dunia. Sewajarnya kita menghargai kepimpinan yang telah beliau berikan dan contoh teladan yang ditunjukkan. Kewibawaan, karisma, kebijaksanaan dan kepintaran beliau sepatutnya menjadi teladan kepada kita. Kemampuan beliau menebus maruah Islam yang tercela akibat sikap radikal pihak tertentu, meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang dihormati bukan sahaja di kalangan negara Islam, malah negara bukan Islam.

Saya percaya kesinambungan tradisi kepimpinan yang disarankan oleh Tun Dr. Mahathir dengan menamakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai pengganti membuktikan keutuhan Kerajaan Malaysia tetap terisi dengan pemimpin yang berkeupayaan untuk memelihara kepentingan dan kedaulatan negara. Kini tumpuan terhadap pimpinan Malaysia akan diberi kepada penggantinya – Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang akan mengemudi satu lagi lembaran bagi membawa Malaysia ke hadapan dengan semua cabaran dan peluang yang tersedia.

Berdasarkan pengalaman Dato' Seri Abdullah sebagai pemimpin politik, Menteri Kabinet dan pegawai pentadbir tertinggi kerajaan, beliau sudah pasti dapat mentadbir negara dengan baik dan meneruskan kecemerlangan di persada antarabangsa. Sifat beliau yang lembut tetapi tegas dan berprinsip ini akan menjamin keharmonian dan kestabilan negara. Beliau juga seorang pemimpin yang senang dan mudah untuk mendampingi masyarakat. Justeru perpaduan dan toleransi di antara kaum semestinya menjadi agenda beliau untuk memastikan negara akan terus dihormati dan dipandang oleh dunia.

Akhir kata, di Dewan yang mulia ini saya merakamkan sanjungan tertinggi buat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, seorang negarawan, seorang pemimpin luar biasa yang telah membawa keyakinan diri rakyat Malaysia dan imej negara ke tahap yang membanggakan. Insya-Allah, jasa Tun Dr. Mahathir akan terus dikenang, semangat juangnya menjadi contoh. Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji

Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang dikasihi, teruskanlah perjuangan demi agama, bangsa, negara dan tanah air tercinta. Kami berjanji akan tetap memberikan sokongan yang padu dan bekerja kuat untuk memastikan dalam pilihan raya akan datang Barisan Nasional mendapat kejayaan yang cemerlang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

3.10 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita rakyat Malaysia bersyukur kepada tuhan bahawa rakyat Malaysia boleh mempunyai seorang pemimpin, seorang wira dan seorang tokoh yang kaliber dan berwawasan. Pemimpin yang dihormati bukan sahaja di tanah air kita, lebih-lebih lagi di serantau dan di antarabangsa. Beliau adalah Yang Berhormat Ahli Parlimen Kubang Pasu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Seorang pemimpin yang berkarisma, visionary, pragmatik, berani dan prihatin. Beliau berani mencabar segala norm, dengan izin dan sistem-sistem antarabangsa yang terdiri dengan pengaruh orang-orang dan golongan-golongan tertentu. Dengannya sistem-sistem ini didirikan oleh golongan yang berkuasa besar dan berpengaruh maka sistem-sistem ekonomi, kewangan, perdagangan antarabangsa ini membela nasib segolongan besar tertentu sahaja *the influential and the powerful*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, nilai pragmatik *go back to the basic* dengan izin, bergantung kepada prinsip-prinsip dasar, adalah nilai pemikiran Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir, ini boleh kita belajar dengan bersungguh-sungguh. Sesuatu sistem antarabangsa sepatutnya bergantung kepada prinsip-prinsip dasar, membawa kebaikan dan keuntungan kepada semua. Mahupun negara-negara kuasa besar ataupun negara-negara yang membangun, tetapi kini kita nampak sistem-sistem perdagangan, kewangan, ekonomi antarabangsa termasuk polisi globalisasi telah pun diputar-belit, untuk melicinkan penyaluran keuntungan kepada golongan-golongan yang berpengaruh dan berada. Ini telah bercanggah dengan prinsip-prinsip dasar, Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir kita untuk menyuara aspirasi negara yang membangun untuk menegak kebenaran dan membetulkan sistem yang bersangkutan ini. Kebenaran menghasilkan keberanian, kebenaran membawa keberanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri saya laluan sebentar?

Tuan Lee Sing Chooi: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya bercadang untuk memanggil Menteri menjawab dan menggulung pada pukul 3.30, bermakna saya tidak dapat memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berdiri tadi. Namun, selepas ini kita akan membahar mengenai dua rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003. Rang undang-undang kedua-dua ini adalah menyentuh demokrasi dan perjalanan dan kaedah demokrasi, maka di situ sesiapa yang tidak dapat menyatakan kata-kata pujian bagi Tun Dr. Mahathir dan menyambut baik pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagaimana Perdana Menteri baru, mempunyai peluang di peringkat perbahasan dan di peringkat dasar, kerana memang ada hubung kait di antara undang-undang pilihan raya dengan perjalanan demokrasi di Malaysia dengan kepimpinan negara Malaysia. Sila, teruskan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua beberapa hari yang lalu, Timbalan Menteri Pendidikan kedua memberitahu kepada saya, ada saya perasan apabila Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bersalaman dia selalu bersalaman dengan *eye contact*, dengan izin, *greeting from the heart with the eye*. Walaupun masanya sangat bernilai, beliau memastikan sesuatu persalaman itu adalah salaman dari hatinya. Inilah menunjukkan keprihatinan dan kejujuran beliau seorang pemimpin yang kasih sayang. *Thank you and we love you sir*, dengan izin 'xiexie ni', Tun Dr. Ismail. Sorry Tun Dr. Mahathir. [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa seketika*]

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Allahyarham Tun Dr. Ismail masih dengar – mungkin.

Tuan Lee Sing Chooi: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong usul ini untuk merakamkan pengiktirafan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat, Ahli Parlimen Kubang Pasu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan berikrar menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato'Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

3.15 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir Rahmaanir Rahim. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama membahas usul yang dibentangkan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu ini hari Khamis dan penerbangan ke Kota Baharu petang ini, terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Kubang Pasu terhadap jasanya kepada negara dan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Kepala Batas, yang dilantik sebagai Perdana Menteri mudah-mudahan negara kita lebih maju dan aman.

Tun Dr. Mahathir Mohamad bekas Perdana Menteri adalah seorang Perdana Menteri yang wajar dipuji dan disanjung tinggi memandangkan beliau seorang pemimpin yang bekerja kuat dan bersungguh-sungguh, serta seorang pemimpin yang tegas dan adil dan sentiasa mengambil berat perkara-perkara sekecil-kecil dan sebesar-besarnya. Beliau merupakan seorang pemimpin yang sentiasa turun ke padang.

Saya bagi pihak bekas-bekas Angkatan Tentera Malaysia berasa bangga di atas keprihatinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana sentiasa memberi sokongan dan membantu bekas-bekas tentera dengan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk membangun dan meningkatkan taraf hidup bekas-bekas tentera dan juga anggota-anggota angkatan tentera. Dengan keprihatinan beliau, maka tertubuhlah satu perbadanan untuk menjaga kepentingan bekas angkatan tentera iaitu pada tahun 1994 iaitu tertubuhnya PERHEBAT, iaitu Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera dengan peruntukan sebanyak RM21 juta setahun, dan seterusnya tertubuh pula Jabatan Hal Ehwal Veteran dengan peruntukan yang banyak untuk menjaga dan membantu kebajikan warga bekas-bekas tentera, bantuan serta sara hidup, persekolahan, kesihatan dan lain-lain bantuan kepada keluarga bekas tentera yang memerlukan.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir sedar tanpa keamanan dan kemakmuran yang ada sekarang tidak mungkin negara kita maju dan berjaya seperti hari ini. Tun juga sentiasa mengambil berat dan sangat ingin memperkuat dan memperkukuhkan pertahanan negara. Dengan itu saya harap penggantinya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pak Lah mampu mempertingkatkan lagi bantuan dan untuk mencapai matlamat wawasan bekas Perdana Menteri untuk melihat bekas-bekas tentera dan juga bekas-bekas polis, dan meningkatkan kekuatan pertahanan negara, yang mana tanpa kekuatan negara kita tidak akan hidup dalam keadaan kesenangan. Kita sememangnya benci kepada peperangan tetapi kita mesti bersiap sedia untuk berperang. Saya yakin dan percaya Pak Lah di atas sokongan rakyat yang ingin keamanan dan kemajuan berkekalan untuk kita tinggal kepada generasi yang akan datang.

Saya juga berharap dapat kiranya Perdana Menteri kita Pak Lah semasa memimpin negara dapat mengkaji gaji angkatan tentera supaya generasi muda akan menjadikan kerjaya utama dalam angkatan tentera, dan pencen bekas-bekas tentera yang menerima di bawah taraf kemiskinan.

Saya juga berharap menjadi agenda utama Pak Lah untuk menghapuskan pengedar-pengedar dadah, ceti haram, pendaang haram, pencegah rasuah yang agak bertambah buruk dari masa ke semasa dalam diam-diam. Dan saya berdoa semoga Tun Dr. Mahathir dan juga Tun Siti Hasmah sentiasa berada dalam kebahagiaan dunia dan juga kebahagiaan di akhirat. Begitu juga kepada Pak Lah dan isterinya. Dengan itu saya sokong penuh seperti yang dibaca oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Dayang Mahani. Belum bangunkah? Saya nampak macam bangun tadi, Datuk Hajah Dayang bangun?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Ya, saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

3.20 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan dan juga menyampaikan hujah-hujah untuk sama-sama memberi rakaman ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia, dalam usul yang dibawa oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi pagi tadi. Sebenarnya kita sebagai rakyat Malaysia rasa begitu hiba dan kita rasa terpaksa menerima keputusan yang telah diambil oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad untuk bersara.

Memanglah sebagai rakyat Malaysia susah untuk kita terima. Kita nampak kekuatan beliau, kemampuan beliau, keberanian beliau dan kita amat memerlukan kepimpinan beliau yang berterusan, tetapi kita juga mesti adil kerana seperti mana yang kita tahu beliau telah mengabdikan diri kepada rakyat Malaysia, kepada Kerajaan Malaysia, begitu *outstanding*. Perkataan yang sesuai ialah begitu luar biasa dan kita sebagai manusia biasa seharusnya juga bersimpati. *If he has served the nation and the people so well and for so long he deserves a little time for himself and his family*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: RTM ada ungkapan “terulung dan terbilang”.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terulung dan terbilang seperti mana yang diungkapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sebenarnya adalah di kalangan rakyat yang begitu bertuah kerana kita dikurniakan dengan pemimpin-pemimpin yang baik, bukan sahaja hari ini tapi sebelum ini. Pemimpin-pemimpin yang ikhlas, yang memperjuangkan pembangunan negara, pemimpin-pemimpin yang berpandangan jauh, yang berwawasan. Kita telah dibawa daripada satu kejayaan demi satu kejayaan. Umpamanya pada satu ketika dahulu kita dijajah, hari ini kita merdeka. Pada satu ketika dahulu kita dilihat sebagai satu negara yang jauh ketinggalan dalam serba-serbi terutamanya dalam bidang infrastruktur tetapi pada hari ini kita menjadi satu negara yang moden, yang canggih.

Kita mempunyai lebuhraya yang bertaraf dunia: Monorail, Light Rail Transit (LRT), Komuter, *Twin Towers* yang tertinggi di dunia, *airport* yang termoden di Asia Tenggara, Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya yang menakjubkan. Ini orang kata *cuma to mention a few*, tidak perlulah kita hendak cakapkan semuanya. Daripada satu negara yang berteraskan kepada pertanian, kepada satu negara yang disegani di dunia. Malaysia sebagai negara ataupun *the 17th biggest trading nation in the world*. Ini bukan satu perkara yang mudah untuk dicapai terutamanya kalau kita lihat bahawasanya Malaysia adalah satu negara kecil, bukanlah satu negara besar tetapi kita mampu menjadi negara ke-17 dalam senarai *trading nations in the world*.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad atas pengiktirafannya terhadap sumbangan wanita kepada pembangunan, ekonomi, pendidikan, sosial, kestabilan politik, kebahagiaan keluarga sehingga terwujudnya satu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan ini amat kami sanjungi. Terima kasih atas pengiktirafan dan penghargaan ini. Wanita akan sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan atas kepimpinan beliau dahulu dan insya-Allah kita juga tidak akan berbelah bagi memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada sekarang. Niat kami bukanlah untuk bersaing, wahai kaum bapa, tetapi hanyalah sekadar untuk lengkap melengkapi. Tujuan kita ialah untuk menyumbang secara positif ke arah kemajuan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Saya juga seperti Dato Mohamad Taha Ariffin tadi menyebut menghargai tentang sumbangan Yang Amat Berhormat dalam usaha untuk menyeragamkan waktu. Pada satu

ketika kita satu negara tetapi mempunyai dua waktu yang berbeza. Ini amat merumitkan dari sudut perancangan, perdagangan dan sebagainya dan perubahan ini telah membawa kesan yang begitu baik dan begitu hebat. Daripada sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang budaya, yang tebal dengan perkauman pada satu ketika, kita telah menjadi satu negara yang bersatu padu dan kita mempunyai satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia, satu budaya iaitu budaya Malaysia dan kita mempunyai satu negara iaitu negara Malaysia *and we are today very, very, very proud to be Malaysians.*

Beliau juga telah mewujudkan begitu banyak dasar. Boleh dikatakan semua dasar yang diwujudkan adalah dasar-dasar yang berkesan dan di antara dasar yang saya petik ialah Dasar Persyarikatan, Dasar Pandang Ke Timur seperti mana yang disebutkan Datuk Haji Karim Ghani tadi. Pandang Ke Timur ini bermakna kita melihat kepada orang pada satu ketika yang menjajah kita tetapi tidak ada perasaan dendam dari sudut hati kecil Yang Amat Berhormat, malah beliau melihat ini sebagai satu kejayaan orang-orang Jepun yang harus dicontohi kerana orang-orang Jepun pernah ranap juga sama seperti kita setelah bom Hiroshima dan sebagainya tetapi mereka boleh bangun atas kerajinan, kesungguhan dan ini dipohon oleh Yang Amat Berhormat supaya kita meniru dan alhamdulillah kita berjaya.

Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan untuk mengimbangi ekonomi ataupun memastikan supaya *economic cake* itu dibahagikan dengan seadil mungkin. Dasar Pendidikan, Dasar Kewangan Negara dan banyak dasar lagi yang telah membawa kita ke mercu kejayaan. Hari ini rakyat Malaysia bukan sahaja menjadi rakyat yang rajin yang pada satu ketika mungkin dilihat sebagai rakyat yang mundur, rakyat yang malas tetapi setelah mengikuti dasar-dasar yang diperkenalkan, hari ini rakyat Malaysia bukan sahaja menjadi rakyat yang rajin tetapi rakyat yang berilmu, berdaya saing, mempunyai ketahanan, sabar, inovatif dan mempunyai keyakinan diri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, merubah daya pemikiran dan daya usaha rakyat bukanlah senang. Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad berjaya membuat satu transformasi rakyat Malaysia daripada rakyat yang kurang keyakinan kepada rakyat yang mempunyai keyakinan diri. Langkah yang diambil di peringkat negara dan di peringkat antarabangsa telah membela maruah rakyat Malaysia dan juga memartabatkan maruah negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat gulung sekarang?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Ya saya, insya-Allah. Keberanian, kecekalan, kepetahan, kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad mencetus pemikiran yang bukan sahaja mampu membela rakyat Malaysia tetapi juga mampu membela rakyat di Rantau Asia bahkan juga umat Islam di dunia. Beliau dilihat sebagai seorang *visionary* dan memanglah sesuai seperti pepatah yang mengatakan dan juga ada yang mengibaratkan beliau *one in a million*. Ada yang mengibaratkan beliau sebagai seorang negarawan yang bertaraf dunia dan semua gelaran ini amatlah sesuai kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya ambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih dan penghargaan yang tidak ternilai kepada jasa Yang Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah sebagai seorang isteri yang sentiasa mendampingi beliau bukan sahaja untuk meminjamkan beliau kepada kita sebagai pemimpin yang kita perlukan tetapi memastikan beliau sentiasa sihat untuk menjalankan tugas beliau sebagai seorang Perdana Menteri dan beliau adalah seorang wanita yang boleh dicontohi sebagai ibu dan isteri mithali.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru dilantik iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Saya meyakini kebolehan dan kemampuan beliau, telah mempunyai pengalaman yang begitu banyak dan juga diberi satu platform yang begitu kukuh, sokongan rakyat yang bulat, sokongan kerajaan yang bulat dan saya berkeyakinan setelah beliau dilantik sebagai Perdana Menteri, dengan sokongan yang tidak berbelah bagi daripada semua pihak, saya yakin bahawa beliau akan membawa kejayaan demi kejayaan, bukan sahaja dari sudut

ekonomi, pendidikan serta sosial bagi mewujudkan Malaysia yang berdaya saing, yang mempunyai jati diri.

Kita sedar bahawa cabaran yang dihadapi oleh beliau ialah *to manage the success*. Inilah cabaran yang paling besar dan ini bukan mudah. Walau bagaimanapun, dengan landasan yang kukuh, perpaduan yang mantap, saya berkeyakinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kelima, mampu membawa Malaysia ke arah yang lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pencadang usul, Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi akan menjawab dan menggulung.

3.32 ptg.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, Yang Berhormat Tuan Ratnam a/l Muthiah, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam, Yang Berhormat Dato' Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, Yang Berhormat Datuk M. Kayveas, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani dan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang saya bawa mengikut Peraturan Dewan Negara 26(3).

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Nor Azah binti Awin kerana selain daripada pujian-pujian dan mengimbas kembali segala apa yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu, juga telah menyatakan dua perkara yang khusus, yang perlu diberi perhatian kepada kerajaan dan perkara ini melibatkan dasar kerajaan. Oleh kerana itu, saya ingin menasihatkan supaya Kelab Dewan Negara menghantarkan surat rasmi mengenai dengan peruntukan RM100,000 setiap penggal.

Yang kedua, mengenai dengan tempoh penggal Senator daripada tiga tahun ke mungkin empat atau lima tahun. Saya rasa itulah tindakan yang perlu dilaksanakan sebagaimana juga tindakan Kelab Dewan Negara ini yang telah diambil sehingga kita mendapat rumah Parlimen di kawasan ini.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga saya ingin mengucapkan terima kasih kerana mengiktiraf kepimpinan mantan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Pasu, walaupun ada *reservation* dan dalam pada itu juga telah minta supaya Perdana Menteri yang kelima akan bertindak lebih adil, terutama sekali mengenai dengan apa yang didapati, diberi kemudahan kepada Ahli Dewan Negara.

Yang kedua, mengenai dengan cara-cara pilihan raya dilaksanakan di negara ini. Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya pilihan raya dilaksanakan, dikendalikan di negara kita ini mengikut Akta Pilihan raya dan selepas ini, akta itu akan dibahaskan di Dewan ini dan saya rasa pendapat Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri boleh kita ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada dua perkara yang saya sebut tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain nampaknya semuanya memberi pandangan yang positif, memberi pujian yang begitu ketara sekali, mengimbas kembali apa yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu selaku Perdana Menteri Malaysia. Walaupun rata-rata semua Ahli Yang Berhormat merasakan kehilangan kepimpinan Yang Berhormat bagi Kubang Pasu, tetapi kita telah menerima hakikat yang sebenarnya bahawa beliau telah pun meletakkan jawatan dan kita sepatutnya merelakan.

Sebagai hadiah kepada Yang Berhormat bagi Kubang Pasu, semua Ahli Yang Berhormat di sini tentunya akan memberi sokongan yang padu kepada penggantinya yang telah dipilih sendiri oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Pasu.

Saya rasa semua Ahli Dewan Negara ini telah pun memberi pandangan yang sama, walaupun dalam perkataan yang lain. Apa yang kita boleh berikan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Pasu ini, saya rasa ialah doa kita. Doa kita semoga Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan Allah S.W.T dan berada dalam keadaan sihat lagi sejahtera serta dilimpahi segala kebahagiaan. Semoga Allah S.W.T memberkati khidmat bakti dan jasa beliau sekeluarga dan semoga Allah menganugerahkan ganjaran di dunia dan juga di akhirat, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun terasa hiba juga sekarang. Mula-mula tadi tidak juga tetapi apabila mendengar semua pendapat dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, rasanya perasaan kita pun tercuik juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bersyukur kerana rata-rata pendapat daripada Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini mengalu-alukan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai pengganti Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Pasu. Kita telah mengetahui dan kita telah kenal pemimpin ini, telah pun mendapat pengalaman yang banyak sebagai seorang pegawai kerajaan dan juga pengalaman yang banyak sebagai ahli politik. Datangnya daripada keluarga yang berlatarbelakangkan kepada keagamaan dan saya rasa itulah satu-satunya kriteria yang kita lihat oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu apabila beliau memilih Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Marilah kita sama-sama memberi fokus kepada masa hadapan. Masa hadapan kita ialah menentukan supaya segala apa yang kita nikmati sekarang ini dapat dipelihara dan dapat ditokok tambah supaya anak-anak bangsa kita yang akan datang dapat menikmati juga sebagaimana yang kita nikmati sekarang. Saya rasa tanggungjawab yang penting kepada kita sebagai pemimpin ialah untuk menentukan supaya kepimpinan negara sentiasa mendapat dukungan dan sokongan daripada kita semua supaya kepimpinan negara akan dapat menumpukan segala masa dan tenaganya, menentukan supaya keadaan di negara kita ini sentiasa terpelihara. Menentukan supaya segala jentera kerajaan dapat berjalan dengan licin. Menentukan supaya segala dasar-dasar yang akan membawa kebahagiaan dan kesejahteraan di negara ini dapat dilaksanakan mengikut program yang telah ditetapkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kelima iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam ucapannya di Parlimen baru-baru ini telah pun menggariskan beberapa perkara yang penting iaitu untuk menentukan supaya urusan kerajaan ini dapat membantu kepada rakyat. Ertinya segala urusan kerajaan yang mungkin sekarang ini banyak *red tape* akan dipendekkan supaya ia dapat berkhidmat yang terbaik kepada masyarakat.

Yang kedua, Yang Amat Berhormat meminta kita supaya membanteras rasuah di semua peringkat dan tentunya apabila kita mempunyai satu jentera kerajaan yang efisien, mempunyai prosedur kerajaan yang telus, maka *corruption*, rasuah itu dengan sendirinya hilang kerana mengikut pemantauan kita di mana prosedur-prosedur kerajaan yang mempunyai *red tape* yang banyak, di situlah ada unsur-unsur *bargaining* di antara peminta dan pemberi.

Dengan keputusan kerajaan untuk menentukan supaya pentadbiran pejabat-pejabat daerah, pejabat tanah dan juga di *local authorities* diteliti dengan baik supaya segala urusan yang dianggap sebagai tidak perlu, kita buang dan segala prosedur-prosedur yang boleh dilaksanakan menggunakan komputer, akan kita laksanakan dengan membelikan mesin-mesin yang tertentu untuk mempercepat urusan kepada masyarakat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah yang dapat disampaikan, yang telah digambarkan dari ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat dan untuk itu, untuk kita semua, kita mempunyai banyak tanggungjawab dan kita akan mengharapkan semoga Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan dapat melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi, lebih berwibawa dan lebih efektif sekali.

Marilah kita sama-sama mendoakan agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi diberikan petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan oleh Allah S.W.T supaya dapat beliau melaksanakan tugas dan tanggungjawab memimpin negara dengan penuh amanah dan ketakwaan agar mampu membina negara yang lebih maju, makmur dan diredai oleh Allah S.W.T. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHAN RAYA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat di baca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[5 November 2003]**

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang meneruskan ucapan, dijemput. Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap tempoh hari? Belum? Silakan Yang Berhormat.

3.45 ptg.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar ya?

Dato' Omar bin Faudzar: Ya. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada SPR kerana telah berjaya akhirnya mengemukakan satu rang undang-undang yang agak baik yang boleh menyekat dan mengelakkan gejala-gejala yang tidak sihat berlaku.

Jadi saya berharap agar rang undang-undang ini janganlah kita memutar-belitkan dengan mengatakan bahawa kerajaan tidak memberi kebebasan bercakap kepada rakyat semasa pilihan raya dan sebagainya. Sebenarnya rang undang-undang ini dibuat adalah semata-mata untuk mengurangkan sedikit kebebasan bercakap semasa pilihan raya kerana kita tahu semasa pilihan raya, banyak perkara yang buruk telah berlaku khususnya semasa pilihan raya-pilihan raya kecil. Jadi saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan di Dewan iaitu beberapa insiden yang telah berlaku semasa pilihan raya-pilihan raya kecil yang telah dijalankan. Jadi saya tidak payahlah sebut di semua kawasan yang diadakan pilihan raya kecil, saya cuma ambil satu contoh iaitu Pilihanraya Kecil Parlimen Pendang.

Semasa pilihan raya diadakan, saya berada di kawasan Pendang bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang ada di dalam Dewan ini iaitu bersama dengan Datuk Arzmi yang tidak ada di sini dan dua tiga orang lagi kawan yang tidak ada dalam Dewan ini. Saya hadir di Pendang pada hari penamaan calon. Keesokan harinya bas-bas daripada negeri Pulau Pinang hadir di Pendang. Sampai sahaja di Pendang, hendak masuk ke kawasan Pendang, belum sampai lagi, baru sampai *border* dia. Bas-bas yang hadir ini, dari Penang sampai pagi, belum tidur lagipun, baru hendak cari tempat hendak mandi, bas-bas ini telah disekat oleh orang-orang yang kita tidak tahu, siapa orang-orang ini dengan membawa alat-alat yang berbahaya.

Tetapi syukur alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua sebab orang Penang ini orang yang baik-baik, yang tidak cari gaduh. Macamlah Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, orang yang tidak suka gaduh. Jadi kita tunggu dalam bas sehingga pegawai polis FRU datang berbincang dengan semua yang ada dalam bas itu dan akhirnya bersetuju supaya bas itu berpatah balik, tunggu di stadium sehingga masalah-masalah yang berlaku itu disejukkan dahulu dan akhirnya kita boleh masuk semula tetapi sampai sudah, bas-bas ini tidak dapat hadir di tempat-tempat yang perlu kita pergi untuk berkempen.

Jadi, kita terpaksa mencari *motorbike* membawa seorang demi seorang ke kawasan-kawasan tertentu. Masalah ini adalah satu masalah yang agak merbahaya. Kita bayangkan kalau ada seseorang dalam bas itu orang yang kasar sedikit, yang berani bergaduh, yang suka bergaduh, dia tidak kira parang, dia tidak kira apa. Saya yakin perkara ini akan menjadi lebih teruk, akan jadi huru-hara, akan jadi perpecahan kaum. Orang Melayu dengan orang Melayu bergaduh, orang Melayu dengan orang Cina bergaduh dan sebagainya.

Itu satu insiden yang berlaku di Pendang dan satu insiden lagi, saya masuk ke satu kawasan bersama-sama dengan rakan-rakan saya hendak mencari sahabat saya, sahabat lama yang berada di Pendang semasa saya bersekolah dahulu. Kita masuk di dalam satu kawasan melalui sawah padi, kita lalu batas padi. Di situ kita disekat dibubuhnya beras berguni-guni di situ dan dibubuhkan alat-alat, benda-benda yang lain yang saya sendiri pun tidak tahu dan akhirnya dipacak bendera PAS di situ. Kita tidak dibenarkan masuk dalam satu kawasan. Kita cuba juga, kita mencari jalan yang lebih baik, kita tidak mahu bergaduh, kita pusing mengambil jalan yang lebih jauh, untuk mencari sahabat saya.

Tetapi masih ada orang yang mengikut kita, ikut dengan senjata-senjata yang menakutkan, tetapi kita terpaksa memberanikan diri masuk juga. Bayangkan kalau berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini. Bukannya kejadian itu akan habis di situ sahaja, kejadian ini akan merebak di seluruh Pendang, mungkin akan merebak ke seluruh negara. Ini bahaya kepada kita.

Insiden yang ketiga, hari mengundi, saya berada di pondok panas Pendang. Seorang ibu yang tua dibawa dengan sebuah kereta, kereta Pajero ke pondok panas kami. Ibu ini memanglah orang yang menyokong kerajaan. Apabila kita bawa ke pondok panas kita, anaknya seorang guru di sekolah rendah di Sik 'terpa', minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa gunakan bahasa utara sikit, 'terpa'.

Tuan Yang di-Pertua: Menerkam.

Dato' Omar bin Faudzan: Terkam bilik itu. Dia terkam ke pondok panas menarik ibunya keluar, mengatakan kenapa kita pergi mengambil ibunya untuk mengundi. Kalau tidak salah saya hak mengundi adalah hak setiap individu, bukan hak anaknya untuk menentukan sama ada ibunya boleh mengundi atau tidak boleh mengundi. Kita beralah lagi, kita biarkan dia membawa ibunya pulang. Saya tunggu di situ sampai habis waktu, saya tidak nampak ibunya hadir. Jadi, saya kira seorang daripada orang yang berhak mengundi tidak dapat hadir sebab takut kerana anaknya bukanlah seorang penyokong kerajaan.

Ini tidak patut berlaku dan dalam kempen-kempen itu juga kita ada ceramah-ceramah dan sebagainya. Dalam ceramah, apabila kita mengadakan ceramah di sebelah sini dan satu parti lagi ada ceramah bersebelahan dengan tempat yang kita adakah ceramah. Kita bercakap tentang pembangunan, kita bercakap tentang kemakmuran negara, kita bercakap tentang keamanan, tetapi dalam masa yang sama di tempat yang paling hampir dengan tempat yang kita menjalankan ceramah, dia bercakap tentang pemimpin kita pemimpin yang firaun, pemimpin yang bohong, pemimpin yang bukan Islam. Jadi, bahasa-bahasa yang digunakan adalah satu bahasa yang paling kesat, yang paling hodoh, yang tidak sepatutnya satu manusia menggunakan bahasa-bahasa begitu kepada sesiapa sahaja, sekiranya kita menggelar diri kita sebagai manusia.

Kata-kata kesat itu kadang-kadang menyakitkan hati, tetapi syukur alhamdulillah kalau saya, saya ingat mencari *gengster* pergi pukul. Tetapi alhamdulillah Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita sabar, buatlah apa sahaja, tetapi dia masih sabar sebab beliau memegang pada hakikat, satu untuk membangunkan negara, untuk

membangunkan rakyatnya, untuk memastikan bahawa negara kita ini adalah satu negara yang maju, satu negara yang disegani oleh negara-negara yang bukan Islam, negara yang dihormati oleh seluruh umat Islam. Beliau bersabar dan dalam pada itu juga kalau kita lalu di kawasan-kawasan pilihan raya kecil ataupun pilihan raya biasa, kita tengok kain-kain pemedang.

Saya rasa, saya boleh bertanya kepada orang di sini. Kalau kita tengok kain pemedang yang diletakkan oleh Barisan Nasional tidak ada satu pun perkataan yang buruk, tidak ada satu perkataan yang memaki hamun antara satu sama lain – tidak ada. Seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Haji Arzmi kelmarin, saya yakin - tidak ada. Kalau ada pun kita suruh dia bawa turun, tetapi parti-parti lain menggunakan bahasa-bahasa yang terlalu hodoh. Saya sendiri malu kadang-kadang bila kita hendak tengok dan tunjukkan, hendak membawa anak-anak kita hendak lalu ke tempat yang ada pemedang-pemedang, dia bertanya kenapa bahasa-bahasa begini digunakan. Apa kita hendak jawab? Kita sendiri malu.

Pemedang itu kita tahu, apabila kita letakkan pemedang itu adalah untuk *public*, untuk *public* tengok. Betul mungkin kadangkala kita katakan bahawa kita tidak dapat publisiti, kita tidak mendapat peluang-peluang untuk menyiarkan apa yang kita hasratkan kononnya. Tetapi kalau dalam pilihan raya saya rasa kita boleh masuk ke kawasan-kawasan, bercakap tentang parti, bukan kita hendak mengislamkan, hendak mengkafirkan. Satu lagi juga di tempat yang baik di surau, di masjid. Ini tempat yang kita hendak menggunakan untuk sembahyang, tempat yang kita hendak beribadat, tempat yang kita hendak mengadap Allah S.W.T., tetapi tempat itu digunakan untuk mencaci. Allah tidak suruh kita mencaci. Kalau kita hendak tegur orang pun kita ada cara dalam Islam untuk kita tegur orang. Bukan dengan cara mencaci atau memaki hamun. Saya rasa Ustaz Hassan pun tahu cara macam mana kita hendak tegur orang-orang Islam.

Jadi, perkara-perkara yang berlaku ini amatlah menyedihkan dan memalukan, saya kira kalau orang-orang Barat tengok cara kita berkempen, saya rasa dia akan lari, kalau dia hendak bawa investment ke dalam negara pun, dia lari, dia takut dengan cara kita, mungkin dia rasa kita ini orang-orang yang kasar, orang-orang yang tidak boleh disuruh buat kerja, kalau suruh hendak bergaduh, merugikan negara, merugikan rakyat. Jadi, janganlah kita gunakan parti kita gunakan agama dan lain-lain untuk perkara yang tidak baik.

Kesimpulannya, daripada apa yang kita telah tengok di kebanyakan pilihan raya dan sebagainya, jadi saya harap sangat-sangatlah kepada SPR supaya dalam memberi penekanan yang lebih kepada bahasa-bahasa yang digunakan, di mana sahaja sama ada di kain pemedang atau risalah-risalah ataupun semasa kita berceramah, kita hendak pastikan supaya bahasa yang digunakan itu bahasa yang betul, Bahasa Malaysia, bahasa yang menunjukkan budaya kita.

Dan yang kedua, saya hendak pastikan, saya hendak minta kepada SPR sebab dalam cadangan yang dipinda ini mengatakan tentang penubuhan penguat kuasa, saya rasa mungkin saya ingin tahu jumlah penguat kuasa yang akan ditubuh, mungkin kalau jumlahnya kecil mungkin kita rasa tidak mencukupi untuk memastikan bahawa kejadian-kejadian ini tidak berlaku dan untuk memastikan bahawa kita mempunyai cukup kawalan-kawalan semasa pilihan raya.

Saya juga berharap SPR memastikan bahawa setiap ceramah ataupun kempen-kempen yang hendak dijalankan, janganlah digunakan masjid dan surau tempat untuk kita berkempen.

Dengan itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara yang paling besar dalam pindaan ini ialah memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya bagi menubuhkan Pasukan Penguat Kuasa dan seperti yang disebutkan di dalam pindaan ini bahawa Pasukan Penguat Kuasa ini akan dianggotai, pertama sekali ialah daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang keduanya, daripada pihak polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat Inspektor. Yang ketiganya, ialah daripada wakil Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan. Yang keempatnya, ialah wakil parti-parti politik yang turut serta bertanding dalam sesebuah kawasan Parlimen yang termasuk di dalam kawasan Parlimen itu ialah kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri.

Di antara tujuan ataupun di antara tanggungjawab jawatankuasa ini pertama sekali ialah untuk memantau, untuk memerhati malah untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya ke atas calon-calon atau ejen-ejen calon yang telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Di antaranya ialah mengenai pemasangan poster-poster dan iklan-iklan, disebutkan secara terperinci di dalam pindaan ini bahawa poster-poster dan iklan-iklan yang hendak dipasang oleh pihak calon yang bertanding hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ataupun yang ditentukan di dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya ini.

Saya ingin menarik perhatian di sini oleh kerana persoalan poster, kain pemidang dan surat-surat sebaran dan sebagainya, ini berkaitan kegiatan-kegiatan ini biasanya bukan sahaja dijalankan oleh calon dan ejen-ejen calon, tetapi juga oleh pekerja-pekerja, petugas-petugas parti, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi. Ini berlaku barangkali ialah kerana sesetengah petugas-petugas parti yang masuk ke kawasan-kawasan pilihan raya itu tidak mendapat taklimat yang sebaik-baiknya, yang secukup-cukupnya daripada parti-parti yang mengambil bahagian di dalam pertandingan pilihan raya itu.

Saya tidak hendak mengatakan bahawa sesebuah parti sahaja yang melakukan seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi Dato' Omar, ianya juga berlaku dan dilakukan oleh parti-parti yang bertanding, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi, bahawa apa yang berlaku di dalam Pilihan Raya Kecil Pendang, saya juga hadir dalam pilihan raya itu dan mengelilingi kawasan-kawasan pilihan raya itu, ianya bukan sahaja dilakukan barangkali kalau tadi sahabat kita mendakwa walaupun tidak menyebutkan nama parti, tetapi saya boleh fahamnya.

Ini dilakukan oleh sebenarnya semua parti yang mengambil bahagian, cuma sama ada ia berlaku dengan secara ganas, secara kasar ataupun secara yang lebih halus, itu sahaja perbezaannya, tetapi ianya berlaku. Saya beri contoh, kerana saya menyertai pilihan raya ini sejak tahun 1955 pilihan raya yang pertama, bukan saya yang masuk, tetapi saya mengikuti gerak kerja pilihan raya ini.

Tahun 1955 kita lihat ada semacam suasana itu agak tenang, kerana barangkali pada waktu itu pertubuhan-pertubuhan politik yang mengambil bahagian di dalam pilihan raya belumlah lagi tahu tentang bagaimana mereka hendak menggunakan kekuatan masing-masing dan pada waktu itu pun politik wang tidak ada, kadang-kadang orang yang memainkan peranan ini ialah orang-orang yang mendapat upah, diupah, dibayar upah, mereka melakukan sesuatu kerana mendapat upah yang lumayan. Ini adalah hasil daripada politik wang yang berlaku di negara kita ini.

Kita harapkan juga kerana tadi Tuan Yang di-Pertua menyebutkan bahawa sesungguhnya kalau apa-apa yang perlu disebut mengenai Usul Ucapan Terima Kasih boleh juga disebut dalam ini, kita mengharapkan supaya politik wang ini akan dapat dibendung ataupun dihapuskan sama sekali oleh Perdana Menteri baru kita, supaya politik wang ini ataupun yang dimainkan oleh mana-mana jua parti politik di negara kita ini, kita harapkan politik wang ini tidak akan berlaku dan kerana ianya boleh mengancam suasana perjalanan dan juga kedamaian waktu pilihan raya itu dijalankan.

Itu pun nasib baiklah pilihan raya di negara kita ini biasanya diadakan dalam tempoh yang pendek, ianya tidak diisytiharkan seperti di Indonesia misalnya, sekarang sudah diisytiharkan bahawa pilihan raya di Indonesia akan diadakan, kalau tidak silap ingatan saya, pada 5 April ataupun 4 Mei, sudah diisytiharkan. Jadi, parti-parti politik di sana sudah mula menjalankan kegiatan-kegiatan pilihan raya, mereka kempen dengan secara yang lebih terbuka, maka dengan sebab itulah semua perasaan, semua kehendak ataupun semua pandangan dapat mereka lemparkan kepada rakyat kerana waktu untuk berkempen itu agak panjang.

Di negeri kita ini, biasanya waktu berkempen hanya di antara 10 hingga 15 hari sahaja sekarang ini, kecualilah pada zaman Tunku Abdul Rahman kempen pilihan raya ini sampai 45 hari kalau tidak silap saya, 45 hari.

Jadi, kempen itu pula agak terbuka, kita boleh buat di mana-mana kawasan lapang, hanya kita memberitahu kepada pihak polis, tanah-tanah rizab misalnya kita boleh pacak sahaja di situ pentas, dan kita boleh mengadakan ceramah. Pada waktu ini kita terpaksa memohon kebenaran, maknanya permit daripada pihak polis dan di sesetengah tempat kadang-kadang permohonan permit kita itu tidak dikeluarkan, maka dengan sebab itulah kita terpaksa berpindah ke tempat yang lain, setengahnya di tempat-tempat atau di pejabat-pejabat parti masing-masing. Jadi, inilah kadang-kadang rintangan-rintangan yang dihadapi oleh parti-parti politik yang masuk dalam mana-mana jua pilihan raya yang diadakan di negara kita ini.

Kalau kita melihat pula kepada pilihan raya, saya ingin menarik kepada perkara-perkara yang berkaitan pilihan raya dan barangkali inilah ekor dari itu maka pindaan ke atas Akta Pilihan Raya ini dibuat. Suruhanjaya Pilihan Raya melihat barangkali inilah caranya untuk membendung suasana pilihan raya itu supaya tidak akan berlaku sebarang keganasan, sebarang tindakan keterlaluan oleh penyokong-penyokong parti politik. Walaupun parti-parti politik itu tidak mengarahkan demikian tetapi penyokong-penyokongnya ada orang muda, ada orang tua.

Dulu saya pernah nyatakan pada tahun 1969 mungkin ini ada kaitan dengan Peristiwa 13 Mei, peristiwa hitam 13 Mei. Pilihan raya tahun 1969 itu waktu itu kalau tidak silap saya UMNO, ada sebuah pasukan digelar pasukan tahan lasak. Saya masih ingat bahawa saya menyebutkan dalam Dewan ini kerana perkara ini dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, saya minta maaf. Saya menyebut bahawa saya pernah dikepong oleh pasukan tahan lasak dalam Pilihanraya Umum 1969. Pada waktu saya bertanding pilihan raya, dalam dua kawasan. Satu Kerusi Parlimen, saya melawan kawan saya, bekas Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mustafa Jabar. Dan Kerusi Dewan Undangan Negeri, saya bertanding melawan salah seorang orang kuat UMNO, orang kuat Dato' Harun pada waktu itu iaitu Dato'

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tetapi sudah lama, tahun 1969.

Tuan Hassan bin Shukri: Tak apalah, saya hendak buat perbandingan sebab perbandingan ini harus dijelaskan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Jadi, itu berbeza kemudian itu.

Tuan Hassan bin Shukri: Tak apalah. Tak apa. Saya faham berbeza tetapi dia tidak banyak beza. Itu pengalaman saya. Saya lihat dia tidak begitu banyak perbezaan.

Jadi, pada waktu itu pasukan tahan lasak ini telah dihantar ke kampung-kampung menyebabkan suasana di kampung dalam keadaan yang kacau bilau. Maka dengan sebab itulah kalau sekiranya walaupun Akta ini ada, kita katakan Akta ini diadakan guna untuk menghalang daripada perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang boleh mengganggu, mungkin mengganggu perjalanan pilihan raya itu tadi tetapi jika sekiranya kita tidak dapat membendung keadaan yang seperti ini kadang-kadang ada juga latihan-latihan yang dibuat secara sulit, pasukan-pasukan yang seperti ini masih ada dibuat atau dibentuk oleh pertubuhan politik yang tentunya mempunyai wang yang banyak.

Mereka ini menghantar orang-orangnya untuk mengganggu suasana ataupun perjalanan pilihan raya terutama sekali di dalam kempen-kempen pilihan raya. Kita pernah memegang orang-orang yang mengganggu ini, sebenarnya bukanlah daripada parti.

Misalnya daripada parti 'A' dia adakan ceramah. Yang mengganggu itu kadang-kadang seakan-akan orang daripada parti 'B' tetapi sebenarnya tidak. Orang yang dalam parti itu juga yang membuat gangguan-gangguan tetapi melemparkan tuduhan kepada parti yang lain. Ini berlaku dalam gerak kerja pilihan raya yang berjalan di negara kita ini.

Kita telah membincangkan tentang hal-hal berkaitan dengan pembentukan sebuah penubuhan penguat kuasa ini dan tadi sahabat saya meminta supaya keanggotaannya diluaskan. Kita juga pernah memberikan pandangan kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, bukan sahaja pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, polis, Pihak Berkuasa Tempatan dan wakil parti tetapi kita juga mahu ada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, satu dua orang supaya menyertai jawatankuasa ini kerana jawatankuasa ini boleh bertindak.

Katalah misalnya dalam satu ceramah, jawatankuasa ini pergi menyaksikan, mereka lihat ceramah itu, mereka boleh memberhentikan ceramah itu serta-merta dengan syarat persetujuan oleh semua jawatankuasa ini. Dan jika jawatankuasa itu dengan persetujuan itu bermakna persetujuan yang ada, yang tidak hadir itu tidak dikira. Jika yang hadir itu semua bersetuju maka dia boleh berhenti dan dia juga, jawatankuasa ini juga saya difahamkan mengikut yang kita telah diberi taklimat, dia boleh membuka semua poster-poster dan juga papan-papan tanda dan iklan-iklan, jika sekiranya menyalahi peraturan-peraturan terutama sekali oleh kerana sekarang ini kita tahu bahawa seseorang calon pilihan raya itu kalau Parlimen, dia bukan sahaja kena bayar wang pertaruhan RM10,000 sebagai calon tetapi juga dia kena bayar wang pertaruhan untuk membersihkan saki baki kempen pilihan raya itu seperti poster dan sebagainya. Itu kena bayar lagi RM5,000 kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya.

Dahulu, kita hanya bayar kepada Majlis Kerajaan Tempatan ataupun Majlis Daerah kalau sekiranya tidak ada Majlis Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah. Hanya kita bayar mengikut persetujuan antara pihak calon atau agen calon dengan pihak Majlis Daerah. Majlis Daerah pun kadang-kadang hanya dia kenakan mengikut... lihat daerahnya.

Kalau kawasan itu kawasan kampung. Saya ambil contoh misalnya kawasan di sini yang paling dekat, Tanjung Karang, Sabak Bernam. Itu kawasan sawah padi. Poster-poster itu ditampal di kawasan sawah padi, di kebun-kebun kelapa. Apakah maknanya sampai kepada peringkat itu pihak jawatankuasa ini, itu tanah persendirian. Apakah sampai ke situ pun kita hendak ambil tindakan.

Kalau ini berlaku, tentulah suasana ketenangan, suasana tenang dalam pilihan raya itu tidak akan dapat kita wujudkan. Maka dengan sebab itulah kita juga mengharapkan supaya jawatankuasa ini walaupun diberi kuasa tetapi janganlah mereka kerana ada kuasa ini sampai maknanya menggunakan atau mengambil tindakan-tindakan pada keadaan-keadaan ataupun pada tempat-tempat yang tidak munasabah.

Kecualilah barangkali orang itu boleh cabut poster-poster yang sekarang ini hendaklah diletakkan di papan. Kemudian kena pacak lagi. Ini saya boleh faham kerana hendak memudahkan bila sudah selesai pilihan raya, Pihak Kerajaan Tempatan atau Majlis Daerah senang, hanya bawa lori sahaja cabut.

Ada juga timbul selepas itu kononnya orang parti politik ini seakan-akan macam menghina pemimpin-pemimpin, dia pijak dan sebagainya. Dahulu saya sudah sebut dalam Dewan ini untuk beritahu bahawa kalau hendak kira macam itu, saya kata yang memijak, yang memijak gambar-gambar pemimpin ini pekerja-pekerja. Minta maaf itu tugas dia. Pekerja-pekerja Majlis Bandaranlah, Majlis Daerah dan Majlis Bandar Raya. Dia potong-potong masuk lori, pijak dan bawa ke tempat bakar, sekarang ini tidak bakarlah barangkali. Mereka inilah yang pijak.

Jadi, kita kadang-kadang ini dibawa oleh setengah-setengah parti politik untuk menyalahkan parti politik yang lain, dikatanya orang itu yang pijak. Sebenarnya kalau hendak kira pijak gambar-gambar pemimpin ini dan saya yang sangat dukacita ada juga saya katakan Tadikakah, Pastikah yang pijak. Orang tua yang pijak. Yang banyak pijak, yang banyak potong ambil gambar-gambar ialah pekerja-pekerja Majlis Tempatan, Majlis Daerah, Majlis Bandar Raya, itu tugas dia kerana hendak dibersihkan.

Hendak dibersihkan gambar-gambar ini tentulah dia masuk tong. Saya tengok dia masuk dalam lori. Dekat rumah saya itu dekat Green Wood, bukan main hebat itu. Masuk lori, pijak dan bawa. Saya tanya, mana? Dia kata hendak bakar. Gambar-gambar pemimpin itu tak kiralah pemimpin UMNOkah, pemimpin PAS, atau Barisan dia akan bakarlah, tak kiralah.

Kalau tak hendak kena usik apa-apa, jangan bubuh gambar. Jangan ada poster-poster bergambar. Selamatlah kita. Gambar-gambar pemimpin kita tidak dipijak, tidak dibakar oleh pekerja-pekerja oleh orang yang mempunyai tugas. Tugas ini itulah dia. Dia hendak bersihkan. Hendak senang dahulu dia bawa ke tempat buang sampah, bakar. Itu yang saya saksikan sendirilah.

Jadi, dengan pindaan ini, saya ingat itu yang paling besar tujuan pindaan ini ialah membentuk sebuah jawatankuasa penguat kuasa. Cuma yang kita harapkan supaya jawatankuasa penguat kuasa yang diwakili oleh semua pihak yang berkaitan. Saya memahamkan pihak polis mungkin untuk melihat supaya maknanya tindakan penguatkuasaan itu dijalankan dengan betul. Kemudian pihak parti juga boleh memberikan teguran jawatankuasa yang dilantik oleh parti ini.

Maknanya dia boleh bantah pada waktu itu juga kalau tindakan itu tidak wajar dia boleh buat bantahan tetapi persoalannya, bantahan-bantahan itu hendak didengar oleh pihak-pihak atau oleh orang yang jadi ahli jawatankuasa itu. Itu yang saya faham daripada pindaan akta ini dan sekiranya penguatkuasaan terhadap pindaan akta ini berjalan, kita mengharapkan betul-betul perjalanan pilihan raya ini akan berjalan dengan baik.

Semua orang, mana-mana parti politik pun mahu lihat supaya perjalanan pilihan raya di negara kita ini baik. Perjalanannya, amalan demokrasi itu betul-betul dapat dilihat atau dilihat sebagai adil. Itu dia. Dilihat sebagai adil. Dulu, dan kita telah buat bantahan. Ada pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya terdiri daripada ahli-ahli parti yang giat dan tak berapa giat, orang tak tahu tak apa tetapi yang betul-betul dilihat atau diketahui oleh orang-orang tempatan bahawa pegawai yang telah dilantik oleh suruhanjaya sebagai orang parti yang cukup kuat. Ini juga menimbulkan kesangsian.

Maka, dengan sebab itulah kita mengharapkan pada pilihan raya yang akan datang kerana pilihan raya yang akan datang ini, kita difahamkan pondok panas sudah tidak dibenarkan lagi di kawasan luar 50 meter yang dekat. Dahulu boleh. Kalau jauh daripada itu 1000 atau 2000 meter mungkin dibenarkan, ataupun kita kata sebatu, tetapi itu tidak ada makna untuk menyemak buku daftar undi. Biasanya di dalam kawasan pilihan raya itu ada kerani yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Ini bukan *poling agent*, bukan juga *counting agent*, di luar kawasan itu ada seorang.

Kita juga mengharapkan supaya berlaku adil, supaya semua orang berpuas hati, wakil-wakil parti juga kita harapkan akan dibenarkan duduk bersama-sama dengan kerani penyemak buku daftar undi yang dilantik oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, yang diletakkan dalam kawasan 50 meter, dalam kawasan tempat mengundi itu, bukan dalam tempat mengundi betul, dalam kawasan. Sebab yang dalam tempat mengundi itu yang kita dipanggil *poling agent*, itu bukan.

Jadi, kalau itu dapat kita tunjukkan kepada pengundi-pengundi bahawa di situ kalau ada tiga buah parti bertanding, katalah Barisan, PAS, Bebas. Wakil PAS ada, wakil Barisan pun ada, wakil calon Bebas pun ada, duduk sama-sama untuk menyemak buku daftar undi itu, saya rasa ini juga boleh meredakan ketegangan di kalangan penyokong-penyokong parti yang bertanding dalam pilihan raya itu. Kita juga mengharapkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya akan memikirkan perkara-perkara yang begini. Kerana biasanya pondok panas ini memanglah berlaku ketegangan, tetapi pondok panas ini sebenarnya banyak memberikan bantuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya itu sendiri, kerana di situ kita siapkan. Misalnya, kami dari parti PAS, kita siapkan, boleh menyemak melalui komputer dan sebagainya, mark kemudian edit. Kemudian mereka itu boleh bawalah, masuk supaya memberikan kemudahan perjalanan pilihan raya itu cepat, penyemakan daftar undi itu cepat dilakukan dan tidak memerlukan bantuan-bantuan dalaman kecualilah kalau ada masalah. Inilah yang kita harapkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan supaya saluran-saluran, saya melihat ada cadangan-cadangan yang telah dibuat tentang daerah-daerah mengundi ataupun tempat-tempat mengundi. Kadang-kadang di tempat-tempat mengundi itu, saya tidak tahu sama ada tidak ada tempat lain ataupun sengaja dikumpulkan dalam satu tempat mengundi itu sampai lima, enam saluran. Saya faham kerana enam saluran itu mungkin pengundinya melebihi daripada 2,500 atau lebih daripada 3,000, kerana kita difahamkan bahawa sesungguhnya selagi pengundinya hanya ada tidak lebih daripada 600.

Tetapi bagaimanapun saya sudah kaji di negeri Selangor ada tempat-tempat yang satu saluran sahaja, pengundinya lebih daripada 800, kerana ia tidak wajar ia buat dua saluran mengundi dalam satu tempat mengundi. Yang keduanya, masih ada terdapat saya lihat dalam jadual itu, masih terdapat terlalu jauh jarak di antara tempat mengundi dengan orang yang hendak mengundi ke tempat mengundi itu, jaraknya terlalu jauh. Ini juga kalau boleh kita harapkan supaya pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, kalau berlaku tempat yang terlalu jauh ini perlulah diubahsuai sedikit supaya ia boleh diperdekatkan lagi.

Sesetengah kawasan terutama sekali apabila kita berhadapan dengan persempadanan pilihan raya yang baru ini, kita melihat bahawa sesungguhnya dalam persempadanan itu ada kawasan-kawasan kampung pun, kawasan kampung jauh daripada bandar. Misalnya kawasan Baling, kawasan Baling pengundinya lebih daripada 73,000 dan kawasannya sangat luas kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain, sepatutnya kawasan yang 73,000 ini boleh dibuat dua kawasan Parlimen. Kedah sepatutnya mendapat tambahan satu ataupun dua kerana ini terlalu luas. Lagipun ia jauh, luar bandar. Ini menyebabkan pengundi-pengundi, mungkin menyukarkan pengundi-pengundi untuk keluar mengundi.

Maka, dengan sebab itulah kita mengharapkan melalui pemantauan juga, pemantauan jawatankuasa ini bukan sahaja memantau perjalanan pilihan raya itu ataupun bukan sahaja sekadar memantau, boleh memberhentikan atau boleh menyebabkan diberhentikan sesuatu ceramah yang dianjurkan oleh mana-mana parti politik, tetapi kita mengharapkan kalau hendak berhentikan biarlah berhentikan secara adil. Maknanya, kalau orang lain bercakap, itu ini, mudah-mudahan ia boleh dihentikan.

Dahulu saya pernah menyebutkan pada pindaan yang kita buat sebelum ini, saya juga memohon supaya pegawai-pegawai ataupun Menteri-menteri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen-setiausaha Parlimen yang bertanding dalam pilihan raya itu, walaupun mereka itu dari segi undang-undang, dari segi Perlembagaan masih dibenarkan boleh menggunakan nama Menteri-nya – ha, ini hendak ceramah Menteri ini! Sebab dari segi orang luar bandar kalau Menteri itu, dia lain sedikit penerimaannya. Kita faham, kita sangat faham. Saya minta supaya semua orang yang memegang jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan seterusnya, jika sekiranya mereka ini bertanding dalam pilihan raya, kita mengharapkan dalam tempoh kempen 10 atau 15 hari itu janganlah ada di antara mereka ini yang menggunakan jawatan mereka untuk datang berkempen pilihan raya.

Ejen-ejen pilihan raya itu juga janganlah menggunakan atas nama Menteri-menteri itu, mereka diundang untuk merasmikan sesuatu projek, yang kadang-kadang saya difahamkan ada surau yang sudah sekian lama, masjid sekian lama, belum dirasmikan, hendak pilihan raya itulah rasmikan. Ini pun satu perbuatan, satu amalan yang tidak begitu baik pada pandangan saya.

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, boleh diberi laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, pertama, saya bersetuju sangat apabila pangkat ataupun gelaran Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat itu tidak dimasukkan. Dan termasuk dalam kertas undi sekali pun. Ini termasuk semua calon, tidak kira sama ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, mesti semua terlibat, dan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, untuk menjamin bahawa pemilihan yang bijak dibuat tidak diasaskan ataupun diandaikan kepada kedudukan

dan pangkat seperti mana yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya bersetuju, Menteri Besar PAS atau UMNO, Barisan, semua tidak menggunakan kalau boleh atas nama Menteri Besar. Tetapi, oleh kerana tidak ada sebarang akta sekarang ini, pada fahaman saya, untuk melarang, yang melarang maknanya, mengatakan bahawa itu suatu kesalahan maka sebab itulah ia hanya bergantung kepada peribadi masing-masing. Kalau dia rasa bahawa ia adalah lebih murni kemenangannya dalam pilihan raya itu dengan tidak menggunakan apa-apa jawatannya, terutama yang tadi, jawatan politiknya. Pegawai kerajaan itu lain, ini jawatan politik ini untuk memenangi pilihan raya kerana waktu Parlimen bubar kita sudah juga bincangkan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya tentang kedudukan kerajaan sementara, *caretaker government* ini.

Tetapi, nampaknya itulah dari segi Perlembagaannya dikatakan, dijawab pada saya sendiri yang menghadiri beberapa taklimat, dan kita tidak boleh kita buat begitu. Jadi, walau bagaimanapun, dari segi moralnya saya rasa itu adalah lebih hormat, lebih baik, lebih cantik. Saya tidak kira mana-mana parti politik, semua parti politik ataupun orang-orang politik yang bertanding untuk 15 hari, lepas dia menang itu, dilantik jadi Menteri gunakanlah sampai dia hendak pilihan raya pula. Bila bubar sahaja Parlimen, Dewan-dewan Undangan Negeri pada waktu itu saya rasa adalah lebih elok, lebih murni, lebih cantik, lebih enak, kata orang Indonesia, sementara itu kita jangan gunakan kedudukan-kedudukan yang seperti itu, kita serahkanlah kepada rakyat, kerana rakyat akan membuat penilaian.

Memanglah boleh dibawa sebagai... Pernah saya rasa kalau tidak silap ingatan sayalah, di Pulau Pinang ketika waktu itu Menteri Kewangan kalau tidak silap Tengku Razaleigh Hamzah merasmikan satu majlis, dibawa perkara ini ke mahkamah, dikemukakan ke mahkamah, dibuat pendakwaan tetapi ditolak. Ini adalah kerana yang dianggap rasuah dalam kesalahan pilihan raya ini ialah kalau calon atau ejen calon itu sahaja yang bagi duit. Bagi duit lima puluh ringgitkah, itu kalau dapat dibuktikan, maka ianya dikira sebagai rasuah dalam pilihan raya sekalipun lima puluh ringgit. Sekalipun kalau dalam fahaman sayalah, dia hanya memberikan sebotol Coca-Cola sahaja, itu pun boleh dianggap rasuah tetapi calon yang bagi, calon atau ejen calon, wakil calon. Tetapi tentulah orang politik takkan calon hendak beri. Dia pun reti juga. Ini persoalan-persoalan yang seperti ini dan saya rasa ada satu kes sahaja sepanjang yang saya tahu, kalau tidak silap ingatan saya barangkali orang lain yang lama-lama, dia tahu.

Satu kes dibawa, satu calon telah berjanji untuk membina semula tanah perkuburan, memagar tanah-tanah kubur Cina di Kampar. Calon lawannya telah bawa ke mahkamah. Saya ingat PPPkah kalau tidak silap yang bawa kes ini ke mahkamah. *[Memandang ke arah Yang Berhormat Datuk M. Kayveas]* Menang PPP pada waktu itu. PPPkah atau DAP, saya kurang ingat – di Kampar, Perak. Ini berlaku. PPP itu sahabat lama saya juga. Jadi kalau tidak silap saya, itu sahaja satu kes yang telah berjaya, terpaksa keputusan mahkamah mengisytiharkan pilihan raya itu dibatalkan dan diadakan pilihan raya semula.

Jadi saya ingat urutan daripada situlah, saya harap bukan urutan daripada Pendang sahaja, maka Akta Kesalahan Pilihan Raya ini dipinda. Walau apapun pindaan yang kita buat, jika sekiranya perkara ini tidak diberikan kesedaran kepada parti-parti politik itu sendiri, maka ia akan terus berlaku. Mungkin apabila kita perbanyakkan larangan ini lebih hebat lagi nanti, bingkasnya lebih hebat lagi daripada masa-masa yang akan datang. Sebab itulah saya lihat negara-negara, saya pun menyaksikan juga beberapa pilihan raya di negara lain, malah di Indonesia pun, ia tidaklah sebenarnya sehebat macam kita ini, seperti yang disebut oleh sahabat saya kerana ruang untuk kempen itu terlalu lama. Waktu hendak mengundi itu sudah jemu dah.

Saya masih ingat pada zaman yang kempen dibenarkan 45 hari itu, kita pun tidak upaya 45 hari. Kita yang jadi calon ini sudah tidak sanggup hendak habiskan 45 hari itu. Setakat 30 hari itu pun sudah kita rasa penat, apa lagi kita hendak habiskan waktu sampai 45 hari pada zaman Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dahulu, pilihan raya zaman Tunku Abdul Rahman.

Jadi dengan sebab itulah, saya mengharapkan juga walaupun akta ini ada tetapi kebijaksanaan kita menyeru kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya kebijaksanaan jawatankuasa yang dibentuk ini hendaklah betul-betul dipastikan supaya mereka tidak akan bertindak, mentang-mentang ada kuasa, bertindak sesuka hati sahaja kerana ini akan menimbulkan lagi ketegangan yang boleh menyebabkan penyokong-penyokong parti-parti politik, mana-mana juga parti politik yang bertanding akan mengambil langkah-langkah yang mungkin kita tidak tahu apakah langkah-langkah yang lebih drastiklah yang akan mereka ambil berhadapan dengan Pasukan Penguat Kuasa ini.

Yang lain daripada itu, saya rasa tidak ada perkara-perkara yang sangat besar berkaitan dengan pindaan ini, cuma satu perkara lagi iaitu yang saya sebutkan tentang memberhentikan atau menyebabkan supaya diberhentikan apa-apa ucapan atau syarahan awam terbuka yang diadakan dalam kawasan-kawasan yang melanggar atau tidak memenuhi mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pilihan raya. Dan ini pun saya harap juga kadang-kadang kita juga mengharapkanlah supaya pihak yang berkuasa – polis jangan membenarkan.

Kadang-kadang dekat-dekat sahaja. Di sini pun diberi permit, dekat itu pun bagi permit juga. Jadi bertembung suara itu. Ini pun patut dielakkan. Patutlah ditentukan jaraknya sekurang-kurangnya kita gunakan kebijaksanaan, pendekatan yang cukup bijaksana supaya tempat-tempat kita hendak kempen pilihan raya atau hendak mengadakan ceramah umum dalam kawasan-kawasan pilihan raya itu, jarak jauhnya itu hendaklah dipastikan supaya tidak bertembung suara-suara. Kadang-kadang inilah yang timbul seperti yang sahabat saya sebutkan tadi keluar perkataan-perkataan yang tidak baik. Ini hasil daripada kadang-kadang semangat ataupun dorongan ucapan sebelah menyebelah.

Dato' Omar bin Faudzar: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya.

Dato' Omar bin Faudzar: Tentang ucapan-ucapan tadi yang disebutkan oleh Tuan Hassan tadi, saya hendak bagi sedikit perkara yang berlaku di mana kebanyakan ada satu...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Peraturannya Yang Berhormat...

Dato' Omar bin Faudzar: Tak, kalau...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Minta penjelasan. Kalau apa-apa, minta penjelasan.

Dato' Omar bin Faudzar: Penjelasannya yang dia katakan tadi permit. Kita minta permit

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Omar bin Faudzar: Saya hendak mengatakan di sini

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Itulah saya memberikan peringatan, apabila kita mencelah, kita minta laluan, adalah meminta penjelasan ini.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya tidak ada penjelasan. Tidak hendak minta penjelasan pun, cuma saya hendak bercakap di sini sebab apa saya telah...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Baik... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Omar bin Faudzar: Okey, okey.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya sebagai mengharapkan sahaja supaya maknanya sebarang permit tidak dikeluarkan dalam kawasan yang terlalu dekat dan ini biasanya pihak polis panggil calon-calon atau ejen-ejen calon. Sebab itulah biasanya senarai tempat-tempat yang kita hendak adakan ceramah itu diberikan lebih awal kepada pihak polis supaya pihak polis boleh mengaturkan tempat dan tidak berlaku pemberian permit itu di tempat-tempat yang terlalu dekat. Ini saya cadangkan,

saya syorkan sebagai salah satu jalan untuk mengelakkan supaya suasana tidak menjadi panas.

Suara itu kedengaran antara satu penceramah misalnya parti A dengan parti B sebelah menyebelah. Dengan sebab itulah jadi jawab menjawab di dalam satu majlis ceramah dan kita harapkan supaya jawatankuasa ini dapat membuat pemantauan dan sekurang-kurangnya jawatankuasa yang dibentuk ini juga kalau boleh saya cadangkan memanggil parti-parti politik berbincang, berunding dengan parti-parti politik yang mengambil bahagian di dalam satu-satu kawasan pilihan raya itu. Ini kerana satu kawasan pilihan raya itu pun kita harus tahu ia mengandungi kadang-kadang macam di Selangor misalnya, satu kawasan Parlimen ada yang empat kawasan Dewan Undangan Negeri. Itu pun satu perkara lagi yang mungkin menyukarkan kita juga untuk mengawal.

Saya bagi contoh misalnya di Selangor ini di Kapar. Walaupun kita berterima kasih kerana dapat tambahan kawasan tetapi tambahan kawasan Kapar itu kadang-kadang kalau kita lihat lebih menyulitkan lagi gerak kerja parti-parti politik yang akan bertanding. Kawasan Kapar ada empat kawasan. Dahulu tiga, sekarang ada empat Tuan Yang Dipertua kerana kita mendapat satu tambahan Sungai Pinang selain daripada kawasan lama - Meru, Selat Klang dan juga Sementa dan sekarang ini dapat kawasan baru namanya Sungai Pinang. Dan kawasan Sungai Pinang ini sekarang ini pun kita sudah boleh baca ia adalah menjadi salah satu kawasan yang mungkin kalau kita tidak kawal dengan baik, kawasan ini akan boleh menjadi satu suasana agak tegang di dalam menghadapi pilihan raya yang akan datang.

Jadi dengan sebab itulah, kalau perundingan-perundingan oleh jawatankuasa ini kerana jawatankuasa ini ditubuhkan tujuannya pun saya difahamkan adalah untuk memelihara, mengawal, memantau supaya perjalanan pilihan raya itu lebih baik dan tidak berlaku ketegangan di antara calon-calon ataupun parti-parti politik yang mengambil bahagian di dalam salah satu kawasan ataupun dalam mana-mana kawasan pilihan raya yang dipertandingkan. Ini yang kita harapkan.

Selain dari itu juga, kita memohon kepada pihak yang berkuasa kerana ia melibatkan juga pihak polis, kita juga meminta supaya pihak polis ini kita harapkan dalam masa pilihan raya ini supaya lebih bersikap membimbing daripada mengambil tindakan. Kadang-kadang tindakan-tindakan yang diambil itu tidak begitu munasabah. Inilah yang menyebabkan ketegangan di antara pihak-pihak yang menguatkuasakan sesuatu undang-undang dengan orang kampung. Pilihan raya ini kita harus faham, ianya bukan berlaku di bandar sahaja, ianya berlaku di kampung-kampung. Budaya orang kampung, pemikiran orang kampung, orang darat, orang laut itu, dia berbeza dengan pemikiran orang di bandar.

Ini pun perlu juga difahami oleh orang yang menguatkuasakan undang-undang, dia tidak sama. Jadi psikologi ini juga perlu diambil perhatian. Ilmu kemasyarakatan, adat istiadat, budaya orang-orang kampung ini perlu juga diambil kira oleh kita semua. Saya ingin menyebut satu pengalaman yang barangkali boleh mengetawakanlah jugalah, sahabat saya tetapi Almarhum sudah. Almarhum, Dato' Haji Hassan Adli pernah menjadi Menteri dahulu. Dia pernah memberi ceramah pada pilihan raya tahun 1959 di satu kampung namanya Parit Baro dekat Sabak Bernam. Di kawasan, minta maaf saya sebut ini, di kawasan orang kata Jawa, Suku Ponorogo. Kalau orang Jawa tanya Suku Ponorogo ini dia tahulah.

Jadi dia beri ceramah dan selepas ceramah itu orang kepung dia bawa dengan parang, macam sahabat saya katakan tadilah, parang panjang, berkilat parang panjang. Macam saya kena kepung tahun 1969 dengan parang panjanglah, 30, 40 anggota tahan lasak tahan saya. Jadi dia pun turun daripada kereta dia cakap Jawa, cakap Jawa, jatuh parang orang-orang itu, bukan ada dia jampi atau apa, hanya cakap Jawa sahaja.

Saya hendak menceritakan di sini tentang peranan kalau kita mengetahui adat-istiadat, ilmu, bahasa sedikit sebanyak, suku-suku orang kampung-kampung ini boleh juga menyelamatkan kita, itu menyelamatkan calon tetapi yang saya minta ini supaya pihak penguat kuasa ini dia mengambil pertimbangan-pertimbangan. Ada dalam pemikirannya pertimbangan-pertimbangan bahawa orang kampung berbeza dengan orang bandar yang banyak ilmu dan sebagainya.

Jadi inilah yang perlu juga kita perhatikan dalam melaksanakan ataupun dalam menguatkuasakan Akta Kesalahan Pilihan Raya ini. Begitu juga misalnya tentang poster-poster yang diletakkan di kampung, jauh. Macam baru-baru ini saya pergi ke satu kawasan kampung Jawa. Jadi dikatakan semua poster dan bendera-bendera tidak boleh dipasang. Digunakan katanya di bawah arahan Sultan.

Jadi bila dengar begitu, orang kampung ada sesetengah yang mengerti, dia tanya, mana surat sultan? Dia terus sahaja minta, mana surat arahan Sultan? Itu cara orang kampung. Dia hendak surat. Ada surat Sultan dia kata, tidak apalah saya turunkanlah bendera. Jadi rupanya akhirnya sampailah perkara ini di bawa kepada... saya difahamkan, saya difahamkan di bawa ke Majlis Keselamatan Daerah untuk mengelakkan ketegangan ini maka bendera-bendera ini boleh diletakkan di tanah persendirian. Tanah-tanah rizab tidak boleh, tanah rizab kerajaankah apakah tidak dibenarkan hanya tanah persendirian.

Itu cara mengatasi tetapi kalau kita tidak beritahu orang-orang kampung itu kita tidak beritahu dengan cara kita, beritahu bahawa ini perintah orang ini, perintah orang ini, dia pun sekarang ini sudah boleh memikirkan dan ada maklumat tentang pekerja-pekerja pilihan raya ini lalu dia meminta mana suratnya. Bila surat itu tidak dapat ditunjukkan, ini akan menimbulkan masalah. Jadi dengan sebab itulah saya mengharapkan juga kepada sahabat-sahabat semualah yang nantinya akan bekerja dalam gerakan pilihan raya ini akan memahami persoalan-persoalan ini. Jangan kita pula yang menjadi kepala kepada anak-anak buah kita untuk menggalakkan supaya peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan berlaku.

Saya boleh cerita tentang... seperti mana tadi yang disebut oleh Yang Berhormat berlaku di Pendang ya. Ini bukan dilakukan oleh sebelah pihak sahaja. Saya pun boleh cerita banyak kalau saya hendak cerita ada 10 hingga 15 kes yang kalau saya hendak tetapi saya tidaklah bermaksud dan tidak berhasrat untuk membawa perkara-perkara: yang begini ke dalam Dewan yang mulia ini kerana itu adalah menjadi tanggungjawab setiap parti politik yang mengambil bahagian di dalam pilihan raya di negara kita ini dan satu lagi kita harus juga menganggap bahawa parti politik yang bertanding dalam pilihan raya ini, janganlah dianggap dan dilihat seakan-akan dia sebuah parti yang haram, parti yang tidak berdaftar.

Kita berdaftar, kita sebuah parti yang berdaftar dan sebuah parti yang halal malah kalau dia tidak parti pun, calon bebas pun dia ada ejen-ejen pilihan raya, dia ada petugas-petugas dia. Kita juga harus menganggap dalam amalan demokrasi ini itu adalah hak dia untuk memberikan pandangan-pandangan dalam menghadapi pilihan raya ataupun dalamampen pilihan raya ini.

Jadi dengan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya kira cukup sekadar itu kerana ada satu lagi pindaan, cukup sekadar itu dan saya sekali lagi mohon supaya pelantikan yang dibuat ke atas pembentukan jawatankuasa ini dan kalau boleh saya bersetuju dengan cadangan sahabat kita tadi keahlian ditambah tetapi dia tidak boleh tambah sudah ini. Fasal kita pun sudah bincang ya Yang Berhormat tambah NGO lagi dua, tiga orang, dua, tiga NGO duduk dalam ini supaya ada orang tengahlah. Ini orang parti politik dia lain dia punya pandangan. Lain yang jadi nanti. Dalam jawatankuasa ini berlawan antara... katalah yang bertanding itu. Jadi susah. Pendamainya ialah pihak polis dan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya kerana keahlian dan juga pihak Majlis Kerajaan Tempatan.

Majlis Kerajaan Tempatan ini saya rasa dia hendak tengok, itu sahaja. Kalau pacak di bandar, pacak betul-betul poster-poster itu. Yang penting, mudah bagi dia hendak buka balik semula. Itu yang mungkin akan dipantau bagi pihak Majlis Daerah, pihak yang berkuasa, Kerajaan Tempatan dan sebagainya.

Jadi dengan itu saya mengucapkan terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Yang Berhormat Tuan K. R. A Naidu.

4.47 ptg.

Tuan K. R. A Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1994 yang dinamakan Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya adalah penting kepada sesebuah negara untuk memelihara dan menjamin amalan demokrasi yang sihat. Bolehlah dikatakan bahawa pilihan raya adalah *synchronize* dengan izin, untuk demokrasi. Di negara ini kita bernasib baik kerana tiap-tiap pilihan raya, telah dijalankan secara aman dan damai melainkan satu, dua insiden yang telah mencemarkan sedikit nama baik ini.

Walau bagaimanapun, adalah wajar dan kena pada masanya untuk mengadakan undang-undang yang boleh menjamin bahawa pilihan raya-pilihan raya di masa hadapan dapat dijalankan secara lancar dan tenteram demi keselamatan masyarakat negara ini.

Baru-baru ini SPR telah mengumumkan bahawa rapat umum boleh diadakan oleh parti-parti politik di negara ini sekiranya pihak polis memberi kebenaran secara bertulis. Ini menunjukkan bahawa SPR adalah satu badan yang *independent* dengan izin, dan tidak menyebelahi mana-mana pihak dan pada pandangan saya ini juga adalah bukti bahawa SPR menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan oleh SPR juga menunjukkan bahawa SPR adalah satu badan yang mempunyai pandangan jauh ke hadapan atau dengan izin mempunyai *farsightedness*. Saya ingin memberi pandangan saya terhadap beberapa fasal dalam akta ini.

Fasal 4 satu perkara yang menarik orang ramai di negara ini pada masa pilihan raya ialah perang poster yang sering berlaku.

Di Fasal 5 ini bertujuan untuk meminda Seksyen 26 Akta 5. Dengan pindaan ini seseorang dilarang memakai, memegang atau membawa apa-apa bentuk atau jenis pakaian dalam jarak 50 meter dari sempadan tempat mengundi. Saya rasa pindaan ini adalah baik kerana ia dapat mengelakkan pelbagai tuduhan antara parti-parti politik dan menjamin ketenteraman pada hari pilihan raya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan sedikit tentang perang poster ini. Walaupun perang poster ini adalah sihat dari satu sudut, kita harus tinjau sama ada perang poster yang keterlaluan ini adalah baik kerana beberapa insiden yang kurang menyenangkan juga berlaku disebabkan oleh perang poster ini.

Antaranya ialah ketegangan dan pergaduhan, kekotoran, pembaziran wang dan juga keselamatan orang. Kadang-kadang kita lihat ada poster-poster dan bendera-bendera diletak di atas pokok-pokok dan bangunan-bangunan yang tinggi. Jadi saya berharap agar SPR berfikir sama ada, adakah baik sekiranya menghalang parti-parti politik dibenarkan mengadakan perang poster sebegini khasnya untuk menampal poster-poster di dinding, tiang-tiang seperti tiang TNB dan Telekom kerana poster-poster yang ditampal di dinding dan sebagainya pasti akan merosakkan kebersihan dinding-dinding dan tiang-tiang selepas pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pengalaman saya apabila saya melawat negeri Jerman pada masa pilihan raya tahun lalu. Rombongan kita dari Malaysia agak keliru sama ada pilihan raya sedang berlaku di Jerman pada ketika itu kerana susah untuk melihat poster, melainkan poster Ketua Parti ataupun poster parti yang diletak di sudut-sudut yang strategik di bandar raya atau kawasan. Saya tidak kata bahawa kita perlu tiru cara pilihan raya Barat. Maksud saya ialah bahawa kita harus cari jalan untuk mengurangkan perang poster yang bergantung di antara tiang-tiang tinggi supaya dapat mengelak beberapa masalah.

Wang yang kita bazirkan dalam perang poster itu boleh disalurkan untuk membantu rumah-rumah warga tua, rumah kebajikan ataupun asrama anak-anak cacat. Saya ingin menyentuh sedikit tentang Fasal 6. Fasal 6 bertujuan memasukkan bahagian baru IVA yang mengandungi Seksyen 27A hingga 20H. Ini adalah suatu yang baru dan saya memuji pihak SPR yang telah memikirkan perlunya untuk menubuhkan pasukan penguat kuasa ini, dan saya ingin membaca 27B di sini:

"27B. Suruhanjaya Pilihan Raya boleh, jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya itu, menubuhkan satu pasukan penguat kuasa atau apa-apa bilangan pasukan penguat kuasa bagi maksud memantau dan mengawal aktiviti calon sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari pengundian."

Hanya dua perkara saya ingin utarakan di sini. Saya tidak tahu mengapa SPR hanya menubuhkan pasukan penguat kuasa ini jika difikirkan perlu, bukan di semua kawasan pilihan raya, ini satu. Yang kedua ialah mengawal aktiviti-aktiviti calon. Saya ingat selain daripada itu, mengawal aktiviti-aktiviti calon serta juga wakil-wakil calon dan penyokong-penyokong parti berkenaan. Ini adalah hanya tentang keadaan, sebab kalau kita tidak beri keterangan yang betul, ini mungkin akan membawa satu perkara, di mana kita akan mengadakan timbulnya perbahasan di antara parti-parti politik pada ketika pilihan raya. Jadi, saya tidak ingin berbahas lanjut dan saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, silakan.

4.56 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta membahaskan.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Minta laluan saya hendak buat pengumuman sedikit sahaja. Kita ada satu lagi akta yang kita hendak bahaskan hari ini selepas yang ini, dan kalau boleh kita sekurang-kurangnya satu ini kita gulung hari ini juga. Kalau tidak esok kita kena sambung pada hari yang penghabisan iaitu pada 20 November selepas kita selesaikan mengenai dengan bajet dan *Mid Term Review*. Jadi saya minta kerjasama cuba kita *adjust*kan macam mana yang sepatutnya. Silakan.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin memperkatakan tentang masalah poster semasa kempen pilihan raya. Kita melihat dari pilihan raya yang telah berlalu sebelum ini, terlalu banyak poster yang ditampalkan di mana-mana termasuklah di atas pokok kelapa, di mana-mana sahajalah dan juga di papan-papan, ada yang besar, ada yang kecil. Ada yang menimbulkan masalah kerana kata-kata yang dibuat itu menyakitkan hati pihak-pihak yang tertentu.

Saya mencadangkan supaya poster-poster yang dibenarkan semasa kempen pilihan raya hanyalah untuk gambar-gambar calon-calon sahaja dan juga pemimpin-pemimpin tertentu, kerana mungkin calon itu perlulah diperkenalkan terutama sekali jika ada calon baru yang belum dikenali oleh para pengundi. Tetapi perkara-perkara yang menyakitkan hati itu, kalau boleh kita minta pihak SPR melarang supaya poster-poster yang mengandungi perkataan-perkataan yang menyakitkan hati dan terdapat juga kain-kain rentang yang banyak juga menimbulkan permasalahan, yang dilekatkan ataupun disadai di tempat-tempat mengundi di mana-mana kawasan-kawasan mengundi oleh parti-parti yang bertanding.

Ini juga kalau boleh kita mintalah jangan dibenarkan untuk disadai atau dilekatkan oleh pihak-pihak yang bertanding ataupun juga para pekerja mereka. Kita telah ditekankan supaya berfikiran secara world-class, dengan matang. Kita jangan lagi berfikiran secara dunia ketiga. Jadi sudah tiba masanya setelah 46 tahun kita merdeka, kita tidak perlu lagi bertindak seperti orang-orang yang ketinggalan zaman, orang-orang yang kolot, selalu menekankan kepada perkara-perkara yang terlalu remeh, perkara-perkara yang tidak sepatutnya dibawa ataupun dikemukakan oleh orang-orang yang telah pun merdeka 46 tahun dan mahu menuju ke arah sebuah negara yang maju. Kalau kita lihat di negara-negara yang lain, saya pernah belajar di England, saya melihat semasa pilihan raya di sana, tidak terdapat poster-poster seperti ini dan kempen-kempen pun tidaklah memerlukan seperti apa yang telah saya mempersoalkan dua hari yang lalu tentang rasional untuk mengadakan ceramah terbuka dan rapat umum ini.

Saya juga memikirkan ini kerana sudah tiba masanya kita berfikir *world-class* seperti yang saya sebutkan tadi dan kita tidak perlu lagi mengadakan rapat umum yang terlalu besar-besaran kerana kita telah melalui begitu banyak pilihan raya. Parti-parti yang bertanding juga sudah pun dikenali. Mengadakan ceramah yang terbuka di mana-mana sahaja boleh dilakukan seperti apa yang dikatakan oleh Ustaz Hassan bin Haji Shukri tadi, yang dibenarkan semasa zaman pemerintahan Allahyarham Tunku Abdul Rahman, adalah zaman yang sudah berlalu sekian lama. Mungkin pada masa itu, kita baru merdeka, di peringkat awal merdeka. Pilihan raya belum banyak dilakukan dan pemimpin-pemimpin tidak dikenali. Parti-parti politik pun baru juga timbul. Maka, perlulah mungkin diadakan rapat-rapat umum dan perhimpunan secara terbuka untuk kita berkempen di dalam pilihan raya. Tetapi, pada masa ini, pada zaman ini saya rasa ini sudah tidak perlu lagi diadakan.

Ini kerana, kita lihat jika diadakan, tadi Ustaz Hassan bin Haji Shukri mengatakan kalau boleh pihak polis janganlah membenarkan memberikan permit kepada permohonan untuk mengadakan ceramah dalam tempat-tempat yang berdekatan. Tetapi, kita tahu sebagai orang politik, ini selalunya adalah strategi parti-parti politik. Jadi, pihak polis mungkin tidak mengetahui perkara ini, dia akan memberikan permitnya, dan daripada situ akan berlakulah masalah-masalah, caci-mencaci, cerca-mencerca di antara satu sama lain. Jadi, lebih baiknya kalau boleh, kita tidak perlu mengadakan rapat-rapat umum ini, ceramah yang terlalu terbuka sampaikan beribu-ribu orang yang datang dan jalan raya pun sesak. Kita mahu 'melipas' jalan itu pun, kita tidak berani. Ini pernah saya alami semasa berkempen di Sanggang.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: 'Melipas' jalan itu ya, melalui jalan itu?

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Melalui, minta maaf, bahasa Sabah, ya. Tidak.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Nanti ada tidak yang faham 'melipas' itu nanti.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Melintas jalan itu semasa bersama-sama berkempen di Sanggang beberapa tahun yang lalu kerana diadakan ceramah yang besar-besaran sehinggakan jalan raya pun menjadi *traffic jam* disebabkan rapat umum yang diadakan oleh sebuah parti yang bertanding di dalam pilihan raya itu. Jadi, saya merasakan ini sesuatu yang tidak perlu lagi.

Bukanlah katakan kita mahu mengawal demokrasi. Demokrasi itu masih tetap hidup di dalam negara kita Malaysia ini. Tidak perlu kita mesti mengadakan rapat umum untuk mengatakan bahawa demokrasi itu hidup, *alive*, dengan izin, dalam negara kita Malaysia ini. Sekadar kita mengadakan kempen rumah ke rumah pun saya rasa sudah cukup seperti mana yang mereka lakukan di United Kingdom, saya lihat calonnya mengetuk rumah. Setiap rumah didatangi oleh calon mengetuk pintu untuk berkempen. Itu pun baik juga.

Jadi, saya memanglah kurang setuju jika ceramah yang terlalu terbuka ini diadakan. Apatah lagi dalam masa sekarang ini, pihak-pihak tertentu cuba mungkin menimbulkan masalah keganasan dan sebagainya. Dalam keadaan-keadaan bila ada perjumpaan umum seperti yang demikian, hati boleh jadi panas dan keganasan boleh berlaku. Mungkin ada pihak-pihak tertentu akan mengambil kesempatan untuk menimbulkan masalah dan ini akan dilihat sebagai suatu keadaan yang haru-biru di dalam negara kita, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana negara-negara Islam dilihat sebagai tempat keganasan berlaku. Jadi, saya merasakan pihak SPR harus juga mengambil kira keadaan-keadaan seperti ini dan situasi yang sedang berlaku di dalam dunia pada hari ini, supaya ini tidak dibenarkan.

Saya ingin balik juga kepada masalah poster ini lagi tadi. Poster ini, saya lihat pilihan raya di negeri Sarawak, pada suatu ketika negeri Sarawak mengadakan pilihan raya, saya tengok dalam televisyen, saya tidak begitu, tetapi saya lihat bahawa di situ tidak banyak poster, sedangkan pilihan raya. Seolah-olah tidak ada pilihan raya yang berlaku kerana tidak ada banyak poster.

Kita di Malaysia ini, selalunya bila pilihan raya, yang banyak sangat itu poster. Di sana sini, poster. Poster di tepi jalan, poster di atas jalan, poster di rumah, poster di kedai, poster di pejabat, di mana-mana sahaja terdapat poster tetapi Sarawak, sebuah negeri yang ada dalam negara kita Malaysia ini, telah berjaya melaksanakan pilihan raya negerinya, tanpa banyak poster dan begitu baik sekali. Jadi, saya rasa kalau boleh kita buat contoh negeri Sarawak ini, tidak perlulah begitu banyak poster. Jadi, kita pun boleh savekan wang seperti kata Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan penubuhan Pasukan Penguat Kuasa seperti yang dibuat dalam pindaan ini. Cuma persoalan saya, saya lihat tugas mereka ini adalah memantau dan mengawal aktiviti calon sepanjang masa berkempen sehingga tamat tarikh pengundian. 'Calon' di dalam tafsirannya ialah termasuk ejen pilihan raya seseorang calon dan mana-mana orang yang dilantik oleh calon ataupun ejen pilihan rayanya. Jadi, dia kena mengawal banyak orang, mungkin termasuk juga pekerja-pekerja yang dilantik oleh wakil calon. Ini kerja yang bukannya mudah untuk dijalankan, untuk memantau dan mengawal aktiviti. Kalau setakat calon seorang sahaja, mungkin mudah sedikit. Tetapi calon pun di dalam pilihan raya, tidak mungkin akan seorang dalam satu kawasan pilihan raya.

Kalau dalam kawasan Parlimen, sekurang-kurangnya dua orang calon. Terdapat pula lagi calon-calon peringkat Dewan Undangan Negeri dalam kawasan Parlimen tersebut. Maka, kerja mereka tentulah berlipat ganda. Adakah satu pasukan ini mencukupi untuk mengawal dan memantau kegiatan dan aktiviti calon dan wakil-wakilnya serta ejen-ejenya, orang-orang lain yang bekerja untuknya semasa kempen pilihan raya ini juga, kerana difikirkan sedalam-dalamnya untuk memastikan tugas, objektif penubuhan Pasukan Penguat Kuasa ini dapat sebenar-benarnya dijalankan dan dicapai. Ini kerana, jika tidak, ia seumpama kita mengadakan satu undang-undang untuk melepaskan batuk di tangga sahaja, tetapi kerjanya tidak dapat dijalankan sebenar-benarnya.

Saya juga mengalu-alukan di dalam Seksyen 27E, fungsi Pasukan Penguat Kuasa ini iaitu mereka boleh juga memberhentikan atau menyebabkan supaya diberhentikan apa-apa ucapan atau syarahan awam terbuka yang diadakan di dalam kawasan kawalan yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya.

Saya cuma ada *reservation*, jika berlaku perkara ini, adakah ini nanti tidak menyebabkan masalah kekecohan semasa pilihan raya jika pihak penguat kuasa ini menjalankan tugas mereka untuk memberhentikan apa-apa ucapan atau syarahan awam terbuka yang diadakan kerana kita tahu jika ada syarahan awam, tentu ramai orang yang hadir, bukan sahaja calon, petugas-petugasnya, pembantu-pembantunya dan pegawai-pegawainya dan juga orang ramai yang ada di situ, yang hadir termasuk penyokong-penyokong. Jadi jika tiba-tiba diberhentikan, mungkin boleh berlaku masalah atau timbul masalah di masa tersebut. Adakah pihak penguat kuasa ini nanti mempunyai daya upaya untuk menangani masalah yang akan timbul? Kalau jumlah mereka, seorang wakil daripada pihak polis, wakil daripada pihak berkuasa tempatan, wakil parti politik. Tentulah jumlah penguat kuasa itu saya rasa bilangannya kecil sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya amat berharap, meminta penjelasan daripada pihak SPR bagaimana cara mereka untuk menangani jika masalah seperti yang saya sebut itu berlaku.

Oleh kerana saya telah pun menerima nota daripada Tuan Yang di-Pertua, maka sampai di sini sahajalah perbahasan saya dan saya juga turut menyokong akta ini. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya jemput Timbalan Menteri untuk menggulung.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam akta ini.

Saya terus kepada Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui yang meminta SPR meningkatkan proses pengundian. SPR dari masa ke semasa mengambil tindakan membuat penerangan dan pendidikan pemilih bagi membolehkan rakyat faham proses pengundian.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui juga mencadangkan anggota pasukan penguat kuasa diberikan latihan sewajarnya. Sememangnya SPR bercadang untuk memberikan latihan kepada semua anggota pasukan penguat kuasa supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Selain latihan, SPR juga sedang menyediakan buku panduan bagi pasukan penguat kuasa dan buku panduan tersebut akan memperuntukkan cara bagaimana pasukan penguat kuasa hendak menjalankan tugas mereka dan perbuatan yang tidak boleh mereka lakukan. Anggota Pasukan Penguat Kuasa juga dilarang sama sekali daripada bertindak secara *partisan* atau mementingkan sesuatu pihak. Anggota Pasukan Penguat Kuasa akan bertindak secara neutral.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui juga membangkitkan soalan mengenai Fasal 5 sama seperti Yang Berhormat Tuan K. R. A. Naidu iaitu mengenai Fasal 5, rang undang-undang yang menyentuh kemasukan perenggan (g) ke dalam subseksyen 26(1) iaitu sama ada senarai perbuatan yang dilarang itu adalah *exhaustive* atau tidak rapi.

Benda dan perkara yang disenaraikan dalam Perenggan (g) 26(1) tersebut yang dilarang masuk ke tempat pengundian atau dalam jarak 50 meter dari sempadan tempat mengundi. Jawapan itu *exhaustive* dan buat masa ini SPR tidak bercadang mengawal apa-apa perkara atau benda lain yang tidak disenaraikan dalam Perenggan (g) tersebut. Seseorang tidak akan dibenarkan memakai, memegang atau membawa pakaian, tutup kepala, barang hiasan, *rosette*, botol air atau payung yang bercetak atau tertera dengan nama calon atau nama-nama lain, lambang atau simbol parti politik.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad iaitu isu berkaitan dengan kawasan kawalan pasukan penguat kuasa terlalu luas dengan keanggotaan terbatas. Penubuhan pasukan penguat kuasa dalam pilihan raya adalah mengikut bahagian Pilihan Raya Parlimen dan bagi tujuan melaksanakannya, pihak pasukan penguat kuasa akan menubuhkan bilik gerakan di peringkat Parlimen berkenaan dan menerima aduan atau laporan dan juga di bilik gerakan ini akan dilengkapi dengan alat-alat perhubungan seperti telefon, faks dan lain-lain alat bagi membolehkan laporan ini dapat diperolehi dan dipantau.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga membangkitkan isu kawasan bahagian pilihan raya yang akan dipantau. Di sini saya ingin maklumkan bahawa semua kawasan dalam bahagian Pilihan Raya Parlimen akan dipantau oleh Pasukan Penguat Kuasa. Isu yang sama iaitu kawasan kawalan Pasukan Penguat Kuasa kempen pilihan raya. Kawasan kawalan Pasukan Penguat Kuasa meliputi kawasan Parlimen seperti yang dikatakan tadi dan bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri di bawahnya. Sekiranya perlu SPR boleh menubuhkan Pasukan Penguat Kuasa untuk memantau kawasan-kawasan berkenaan.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi iaitu berkaitan dengan ceramah kempen pilihan raya diadakan selama tiga hari sahaja. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ceramah dibenarkan sebagaimana peruntukan baru dalam 24A dan 24B Akta Kesalahan Pilihan Raya dan sekarang ini kita dapati pada masa ini walaupun masa itu sepuluh hari, masih kita dapati banyak pihak yang tertentu daripada parti-parti pembangkang ini, mengatakan tidak cukup sebanyak dua hari ini tetapi perkara ini hanya boleh ditukar apabila kita dapat kebenaran melalui satu proses demokrasi atau pindaan akta dan pada masa ini, tiga hari yang dicadangkan oleh Yang Berhormat nampaknya tidak sesuai.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi Haji Abdul Hamid iaitu kawalan penggunaan *loud hailer* semasa hari penamaan calon dapat dibuat dengan aman tanpa ketegangan. Melalui pindaan yang dibuat pada tahun 2002, Seksyen 24A telah

dimasukkan melalui Akta Pindaan A1177 dan Seksyen 24A melarang mana-mana orang daripada menggunakan beberapa alat muzik atau pembesar suara bagi apa-apa maksud diayah politik pada hari penamaan. Penalti yang boleh dikenakan ialah penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi RM3,000 atau kedua-duanya.

Soalan lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi adalah kawalan semasa hari penamaan calon dipertingkatkan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat di sini, SPR telah mengadakan peruntukan Seksyen 24A yang dimasukkan pada tahun 2002 menghadkan kawasan 50 meter, di mana mereka yang tidak boleh berada berdiri dalam kawasan tersebut. Ia akan membolehkan keadaan di tempat penamaan calon aman.

Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid juga membangkitkan isu Seksyen 4A berkaitan dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya di mana Seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya menjadikan kesalahan suatu perbuatan membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan antara kaum, untuk mendorong mana-mana pemilih supaya mengundi atau tidak mengundi dalam pilihan raya atau untuk mendapatkan seseorang dipilih, sekiranya ucapan yang dikatakan oleh Yang Berhormat termasuk dalam perbuatan yang dikatakan dalam Seksyen 4A yang telah saya sebut tadi maka ia adalah satu kesalahan dan Pasukan Penguat Kuasa boleh memberhentikan atau mengambil tindakan untuk memberhentikan wakil parti yang menganggotai pasukan akan ditugaskan untuk memberhentikan ceramah itu dan pihak yang terkilang perlu membuat laporan atau aduan kepada Pasukan Penguat Kuasa. Kesalahan itu pihak yang terkilang boleh mengambil tindakan untuk mencabar calon yang menang dalam pilihan raya melalui *petition* dan menggunakan ceramah tersebut sebagai sesuatu alasan.

Yang Berhormat Lee Sing Chooi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana terus menyokong rang undang-undang ini tanpa apa-apa soalan, penjelasan atau isu-isu untuk dijawab.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ismail bin Kasim iaitu menggalang atau menghalang pengundi keluar mengundi. SPR telah menambah peruntukan baru di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya iaitu Seksyen 3(1)(n) iaitu mengenakan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda tidak lebih RM5,000 atau kedua-dua sekali bagi mereka yang menghalang atau menggalang pengundi keluar untuk mengundi.

Ini adalah juga isu yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar berkaitan dengan kesalahan ini. Di sini jika seseorang calon telah terpilih dan kemudian didapati bersalah kerana menggalang atau menghalang pengundi keluar mengundi, Kerusinya perlu dikosongkan dan ia akan hilang kelayakan menjadi calon atau pengundi dalam tempoh 5 tahun dari tarikh sabitan. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar juga mengenai penggunaan bahasa yang kesat dan yang menyakitkan hati semasa ceramah atau dalam apa-apa bahan kempen.

Pada tahun 2002, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 telah dipinda untuk menjadikan perbuatan membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan atau kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau yang boleh membangkitkan permusuhan antara satu kaum dengan satu kaum yang lain sebagai satu kesalahan dan pertukaran baru undang-undang yang telah dimasukkan itu ialah Seksyen 4A yang saya sebut tadi. Dengan adanya peruntukan tersebut adalah diharapkan pada pilihan raya akan datang, tidak lagi timbul penggunaan bahasa yang kesat dan menyakitkan hati seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Selain itu tindakan akan diambil oleh pihak polis, Pasukan Penguat Kuasa juga akan memantau keadaan dan mengambil tindakan serta-merta untuk menurunkan atau membuang apa-apa bahan kempen yang melanggar dengan Seksyen 4A tersebut atau memberhentikan apa-apa ceramah.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri membangkitkan beberapa isu. Isu yang pertama adalah meminta supaya wakil-wakil parti dibenarkan bertugas dengan kerani SPR yang menyemak buku daftar pemilih di barung SPR memandangkan pondok panas parti tidak dibenarkan lagi.

SPR memang bertindak adil kepada calon-calon untuk memastikan kepentingan mereka dijaga apabila pondok panas parti tidak dibenarkan lagi tetapi SPR juga membenarkan calon atau ejen pilihan raya untuk melantik pemerhati barung bagi pihak calon pada hari mengundi. Apa yang diperlukan ialah calon atau ejen pilihan raya, memberitahu ketua tempat mengundi secara bertulis nama dan alamat pemerhati barung yang dilantik oleh calon atau ejennya sebelum hari pengundian. Ini diperuntukkan oleh Seksyen 26A, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang dimasukkan pada tahun 2002.

Isu pondok panas bagi menolong penyemakan pengundi dimansuhkan. Ini Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri kita kawan baiklah. Kalau selepas bersara di PAS, mahu masuk PPP boleh, kita boleh terima. SPR telah menggantikan fungsi pondok panas dengan barung SPR. Barung SPR akan dilengkapi dengan komputer, alat-alat lain dan pegawai bertugas yang cukup bagi membantu penyemakan pengundi. Pondok panas yang pernah diadakan adalah punca wujudnya ketegangan di tempat mengundi.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat panjang lagikah?

Datuk M. Kayveas: Kalau dapat tambah 15 minit, saya boleh cuba.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya rasa saya ingin menangguhkan persidangan pada hari ini dan saya hendak membuat pengumuman.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menangguhkan penggulungan ini hingga satu tarikh, minggu yang akan datang dalam sesi sidang Dewan yang sama ini juga selepas pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2004 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan sehingga ianya selesai. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyambung ketika itu.

Dengan ini saya menangguhkan sidang Dewan pada hari ini sehingga hari Isnin 10 November 2003, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.